

Jilid II  
Bil. 28



Hari Selasa  
20hb Oktober, 1992

M A L A Y S I A

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KELAPAN

*Eighth Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 6169]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 6237]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 [Ruangan 6238]

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 6263]



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.  
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR  
1994

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

*Penyata Rasmi Parlimen*

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Bcrhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P., D.P.M.S. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOOGIE ANAK IROK, P.N.B.S.  
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH  
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., ;.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAH ABU HASSAN BIN HAH OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI  
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,  
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh),
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikci).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negeri dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Balu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR Sri ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Sclayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.MJ. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO MOHAMED PARID BIN ARIPHN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Cik TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, **PBS** (Bakri),
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., **PPC** (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Bunlar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDOL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D-P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bgn Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S.. P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, I.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- „ TUAN HAH ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN APDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.. P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAH ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

Yang Berhormat TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- „ DATO ALIAS BIN MD. ALI D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANO BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungunl).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.O.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMCN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ • TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN FONG KI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO FIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANO (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapil).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

Yang Berhorat TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIH HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MJCHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAH MOHD. SHARIP BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZHHN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.St.j. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (KimaniS).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan),
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIYEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI Aso. KARiM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (*Pari* Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M... S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIH, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN Sri ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman),
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAPIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).



**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Zamani bin Sulaiman

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 20hb Oktober, 1992

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PERGERAKAN NEGARA-  
NEGARA BERKECUALI (NAM)—  
PERUTUSAN JAKARTA

**1. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menghuraikan kejayaan Sidang Gerakan Negara-negara Berkecuali (GNB) di Jakarta tempoh hari:

- (a) adakah Perutusan Jakarta dikeluarkan sebagai refleksi kepada permuafakatan dan semangat musyawarah di kalangan GNB; dan
- (b) bagaimanakah kcsungguhan GNB dalam membantu kewujudan suasana dunia baru yang lebih demokratik dan adil setelah **berakhiraya Perang Dingin**.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Chc Wan)**; Tuan Yang di-Pertua, Sidang Kemuncak di Jakarta telah menyediakan satu forum yang penting bagi negara-negara anggotanya membincangkan mengenai berbagai isu politik dan

ekonomi secara konstruktif dan membina. Persidangan ini telah membuktikan bahawa Pergerakan Negara-negara Berkecuali (PNB) telah sedar akan peranan yang penting yang dapat dimainkan oleh pergerakan ini untuk mengatasi masalah-masalah politik dan ekonomi aniarabangsa masa kini.

Negara-negara anggota juga sedar akan betapa perlunya merekabersatu dan bekerjasama dalam semua bidang dan mencari penyelesaian yang lebih pragmatik bagi menghadapi masalah-masalah semasa.

Sidang Kemuncak tersebut juga telah membuka peluang kepada PNB membincangkan peranan pergerakan itu dalam proses pembentukan Order Dunia Baru. Dalam hubungan ini Pergerakan Negara-negara Berkecuali telah berjaya mendapat persetujuan untuk menubuhkan suatu Kumpulan Kerja Peringkat Tinggi untuk membincang dan mengeluarkan syor-syor mengenai penyusunan semula Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Bagi soalan (a), Perutusan Jakarta merupakan suatu pengisytiharan hasil dari perundingan-perundingan yang diadakan dengan ahli-ahli anggota PNB untuk mendapatkan kata sepakat mengenai isu-isu kepentingan bersama. Perutusan Jakarta melambangkan pendirian dan dasar PNB mengenai isu-isu utama yang dihadapi oleh ahli-ahli pergerakan tersebut yang berjaya dihasilkan melalui semangat musyawarah dan permuafakatan ahli-ahli anggota.

Bagi soalan (b), sebagai suatu pergerakan yang mewakili 108 daripada 179 negara-negara anggota PBB, Pergerakan Negara-negara Berkecuali sememangnya memandang serius tentang sebarang penyusunan Dunia Baru selepas tamatnya zaman Perang Dingin.

Kesungguhan Pergerakan Negara-negara Berkecuali untuk turut sama mewujudkan satu Peraturan Dunia Baru yang demokratik dan dapat menjamin kepentingan negara-negara sedang membangun, dapat dilihat dalam Perutusan Jakarta, yakni dokumen rasmi di mana ahli anggota membuat ikrar bersama menyentuh semua isu penting yang menjadi agenda antarabangsa.

Dalam Sidang Kemuncak di Jakarta, ahli-ahli pergerakan telah memainkan peranan utama dalam usaha-usaha memperkukuhkan, merombak dan mendemokratikkan sistem Perlubuhan Bangsa-bangsa Bersatu supaya ianya dapat memainkan peranan penting untuk mewujudkan Peraturan Dunia Baru yang adil dan saksama.

Untuk menjalankan peranan di atas, PNB dalam Sidang Kemuncak Jakarta mengambil keputusan menubuhkan Kumpulan Kerja Peringkat Tinggi (High-Level Working Group) yang lebih bertanggungjawab mengemukakan syor dan pendapat bagi tujuan memperkukuhkan peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam konteks mewujudkan Peraturan Dunia Baru.

Sidang Kemuncak juga telah memberi mandat kepada Pengerusi Sidang Negara-negara Berkecuali iaitu Indonesia untuk menyelaraskan peranan bersama NAM dalam usaha-usaha untuk memperkukuhkan kerjasama ekonomi antarabangsa terutama di bidang ekonomi. Di samping itu, Biro Penyelarasan Pergerakan PNB ini yang berpusat di New York telah juga memainkan peranan yang aktif dalam

mengemukakan syor dan pandangan mengenai usaha-usaha mempertingkatkan peranan dan keberkesanan PBB melalui kumpulan kerja tidak rasmi.

Semua ini menunjukkan bahawa Pergerakan Negara-negara Berkecuali yang mewakili negara-negara dunia ketiga tidak mahu diketepikan dalam sebarang usaha ke arah penyusunan semula Dunia Baru yang Icbih demokratik dan adil.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah keberkesanan keputusan yang telah diambil di dalam persidangan tersebut ke arah membebaskan negara-negara berkecuali daripada kungkungan politik dan ekonomi kuasa besar dunia?

Yang kedua, apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia bagi mencapai tujuan tersebut?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, kita percaya apabila lebih banyak lagi ahli-ahli anggota NAM dapat membangunkan negaranya dari segi ekonomi, dari segi politik, maka ramai daripada mereka itu akan bebas daripada dipengaruhi oleh negara-negara yang besar,

Yang keduanya, peranan Malaysia tak lain tak bukan ialah untuk menyuarakan dari masa ke semasa tentang penlingnya tiap-tiap anggota benar-benar merdeka daripada segi pendirian kita baik dalam bidang politik antarabangsa mahupun perkara-perkara yang perlu sangat kita syorkan, kita galakkan agar semua negara anggota NAM ini benar-benar membuat pendirian mengikut kepentingan kita sendiri dan tidak dikuasai oleh mana-mana pihak.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, ladi Timbalan Menteri telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai Perutusan

Jakarta yang disifatkan sebagai ultimate official voice, dengan izin, alaupun suara rasmi akhir yang lahir daripada Sidang Kemuncak tersebut.

Persoalan saya di sini, sekiranya Perutusan Jakarta itu merangkumi isu-isu semasa dan isu-isu dunia bersama, mengapakah masalah Bosnia-Herzegovina seolah-olah diasingkan daripada Perutusan Jakarta dan sebaliknya pula harus dikeluarkan satu kenyataan yang berasingan mengenai isu tersebut, sedangkan isu itu juga adalah isu dunia yang "current" dan juga "topical" pada ketika itu. Mengapakah sebabnya perkara seperti itu terjadi?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che' Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan kita memang sedar tentang masalah itu dan itulah sebabnya mengapa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri yang mengemukakan kumpulan ataupun mengetahui delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Jakarta itu telahpun menekankan betapa pentingnya masalah isu Bosnia-Herzegovina ini dimaktubkan juga di dalam Perutusan Jakarta yang mana di atas desakan, di atas dorongan dan di atas kerja yang kuat dibuat oleh Perdana Menteri sendiri dan ahli-ahli delegasi daripada Malaysia, maka suatu kenyataan yang telah memasukkan masalah Bosnia-Herzegovina telah dapat diskrapkan di dalam kepulusan terakhir sidang kemuncak tersebut.

#### KAJIAN SEMULA GALAKAN PELABURAN—KESAN PELAKSANAAN

**2. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan kesan pelaksanaan Dasar Kajian Semula Galakan Pelaburan di dalam memastikan Pertumbuhan Ekonomi yang mampan khususnya dari segi pindaan:

(a) galakan taraf perintis;

- (b) galakan elaun cukai pelaburan;
- (c) pengurangan pendapatan larasan; dan
- (d) elaun cksport.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1991 Kerajaan telah mengkaji semula galakan-galakan pelaburan untuk sektor perindustrian dengan lujuan meningkatkan keupayaan diri dan meningkatkan industri yang berdaya saing serta cekap. Dasar Kerajaan ini menekankan sikap, dengan izin, selectivity dalam menggalakkan penubuhan projek-projek perkilangan untuk menarik ramai pelabur asing dan lempatan melabur di negara ini di mana penekanan yang lebih diberi terhadap industri yang berintensifkan modal, berteknologi canggih dan berkemahiran tinggi. Kajian semula galakan pelaburan juga bertujuan memastikan supaya keupayaan sistem percukaian negara dapat menampung kos pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan awam. Setakat ini adalah masih awal untuk mengkaji kesan kajian semula galakan ke atas suasana pelaburan.

Bagaimanapun, adalah ternyata bahawa pelabur-pelabur masih dapat menikmati galakan-galakan yang telah saya sebutkan tadi kerana ianya tidak dihapuskan sama sekali. Adalah diperhatikan bahawa kajian semula ini tidak memberikan kesan ke atas pelaburan masuk ke dalam negara. Contohnya dalam tempoh Januari hingga Ogos 1992, sejumlah 515,041.3 juta telah dicadangkan sebagai modal pelaburan dalam permohonan-permohonan yang diterima untuk menubuhkan projek perkilangan. Ini hanyalah menurun sebanyak 1.3% secara perbandingan dengan jumlah \$14,844.7 juta permohonan pelaburan yang diterima dalam tempoh yang sama bagi tahun 1991. Penurunan tersebut pada asasnya adalah disebabkan oleh kelembapan

ekonomi di beberapa negara perindustrian utama yang mengakibatkan kekurangan aliran modal daripada negara-negara tersebut untuk pelaburan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, bilangan projek yang telah diluluskan mengikut jenis galakan untuk tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun yang lepas adalah seperti berikut: 129 telah diluluskan dengan taraf perintis berbanding dengan 303 yang diluluskan tanpa apa-apa galakan cukai. Dan pada tahun yang lepas, Januari hingga September, 302 diluluskan dengan taraf perintis, 258 tanpa apa-apa galakan cukai dari segi elaun cukai pelaburan bagi tahun ini, sembilan bulan pertama 26, tahun yang lepas 31.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa banyak juga kilang-kilang yang ditubuhkan di sini tidak ada diberi apa-apa insentif cukai. Maka dengan yang demikian jelaslah bahawa tarikan pelaburan asing ke negara ini bukannya semata-mata bergantung kepada insentif yang lumayan tetapi lebih merupakan tarikan daripada berbagai faktor bukan fizikal yang lain, seperti kestabilan politik, kemudahan infrastruktur yang baik dan juga kemudahan-kemudahan yang lain yang disediakan oleh Kerajaan yang boleh meningkatkan daya saing sektor perindustrian di negara ini.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan lambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan sebab-sebab kenapa pelaburan dari Jepun dan Taiwan sudah kian berkurang dalam tempoh satu dua tahun lepas ini, adakah walaupun insentif dari segi cukai dan sebagainya dari segi fiskal walaupun ianya memuaskan tetapi pulangnya tidak boleh menjamin, contohnya China Steel dari Taiwan. Kenapa China Steel itu tidak dapat kelulusan daripada Dewan Perdagangan Taiwan untuk melabur di Malaysia ini, ke atas sebab bahawa pulangan dari pelaburan itu tidak terjamin?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adalah begini. Memandangkan Sabah dan Sarawak sekarang struktur ekonominya begitu primitif, yang kurang berindustri, apakah jaminan boleh diberi oleh pihak Kerajaan Persekutuan supaya menarik lebih pelaburan asing ke kedua-dua negeri Malaysia Timur ini untuk memajukan kedua-dua negeri berkenaan serta menggalakkan integrasi nasional khususnya dari segi menggalakkan pelaburan ke dalam bidang contohnya elektronik ataupun tekstil? Sekian.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Terima kasih. Sebenarnya angka-angka menunjukkan bahawa pelaburan—secara aliranlah—daripada Jepun tidak menurun dan daripada Taiwan juga sungguhpun menurun, tidaklah begitu besar. Saya tidak ada angka kerana saya tidak tahu Yang Berhormat hendak tanya, tetapi dari trendnya kalau kita keluarkan beberapa projek terbesar seperti China Steel yang telah kita luluskan tiga tahun yang lepas, maka alirannya adalah menasabah memandangkan bahawa pelaburan daripada negara-negara ini ke negara lain pun juga begitu menurun. Jadi, pada pandangan kita pelaburan ke Malaysia tidaklah begitu membimbangkan.

Kedua, kita ingin juga melihat bahawa bukan sahaja projek-projek besar Jepun dan Taiwan datang ke sini, tetapi projek-projek yang berbentuk medium dan small scale industries, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu industri kecil dan sederhana yang mempunyai pengkhususan teknologi tersendiri. Jadi, kalau kita analisa dari segi itu juga bilangannya tidak banyak berubah, tetapi nilai pelaburan berkurang kerana jenis industri yang kita tarik ini memang jenis industri kecil dan sederhana kalau berbanding dengan China Steel.

Mengenai China Steel itu apa yang telah kita fahamkan bahawa di Taiwan mereka ada mekanisme Legislature masing-masing yang menunjukkan bahawa kalau tidak ada "approval" atau kelulusan daripada Legislature Yuannya maka tidak boleh pelaburan ini dibuat di luar negeri kerana ia milik Kerajaan dan sebab-sebabnya terpulunglah kepada mereka. Sebenarnya lesen ini tidak diberi kepada China Steel. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat memahami bahawa lesen membuat kilang steel ini tidak diberi kepada pihak Taiwan. Lesennya adalah diberi dan dimiliki oleh pelabur tempatan, mereka hanya menjemput China Steel datang sebagai partner. Maka pelabur-pelabur tempatan yang masih lagi memegang lesen ini bebas untuk mencari rakan usahasama menubuhkan sebuah 'integrated steel factory' jikalau ada yang sesuai. Tetapi setakat yang saya faham pihak China Steel masih lagi berminat untuk melabur di sini dan sedang membuat apa-apa juga urusan yang membolehkan mereka berbuat demikian. Sementara itu, partnernya di sini berusaha melihat samada ada partner lain yang boleh dicari.

Mengenai Sabah dan Sarawak memanglah tujuan kita untuk menebarkan lebih lagi industri-industri ke Sabah dan Sarawak, tetapi kita di peringkat Persekutuan tidaklah boleh memberi jaminan kepada kedua-dua Kerajaan negeri ini. Kita tahu bahawa pelabur-pelabur datang ke mana-mana negeri di Malaysia bergantung kepada beberapa perkara. Pertamaanya kerana keadaan suasana di tempat itu; kedua ialah infrastruktur yang ada dan ketiga dari segi pulangan daripada pelaburan, dari segi kos dan sebagainya dan sarna ada tidak industri-industri sokongan yang boleh membantu industri yang mereka hendak tubuhkan. Jadi, dari segi peringkat Federal kita menggalakkan mereka datang ke Malaysia, kita terangkan apa yang ada di sini dalam serba-serbinya dan terpulung kepada

pelabur memilih di mana hendak ditempatkan projek masing-masing dan Kerajaan Negeri-negeri sendiri adalah digalakkan bersama-sama dengan Kerajaan Pusat pergi dalam rombongan-rombongan ini untuk menarik pelabur-pelabur ke negeri masing-masing dan terpulung kepada negeri-negeri untuk menyediakan suasana yang sesuai bagi mereka melabur di negeri masing-masing.

**Tuan Robert Lau Hoi Chiew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, kalau diperbandingkan dengan negeri-negeri jiran, galakan-galakan cukai tersebut, berapa banyakkah daya tarikan kepada pelabur-pelabur dari luar dan dalam negeri? Kedua, adakah Kementerian berkenaan akan membangun Zon Perdagangan Bebas atau Free Trade Zone di Sarawak? Sekian.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kalau secara perbandingan memanglah apa yang kita tawarkan sebagai insentif-insentif sama ada fiskal atau bukan fiskal memang boleh dikatakan sama menarik, ada setengah tempat itu lebih menarik di Malaysia daripada tempat lain. Tetapi saya ingin tegaskan juga, mereka tidak hanya datang kerana kita beri insentif, mereka tengok kestabilan politik, suasana bekerja, produktiviti pekerja dan sama ada mereka boleh mengintegrasikan secara efektif dengan sektor industri di negara ini.

Mengenai zon FTZ di Sarawak ataupun di lain-lain negeri, ini terpulunglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing. Jikalau difikirkan ada kawasan yang boleh ditakrifkan sebagai zon perdagangan bebas (free trade zone) kerana cukup bilangan industri yang boleh dilarik ke situ, boleh diperimbangankan penubuhan FTZ ini. Tetapi ada juga alternatif yang lain, jikalau belum lagi ditubuhkan FTZ maka mana-mana industri yang berorientasikan

eksport bolehlah dijadikan, dengan izin, licensed manufacturing warehouse' ataupun gudang berlesen yang mana mereka mendapat pengiktirafan dan kemudahan sama seperti jikalau mereka ditempatkan di dalam 'Free trade zone', Jadi, kalau tidak adapun zon itu, industri ataupun factory itu sendiri boleh dipagar sebagai 'mini trade zone' tersendiri dalam bentuk 'licensed manufacturing warehouse, dengan izin.

### HARI KEBANGSAAN 31 OGOS— BENTUK PERAYAAN

3. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah dasar Kerajaan dan bentuk-bentuk perayaan memperingati Hari Kebangsaan pada 31 Ogos di masa-masa yang akan datang;
- (b) memandangkan pada tahun ini 115 kontinjen, dua kumpulan kenderaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta 36 pancaragam tentera, polis, badan sukarela dan sekolah turut mengambil bahagian dalam perarakan selama dua jam, adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi jumlah peserta yang akan mengambil bahagian ataupun mengadakan perarakan yang lebih ringkas dan menggantikan/menambahkan acara-acara lain untuk menyambut perayaan tersebut;
- (c) apakah tema keseluruhan perayaan-perayaan tersebut supaya objektif tema tersebut dapat dikekalkan buat beberapa tahun yang akan datang; dan
- (d) adakah Kerajaan berpuashati dengan pencapaian matlamat perayaan Hari Kebangsaan sehingga hari ini.

**Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana di masa-masa yang lalu dasar Kerajaan yang menentukan garis panduan dalam usaha mengatur acara-acara perayaan Hari Kebangsaan adalah bertujuan untuk menyatupadukan rakyat memperingati dan meningkatkan semangat untuk dapat memajukan negara di dalam aman. Acara perayaan sentiasa ditambah dan diubah secara perlahan-lahan sekitar format asas dalam bentuk perarakan pertunjukan padang yang sekarang ini diadakan di Stadium Merdeka dan pertandingan-pertandingan yang diadakan dalam masa 5 bulan sebelum acara raksasa 31 Ogos. Jika dahulu kita lihat hanya pasukan-pasukan pakaian seragam dan kanak-kanak sekolah menengah serta guru-guru sahaja yang terlibat dalam perayaan, sekarang ini kanak-kanak dari tadika, sekolah rendah, kakitangan Kerajaan, swasta, wargatua juga dilibatkan. Jika dahulu kita lihat hanya anggota Pasukan-pasukan Keselamatan sahaja yang mampu berkawat dengan segak, tetapi sekarang ini anggota-anggota awam juga mampu berkawat dengan segaknya sebanding dengan Pasukan-pasukan Keselamatan. Umum menganggapkan bahawa gabungan kelengkapan pakaian, pergerakan, suara, warna dan bunyi sekarang ini jauh lebih dekat kepada tahap ketertiban yang dituju.

Jawatankuasa Perayaan mengambil sikap terbuka dan menerima cadangan-cadangan baru yang konkrit untuk dimasukkan dalam acara perayaan. Walau bagaimanapun, tambahan acara alau peserta dalam perbarisan hanya dapat dilakukan dalam batasan waktu sekurang-kurangnya 2 jam sahaja. Persembahan padang pula perlu dibataskan sekitar 1½ jam.

Tema Hari Kebangsaan diperkenalkan mengikut keadaan semasa bergantung kepada penekanan yang diberi oleh Kerajaan pada tahun itu.

Pihak Jawatankuasa Perayaan Hari Kebangsaan berpuashati dengan semangat dan kesungguhan peserta bagi semua acara, tetapi tidak akan berhenti dari mencari idea baru untuk terus memperbaiki prestasi.

**Tuan Haji Ishak bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada cadangan daripada setengah pihak yang ingin menjadikan 16 September sebagai hari sambutan kemerdekaan Hari Kebangsaan dan pihak Kerajaan telah menolak cadangan tersebut. Adakah penolakan cadangan itu berasaskan kepada dasar objektif yang berbeza jika sambutan itu dibuat pada 31 Ogos.

Kedua, kita dapati masih ramai rakyat terutama sekali di bandar-bandar yang tidak mahu melibatkan diri dalam sambutan Hari Kebangsaan, misalnya masih banyak kedai-kedai yang tidak mengibarkan bendera. Adakah pihak Kerajaan mempunyai satu cadangan tertentu dari segi mengubah cara sambutan supaya rakyat lebih luas dan menyeluruh untuk bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan?

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penolakan cadangan merayakan hari kemerdekaan pada 16 September dan kita tetap dengan 31 Ogos adalah berdasarkan kepada faktor sejarah.

Mengenai usaha untuk menambahkan penglibatan masyarakat kota, adalah jelas bahawa masyarakat kota telah lebih menyambut hari kebangsaan sekarang ini jika dibandingkan dengan 10-15 tahun yang telah lalu walaupun merdeka sudah lama. Kerajaan tidak berhasrat untuk memaksa, tetapi berusaha supaya kesedaran untuk menghargai kemerdekaan ini datang sendiri daripada masyarakat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pertanian,

memandangkan bahawa mengikut fakta sejarah Hari Malaysia terjatuh pada 16hb September. Mengapakah pihak Kerajaan enggan mengisytiharkan Hari Malaysia ini, iaitu pada 16hb September sebagai satu hari cuti am dan juga meraikan Hari Malaysia ini secara besar-besaran sesama dengan cara meraikan Hari Merdeka?

**Datuk Seri Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir kita kena ada dua kali perayaan Hari Kemerdekaan, sekali pada 31 Ogos dan sekali lagi pada 16 September. Kita tidak dapat mengadakan dua perayaan. Mengenai cadangan Yang Berhormat, ini adalah cadangan baru yang tidak ada hubungan dengan masalah sambutan Hari Kebangsaan sekarang ini.

#### **SAHAM TELEKOM KEPADA MAIKA HOLDINGS— SIASATAN BPR**

4. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapakah Badan Pencegah Rasuah mengambil masa yang terlalu panjang dalam penyiasatan kes skandal 10 juta saham Telekom yang diperuntukkan kepada Maika Holdings Berhad dan bilakah kes ini dijangka selesai diambil tindakan; dan
- (b) mengapakah Perdana Menteri keberatan untuk menasihati Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato Seri S. Samy Vellu yang terlibat dengan kes skandal saham Telekom supaya meletakkan jawatan demi menjaga imej Kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, siasatan terhadap kes berkenaan bermula pada bulan Mei tahun ini dan Badan Pencegah Rasuah memerlukan masa yang agak



panjang untuk menyiasat kerana terpaksa mengesan, menyoalsiasat dan merakam percakapan merangkumi berpuluh-puluh orang saksi yang terlibat. Di samping itu pegawai-pegawai BPR pula perlu meneliti, menyemak dan menapis setiap dokumen yang berkaitan dengan kes berkenaan. Kes ini dijangka selesai disiasat tidak berapa lama lagi.

Siasatan terhadap Yang Berhormat Menteri berkaitan belum pun selesai dan dengan demikian Yang Berhormat berkenaan belum didapati bersalah. Oleh yang demikian, apa-apa tindakan terhadap orang yang belum didapati bersalah adalah satu tindakan yang melanggar undang-undang dan tidak demokratik.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang kita tahu bahawa penyiasatan kes ini telah dibuat oleh pihak Badan Pencegah Rasuah Wilayah Persekutuan dan seperti kenyataan yang dibuai oleh Pengarah BPR Wilayah Persekutuan, fail ini akan dirujuk kepada pihak Peguam Negara dan seterusnya barangkali akan dirujuk kepada pihak Perdana Menteri kerana Badan Pencegah Rasuah berada di bawah Jabatan Perdana Menteri. Soalan saya, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh Kerajaan bahawa sebarang keputusan yang akan dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah tidak akan ada campurtangan daripada pihak Perdana Menteri memandangkan Menteri berkenaan ialah seorang daripada Menteri Kabinet?

Yang keduanya, sejauh ini tidakkah ada hasrat daripada Menteri berkenaan walaupun Perdana Menteri tidak berhasrat untuk menasihati Menteri berkenaan meletakkan jawatan kerana skandal saham 10 juta ini? Sejauh ini apakah hasrat yang dibayangkan oleh Menteri berkenaan, apakah beliau tidak rasa malu, tidak rasa beringunjawab sebagai seorang Menteri Kabinet uruuk

dia sendiri secara terhormat meletakkan jawatan (*Tepuk*) kerana terlibat dengan skandal ladi, lebih-lebih lagi dalam penyiasatan kes 10 juta saham MAIKA timbul pula soal keputusan ataupun gagalannya skandal ataupun peristiwa pulusnya bekalan elektrik di seluruh negara, sudah jatuh ditimpa tangga, dua kali terkena.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa Kerajaan tidak akan menyembunyikan sesuatu dan membenarkan pihak BPR untuk menyiasat sehingga habis siasatan dibuat. Ini jaminan Kerajaan yang lelah pun disebutkan. Jadi, tidak ada soal sama ada kita hendak menuiup Yang Berhormat Menteri berkenaan dalam soal ini, sebabnya kalau sekiranya kita hendak menutup, kita tak benarkan BPR siasat dari mula lagi. Jadi, sekarang disiasat sehingga ke peringkat akhir sehingga Menteri berkenaan pun telah disiasat dan dipanggil oleh pihak BPR. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan mengkotakan kata-kata kita bahawa kita akan terus menyiasat soal jni.

Soal yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai hasrat Menteri berkenaan, saya tak tahulah hasrat dia; saya lain dan dia lain.

**Tuan G. Palanivel:** Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyaikan adakah terdapat bukti yang khusus bahawa pada asalnya 10 juta saham Telekom ini diperuntukkan kepada MAIKA Holdings? Terima kasih.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, kes ini masih dalam siasatan pihak BPR dan memangnya terdapat daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat bahawa saham ini diberikan kepada MAIKA Holdings, tetapi kedudukannya masih lagi disiasat oleh BPR dan kita tidak akan dapat

menjelaskan kedudukan yang terakhir sehinggalah penyiasatan itu akhirnya dibuat oleh pihak BPR.

### NON-ALIGNED MOVEMENT— USUL UTAMA

**5. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) usul-usul utama yang diambil daripada mesyuarat Non-Aligned Movement baru-baru ini di Jakarta, Indonesia; dan
- (b) sama ada benar bahawa negara China akan dijemput untuk menganggotai Non-Aligned Movement. Kalau ya, apakah kesannya.

**Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, usul-usul utama yang diambil dalam Persidangan Kemuncak NAM di Jakarta baru-baru ini adalah terkandung dalam kenyataan Jakarta Message seperti yang dihuraikan sedikit-sebanyak tadi oleh Timbalan Menteri. Antaranya dia mengandungi:

- (a) keazaman negara-negara NAM untuk terus menegakkan prinsip-prinsip untuk memerangi dalam menghadapi segala masalah ekonomi dan politik dunia untuk membasmi kemiskinan;
- (b) untuk mengambil peranan yang aktif dalam usaha-usaha untuk merombak badan-badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi (high-level working group);
- (c) menghormati kedaulatan sesebuah negara dan memastikan tidak ada campurtangan dalam hal-hal yang berkaitan dalam satu-satu negara;

- (d) menyelesaikan masalah secara perundingan dan juga untuk meneruskan dan menjayakan usaha Kerjasama Selatan-Selatan itu adalah antara keputusan yang diambil terkandung dalam Jakarta Message itu.

Berhubung dengan kedudukan China pula, sebenarnya kita tidak pernah membuat permohonan untuk menyertai NAM, dan mengikut prosedur Gerakan Negara-negara Berkecuali, Gerakan ini tidak juga menjemput mana-mana negara untuk menyertainya, terserahlah kepada sesebuah negara untuk melahirkan hasrat untuk menyertainya. Terima kasih.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri Luar apakah Presiden Soeharto yang dipilih menjadi Pengerusi NAM merupakan pemimpin Pergerakan NAM ataupun mengkerusikan Mesyuarat Sidang NAM. Ini dua perkara yang berbeza dan kalau beliau memimpin Pergerakan NAM sebagai ketua kepada Pertubuhan NAM, bukan semata-mata hanya mengkerusikan mesyuarat tersebut, adakah ucapan dan kenyataan beliau mencerminkan hasrat negara-negara yang menganggotai negara NAM? Terima kasih.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, siapa juga yang menjadi Pengerusi NAM mempunyai peranan juga sebagai pemimpin pergerakan itu dan ucapan yang telah diberi oleh Presiden Soeharto di Bangsa-bangsa Bersatu itu adalah satu ucapan yang melambangkan keputusan-keputusan yang telah diambil dalam Persidangan NAM di Jakarta baru-baru ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Persidangan NAM yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

membuat satu seruan yang agak lantang dan kuat mengenai hala tuju NAM di masa akan datang. Adakah sebabnya ucapan beliau itu tidak mendapat ruang di dalam akhbar negara tuan rumah membayangkan sedikit kehairanan ataupun mencerminkan terdapat sedikit pergeseran di dalam NAM hari ini?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Sebenarnya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga mendapat liputan dalam akhbar di Jakarta. Di samping itu juga beliau telah diberi peluang beberapa kali untuk mengadakan temu bual (interview) dengan akhbar-akhbar yang berpengaruh di Jakarta. Jadi, soal Yang Berhormat timbulkan tadi, sama ada pergeseran atau tidak, perkara itu setahu saya tidak ada berlaku.

#### PERSIDANGAN ULAMA-ULAMA ASEAN

6. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil dan rumusan dari persidangan Ulama-ulama ASEAN yang telah diadakan di Kuala Terengganu baru-baru ini; dan
- (b) adakah permasalahan semasa umat Islam ASEAN khasnya yang melibatkan penindasan umat Islam di Selatan Thai, Selatan Filipina dan Aceh telah dibincangkan. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) hasilnya ialah bersetuju supaya diadakan kerjasama yang erai di antara ulama-ulama dari segi dakwah dan penentuan hukum.

- (b) Persidangan ini ialah merupakan forum ilmiah dan bukannya forum politik, maka kandungan soalan dalam (b) tidak bersangkutan dengan persidangan tersebut.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan lambakan daripada soalan (a). Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu resolusi-resolusi yang diterima pakai oleh Kerajaan daripada Persidangan tersebut dan resolusi-resolusi yang tidak diterimakan?

Yang kedua, apakah panduan yang diambil dalam Persidangan tersebut mengikut pengertian agama daripada perkataan "religion" yang difahami oleh orang Barat ataupun mengikut pengertian perkataan "addin" yang terkandung di dalam Al-Quran?

**Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang pertama tadi itulah rumusannya, kalau hendak baca rumusannya sangat panjang, tetapi semuanya di sekitar kerjasama di dalam dakwah dan penentuan hukum.

Perkara kedua, perkataan 'religion' atau perkataan 'addin', perkataan dakwah yang disebut tadi iaitu kerjasama dalam peningkatan dakwah di sini bererti bahawa dakwah memperiinggikan syiar Islam; sepertimana yang kita faham syiar Islam ada dua komponen, satu syiar yang berhubung dengan akidah dan amalan yang bersangkutan terbitan dari akidah.

Yang kedua, komponen syiar Islam ialah syiar yang bersangkutan dengan pencapaian kesejahteraan hidup di dunia dan keupayaan membangunkan diri, maka itu komponen kedua. Bererti apabila dua ini disebut, maka perkataan atau garis panduan yang dikatakan 'addin' itu telah tercapai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap.

*(Soalan No. 7 Y.B. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap tidak hadir)*

**PASPORT KEPADA  
PEMASTAUTIN SARAWAK/  
SABAH**

**8. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan Sabah telah membincangkan dengan Kerajaan Pusat tentang rancangannya untuk mengenakan pasport kepada pemastautin Sarawak dan Labuan yang mengunjungi Sabah dan adakah kemungkinan ia ditimbangkan;
- (b) sejak terbentuknya Malaysia pada 16 September 1963 sudah berapa kali pihak yang menandatangani perjanjian antara Kerajaan yang membentuk Malaysia telah mengadakan mesyuarat dan adakah kajian-kajian dibuat berhubung dengan integrasi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung;
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengukuhkan integrasi antara wilayah-wilayah itu; dan
- (d) adakah cadangan Kerajaan Pusat untuk membatalkan penggunaan pasport bagi penduduk Semenanjung yang mengunjungi Sabah dan Sarawak. Bilakah ia boleh dilaksanakan dan apakah yang menghalang setiap pihak mencapai persetujuan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat:

- (a) Kerajaan Sabah ada menyampaikan hasrat kepada Kerajaan Pusat untuk mengenakan pasport kepada penduduk-penduduk Sarawak dan Semenanjung yang memasuki Sabah untuk tujuan bekerja. Walau bagaimanapun, sebelum Kerajaan Pusat membuat keputusan, pihak Kerajaan Sabah telahewartakan peraturan tersebut.
- (b) Sejak pembentukan Malaysia usaha-usaha untuk mengukuhkan integrasi antara Sabah-Sarawak dan Semenanjung sentiasa diadakan melalui pelbagai cara yang di antaranya ialah melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri, Mesyuarat Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Mesyuarat antara Jabatan-Jabatan Kerajaan, di samping kajian dan penelitian yang sewajarnya dibuat dari semasa ke semasa.
- (c) Dalam mengukuhkan integrasi di antara wilayah-wilayah ini beberapa aktiviti dan program telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan, yang antaranya ialah:
  - (i) supaya ditubuhkan Yayasan Perpaduan Negara;
  - (ii) diadakan pertukaran pegawai-pegawai awam pelbagai Jabatan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dan dibuat lebih kerap lagi;

- (iii) dicadangkan supaya kemudahan pengangkutan atau perhubungan ditingkatkan dan kadar pembayaran perkhidmatan pengangkutan atau perhubungan yang berpatutan dikenakan.
  - (iv) menggalakkan penggunaan unsur-unsur masyarakat berbagai keturunan atau wilayah dijadikan objeknya di dalam iklan-iklan melalui media-massa. Salah satu contoh ialah seperti iklan-iklan yang menggalakkan simpanan di bank; dan
  - (v) supaya masyarakat tidak sepatutnya bercakap dengan memberi gambaran bahawa semua negeri atau wilayah itu masih ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.
- (d) Sememangnya hasrat Kerajaan Pusat untuk membatalkan penggunaan paspor bagi penduduk-penduduk Semenanjung yang mengunjungi Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dirundingkan dengan kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjelaskan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa permintaan untuk mengkaji semula 20-point Inter-Governmental Committee Report, permohonan itu dibuat daripada pihak Kerajaan Negeri Sarawak sendiri. Bolehkah pihak Kerajaan Persekutuan memberitahu dari siapakah permintaan ini dibuat, bilakah ianya dibuat dan skop kajian yang dijalankan itu. Oleh sebab selalunya pemimpin-pemimpin Barisan

Nasional di Negeri Sarawak itu' enggan menerima apakah cadangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji semula IGC Agreement itu maka kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu amat mengagumkan. Maka saya minta penjelasan, itu soalan nombor satu.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa ini masalah bukan tentang pasport sahaja tetapi tentang perpaduan negara, tentang integrasi nasional dan memandangkan bahawa masalah begitu besar telah berlaku di Canada dari segi isu Quebec ataupun di dalam bekas Soviet Union, memandangkan bahawa masalah pecah-belah telah berlaku di negeri-negeri CIS sekarang dan khasnya tragedi begitu besar di Bosnia iaitu di Persekutuan Yugoslavia yang ada sekarang, maka saya terkejut bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sendiri menjawab soalan ini. Sepatutnya perkara itu dijawab oleh seorang Menteri kanan khasnya dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri barulah boleh cukup kuasa alau authority untuk menjawab soalan ini. Maka tahniah kepada Menteri-menteri hari ini. Semalam dan sekarang ramai Menteri datang ke Parlimen. Ini trend baru yang saya harap boleh diteruskan tetapi ini sudah didukacitakan bahawa soalan begitu penting dijawab oleh seorang Setiausaha Parlimen yang junior.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama saya telah jawab dalam jawapan tadi iaitu Kerajaan Persekutuan sentiasa melalui meja perundingan berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai apa-apa perkara untuk mengintegrasikan terutamanya semangat ke Malaysiaan. Maka segala perundingan itu mestilah berdasarkan kepada kejujuran dan keikhlasan. Mana-mana satu pihak kalau sekiranya dia tidak jujur untuk integrasikan Malaysia dan cuma hendak jadikan satu isu politik, maka tidak payah

kita buang masa bincang secara terbuka sama ada siapa akan bangkitkan, bila kita jawab itu semua adalah alasan untuk cari salah atau kita kata 'find fault' atau bermotif politik.

Untuk soalan yang kedua, itu bukan soalan tetapi ianya berupa ucapan. Tetapi saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat iaitu semua—tidak kira Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen—diberi taklimat yang secukupnya dan kita semua mewakili Kementerian masing-masing. Oleh sebab perkara ini mengenai pasport dan ada kaitan dengan Imigresen, jadi ia di bawah Kementerian Dalam Negeri di mana saya adalah Setiausaha Parlimennya. Jadi, janganlah cuba hendak memperkecilkan kita punya perwakilan. *(Tepuk)*

**Tuan Abdul Malek Munip:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada bahagian (c). Saya hendak tahu adakah Kerajaan mempunyai definisi atau falsafah khas mengenai istilah integrasi nasional itu. Jikalau ada, apakah dia, dan adakah ianya merujuk kepada matlamat untuk membina bangsa Malaysia yang berperibadi Malaysia seperti yang terungkap dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, definisi atau falsafah itu sebenarnya adalah perlu dijawab oleh Kementerian yang lain. Tetapi sepanjang pengetahuan saya semua usaha-usaha yang kita bual setakat ini ialah bagaimana kita boleh menyatupadukan bukan sahaja rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan juga rakyat Malaysia dari berbagai wilayah tidak kira dari negeri mana; apa-apa strategi, apa-apa rancangan yang boleh ke arah itu kita anggap itu adalah integrasi Malaysia. Mengenai falsafah itu, saya rasa Kementerian yang lebih mahir akan dapat jawab soalan ini.

## MOTOSIKAL MEMASANG LAMPU DI SIANG HARI

**9. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Pengangkutan menyatakannya:

- (a) adakah dengan mengenakan penunggang-penunggang motosikal memasang lampu di siang hari dapat mengurangkan kemalangan jalan raya;
- (b) dalam tahun 1991, berapakah jumlah kemalangan motosikal yang berlaku di siang hari dan berapakah jumlah yang berlaku di waktu malam. Sejak syarat memasang lampu di waktu siang ini dijalankan adakah kemalangan motosikal ini berkurangan;
- (c) adakah idea memasang lampu ini hasil daripada penyelidikan pegawai-pegawai di Kementerian atau permintaan tauke-tauke yang mendapat keuntungan di dalam pelaksanaan syarat ini. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menurunkan harga yang berkaitan dengan pelaksanaan syarat ini; dan
- (d) adakah Malaysia satu-satunya negara di dalam dunia yang penunggang-penunggang motosikalnya memasang lampu di siang hari.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan kajian yang dilaksanakan di luar negeri seperti di negeri Perancis, negara-negara Scandinavia dan Jerman Timur, pemasangan lampu motosikal pada siang hari dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan jumlah kematian dan kecederaan akibat daripadanya. Umpamanya, di

Jerman Timur kadar kematian penunggang dan pembonceng motosikal pada tahun 1985 adalah sebanyak 32% daripada jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya. Kadar ini telah menurun kepada 28% pada tahun 1988, iaitu dua tahun selepas pemasangan lampu pada siang hari dikuatkuasakan pada tahun 1986. Bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan berlakunya sesuatu kemalangan jalan raya seperti sikap pengguna, keadaan jalan raya, cuaca dan keadaan kenderaan yang berkenaan. Faktor-faktor ini secara berasingan atau secara kombinasi boleh menyebabkan berlakunya sesuatu kemalangan jalan raya.

- (b) Jumlah motosikal yang terlibat dalam kemalangan pada waktu siang hari dan malam tidak dapat diberi kerana setakat ini sistem pengumpulan data kemalangan tidak mengasingkan kategori kenderaan yang terlibat pada waktu siang dan pada waktu malam.

Ingin saya memaklumkan bahawa semenjak berkuatkuasanya peraturan ini mulai 1.9.1992, jumlah motosikal yang terlibat dalam kemalangan telah berkurangan. Jumlah motosikal yang terlibat bagi seluruh negara dalam bulan Ogos 1992 adalah sebanyak 4,110 manakala bagi bulan September 1992 adalah sebanyak 3,088, iaitu pengurangan sebanyak 24.9%. Daripada perangkaan ini maka adalah jelas membuktikan bahawa jumlah motosikal yang terlibat dalam kemalangan telah berkurangan.

(c) Peraturan ini adalah hasil daripada kajian mengenai keberkesanan amalan memasang lampu pada siang hari bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna iaitu penunggang dan pembonceng motosikal dan juga pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa peraturan ini tidak membebankan dari segi kewangan kepada pemilik-pemilik motosikal kerana tanpa peraturan ini pun motosikal-motosikal dikehendaki dilengkapi dengan lampu dan bateri.

- (d) Ingin saya memaklumkan bahawa Malaysia bukanlah satu-satunya negara di dalam dunia ini yang mewajibkan penunggang-penunggang motosikal memasang lampu pada siang hari. Malah peraturan ini dikuatkuasakan di negara-negara lain seperti negara Perancis, negara-negara Scandinavia dan Jerman Timur.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negara-negara disebut oleh Timbalan Menteri tadi adalah negara-negara yang banyak kabus ataupun salji sedangkan Malaysia ini negeri yang terang-benderang. Soalannya, bagaimana mereka yang memasang lampu motosikal itu supaya mereka dapat mengetahui mereka pasang lampu tinggi ataupun rendah? Kita yang bawa kereta pula selalunya silau sebab mereka pasang lampu tinggi sedangkan penunggang motosikal ini tidak tahu yang dia itu pasang lampu tinggi.

Yang kedua, apakah pihak Kerajaan bercadang pada tahun depan untuk membuat undang-undang bahawa mereka yang berjalan kaki supaya bawa "torch light" di siang hari? (Ketawa)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat adalah memcerli keadaan yang kita lakukan untuk keselamatan. Sebagai pemandu kereta sudah tentu Yang Berhormat sendiri akan nampak kesannya. Kerana penglihatan kita terhadap penunggang motosikal yang profailnya kecil semasa berada di jalan raya akan dapat dibantu. Maknanya visibility atau penglihatan, kebolehlihatan terhadap penunggang motosikal itu akan lebih jelas kalau ada lampu kerana lampu itu mudah menangkap pemandangan kita.

Saya suka juga mengingatkan kepada Yang Berhormat, di Malaysia ini pukul 6.30 pagi masih gelap lagi. Kita telah dibuktikan bahawa dengan penguatkuasaan itu kita dapat kurangkan daripada 4,110 kemalangan kepada 3,088. Ini adalah satu bukti bahawa ianya ada keberkesanan. Tahun depan kita akan kuatkuasakan beberapa lagi peraturan iaitu pemasangan lilitan pemantul cahaya atau sinar kepada tepi keledar. Sekarang ini kita menggalakkan penggunaan pemantulan cahaya atau sinar itu kepada tepi keledar tetapi pada 1.1.1993 nanti ianya akan dikuatkuasakan. Pada pertengahan tahun hadapan kita juga akan menguatkuasakan brck ketiga bagi kereta-kereta. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak melanggar peraturan kerana Yang Berhormat akan disaman jika berbuat demikian. *(Ketawa)*

**Datuk Monggoh Orow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin lahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 3,000 kes kemalangan, berapa banyakkah yang terlanggar daripada belakang dan berapa banyakkah yang terlanggar 'head-on collision', kerana kalau dari belakang kita tidak nampak lampu, hanya kalau berdepan baru kita nampak lampu. Tetapi kalau berdepan, dia sebelah kiri kita di sebelah kanan. Jadi, tidak mudah terlanggar.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya tidak ada pecahan. Seperti juga berapa kemalangan yang berlaku di malam hari dan berapa yang berlaku di siang hari, saya tidak ada pecahan angka dan demikian juga berapa banyakkah yang terlanggar 'head-on\*', berdepan ataupun dari belakang, juga saya tidak ada angka. Apabila sudah ada angka nanti saya akan umumkan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu rahmat. Tadi Timbalan Menteri memberi jawapan mengatakan tidak ada kajian yang rapi menunjukkan pecahan kemalangan pada waktu siang ataupun pada waktu malam dan mungkin tidak memberi gambaran yang sebelumnya sama ada kemalangan yang berlaku pada siang ataupun malam hari dan sama ada motosikal yang menggunakan lampu itu adalah menjadi satu akibatnya.

Adakah Kementerian bercadang memberi arahan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan supaya rckod yang rapi yang boleh menunjukkan bahawa kemalangan yang berlaku pada siang hari dapat dinilai sebagai kesan daripada menggunakan lampu pada waktu siang?

Yang kedua, kekurangan kemalangan yang berlaku dalam pemerhatian sebulan dua, kemungkinan ini waktu 'transition', iaitu perkara yang mungkin 'incidental' berlaku. Pengaruh kemalangan mungkin berlaku oleh hujan lebat, pasir banyak, batu keluar dan macam-macam perkara lagi. Mungkin ini tidak memberikan gambaran yang tepat. Adakah Kementerian bercadang untuk membuat kajian yang lebih telki lagi supaya soalan-soalan berhubung dengan langgar kiri, langgar kanan, langgar belakang dan langgar depan tadi tidak berbangkit persoalannya lagi di Dewan ini?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini memang sebelum menguatkuasakan peraturan memasang lampu di siang har:



ini, pihak yang membuat laporan iaitu khususnya pihak Polis biasanya lidaklah memecahkan angka-angka itu. Kita boleh masukkan dalam borang POL 27, iaitu borang yang boleh diisi oleh sesiapa sahaja yang bertanggungjawab melaporkan kemalangan dan boleh kita masukkan pecahan angka-angka yang kita hendak rekodkan. Insya Allah, pada masa akan datang setelah kita masukkan keperluan itu dalam borang tersebut, kita akan dapatlah angka kemalangan-kemalangan itu. Memang dalam jawapan saya di awal-awal tadi sudah mengatakan, ada faktor-faktor lain yang menyebabkan kemalangan. Saya sebutkan tadi sikap pengguna, keadaan jalanraya, cuaca dan keadaan kenderaan berkenaan itu sendiri. Kita lidak menafikan, tetapi kita cuba mencari jalan, apa juga yang boleh mengurangkan kadar kemalangan iaitu demi untuk menyelamatkan banyak nyawa yang terkorban dalam kemalangan jalanraya. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan memberikan kerjasama mercka iaitu di kawasan masing-masing janglah pula menentang penguatkuasaan ini seperti apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Nilam Puri tadi, seolah-olah menentang. (*Ketawa*)

#### SKIMPENCEN—BILANGAN PENERIMA

**10. Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah orang yang menerima pencen setiap tahun dan apakah jumlah wang yang dibayar setiap tahun sehingga lima dan sepuluh tahun yang akan datang. Apakah dasar jangka pendek dan panjang terhadap skim pencen di negara ini. Adakah Kerajaan hendak melanjutkan umur untuk persaraan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Dato Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, pada lahun 1991, terdapat seramai 239,910 pesara dan penerima pencen iaitu 169,933 pesara

dan 69,977 penerima-penerima lain yang dibayar pencen. Secara purata kadar kenaikan bilangan pesara dan penerima-penerima pencen setiap tahun ialah 7%.

Perbelanjaan pencen yang ditanggung oleh Kerajaan pada tahun 1991 ialah sebanyak \$1.306.8 juta manakala \$1,329.89 juta telah diperuntukkan untuk tahun 1992.

Ramalan mengenai perbelanjaan pencen bagi lima tahun yang akan datang ialah:

1993	\$1,607.96 juta
1994	\$1,720.52 juta
1995	\$1,840.96 juta
1996	\$1,969.83 juta
1997	\$2,107.70 juta

Dan seterusnya bagi lima tahun berikutnya pertambahan perbelanjaan pencen dijangka meningkat atas kadar 10% setahun. Walau bagaimanapun, jangkakan perbelanjaan pencen tersebut adalah tertakluk kepada semakan gaji kakitangan Kerajaan dari semasa ke semasa di mana pesara dan penerima pencen juga diberi penyalarsan pencen sewajarnya.

Dasar jangka pendek dan panjang terhadap skim pencen adalah termaktub di dalam undang-undang pencen seperti Akta Pencen 1980, Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dan Akta Penyalarsan Pencen 1980. Di samping itu, Kerajaan telah menubuhkan satu tabung pencen di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991. Pegawai dan kakitangan yang dilantik pada atau selepas 12hb April, 1991 dan menyandang jawatan letap adalah diberi option untuk memilih Skim Pencen atau Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Setakat ini, Kerajaan tiada cadangan untuk melanjutkan umurpersaraan wajib bagi kakitangan Kerajaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan yang diberikan hari ini yang menunjukkan pertumbuhan kadar bayaran pencen meningkat dari 7% kepada 10% dalam tempoh 10 tahun. Ini menunjukkan satu kelemahan dalam dasar Kerajaan yang pada lima tahun yang lepas telah membuat pengumuman untuk menyelesaikan masalah pencen di negara ini. Adakah dengan persaraan awal yang dibenarkan oleh Akta yang diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini keadaan ini akan menjadi lebih baik, kerana kalau Kerajaan tidak berwaspada, negara Malaysia akan menanggung pesara-pesara yang lebih banyak, orang-orang tua yang lebih banyak? Ini adalah satu gejala yang akan menjejaskan kemajuan dan perlumbaan ekonomi di Malaysia.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terlalu awal untuk saya memberikan jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat akibab daripada Akta yang telah dipinda berkenaan dengan pencen supaya kakitangan Kerajaan boleh mengambil option apabila mereka mencapai umur 40 tahun.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, masalah orang yang telah pencen beberapa lama dahulu, umpamanya kalau seseorang itu menyandang jawatan Kerani Kanan pada masa dia berpencen dalam tahun 70-an, tetapi gaji dia masih kecil dan sampai sekarang gaji Kerani Kanan- mungkin sudah besar dan pencen yang diterima pada masa dia pencen dalam tahun 60-an mungkin tidak selaras dengan pencen yang diterima oleh orang yang menerima pencen dalam tahun 90-an, Adakah cadangan Kerajaan untuk memberi peningkatkan bayaran pencen kepada penerima pencen yang berkenaan ataupun membina satu skim subsidi

supaya mereka yang pencen itu tidak terasa bahawa mereka tertekan oleh kerana kenaikan harga barang?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham soalan Yang Berhormat, oleh kerana seperti dalam jawapan saya, jikalau Kerajaan membuat penyemakan gaji pesara-pesara dan penerima-penerima pencen juga diberi penyelarasan pencen dengan sewajarnya. Jadi, ini bermakna bahawajikalau 8% seperi di bawah SSB baru awal tahun ini, mereka dengan automatik naik juga peratusan pencen.

#### **BEKALAN ELEKTRIK KE KAWASAN LUAR BANDAR/PEDALAMAN— KAJIAN**

**11. Tuan Harrison Ngau Laing** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian yang telah dibuat mengenai Program Pembekalan Elektrik ke kawasan luar bandar;
- (b) apakah cara dan bentuk yang sesuai yang telah dikenal pasti untuk membekal tenaga elektrik di kawasan luar bandar seperti di rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (c) apakah potensi ikhtiar lain seperti mini hidro tenaga solar dan bayu dalam Program Pembekalan Elektrik ke kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini satu kajian sedang dijalankan oleh satu firma juru-perunding swasta di Sabah dan Sarawak bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan dan

seterusnya pengesyoran kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman yang tidak dapat dihubungkan melalui talian grid di kedua-dua negeri ini. Kajian ini dijangka berakhir pada bulan Januari 1993. Oleh sebab itu, hasil kajian tersebut belum dapat diketahui secara khusus.

- (b) melalui laporan interim yang telah dikemukakan oleh juru perunding berkenaan kaedah yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:
- (i) Set janakuasa.
  - (ii) Cahaya Suria (Solar).
  - (iii) Mini/Mikro Hidro.
  - (iv) Sistem Hibrid.
  - (v) Kuasa Bayu/Bio-Mass.
- (c) Memang benar, kaedah-kaedah lain seperti mini hidro, tenaga solar dan bayu juga sedang dikaji keupayaannya oleh juru perunding.

**Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kadar tarif. Kita semua sedia maklum bahawa kadar tarif yang dikenakan kepada mereka yang tinggal di luar bandar adalah tinggi daripada bandar, kira-kira dua kali ganda saya kira. Adakah Kerajaan mencadangkan untuk mengkaji kembali lentang iarif ini dan usaha untuk menyamarata kadar tarif di bandar dan di luar bandar?

**Tuan Mohd. Yassin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos adalah lebih sesuai untuk menjawab pertanyaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 dan No. 12 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).*

#### SUKAN KOMANWEL 1998— PERSEDIAAN

**7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia di dalam membuat perediaan menjelang Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan latihan bakal para peserta Malaysia.

27-10-92

**2. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan dari segi Sukan Komanwel tahun 1988:

- (a) perbelanjaan yang terlibat untuk membawa sukan ini ke Kuala Lumpur;
- (b) perediaan dari segi perancangan dan pembangunan serta infrastruktur yang telah dan akan dijalankan;
- (c) anggaran jumlah peruntukan keseluruhan untuk sukan tersebut;
- (d) perediaan serta harapan pencapaian atlit negara di sukan tersebut; dan
- (e) faedah langsung dan tidak langsung dari sukan tersebut kepada negara.

2-11-92

**11. Dr. V. David** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah kos anggaran bagi menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998;

- (b) apakah tempatnya di Malaysia yang telah dikenalpasti sebagai tempat bertemu bagi Sukan Komanwel ini;
- (c) adakah betul bahawa peng-anjuran sukan ini akan di-swastakan; dan
- (d) apakah nama syarikat yang diberi tugas ini, jumlah modalnya dan siapakah ahli-ahli Lembaga Pengarahnya.

10-11-92

**21. Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan peruntukan yang di-ketepikan unluk tujuan Sukan Komanwel 1998; dan
- (b) langkah-langkah atau tindakan yang akan diambil oleh Kementerannya unluk memastikan para peseria Sukan Malaysia akan berjaya mendapat lebih pingat.

25-11-92

**3. Tuan Ahmad bin Nor** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan bagi persiapan Sukan Komanwel (SUKOM) 1998 dan berapakah anggaran perbelanjaan yang mungkin akan terlibat, dan dari manakah sumber kewangan yang akan diperolehi bagi membiayai segala kos yang terlibat.

30-11-92

**5. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang diambil dari sekarang ini agar Sukan Komanwel yang akan diadakan dalam tahun 1998 itu lidak hanya setakai menyediakan tempat-tempat per-tandingan yang kagum, menciptakan persembahan pembukaan rasmi yang begitu indah tetapi juga memastikan pingat-pingat dapat digondol oleh peseria-peserta.

2-12-92

**12. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa ramaikah ahli Lembaga Pengarah Sukan Komanwel dan siapakah mereka-mereka itu dan adakah menimbulkan masalah di mana-mana pihak ketika lantikan ini dibual.

8-12-92

**1. Tuan Haji Nasruddin bin Haji Alang Saidin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persiapan yang dibuat kini untuk menghadapi Sukan Komanwel dalam tahun 1998 dan perbelanjaan yang disediakan bagi membina kolam renang stadium, gelanggang tinju dan lain-lain kemudahan dan di mana atau negeri mana yang bersedia memberikan tapak untuk mengadakan kemudahan-kemudahan ini.

10-12-92

**10. Tuan Foo Piew Kok** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah persediaan yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengadakan Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur setakat ini dan bagaimanakah rakyat akan memperolehi peluang-peluang pendapatan semasa menjalankan sukan itu.

21-12-92

**5. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah dijangka akan dibelanjakan dalam menganjurkan Sukan Commonwealth pada tahun 1998. Berapakah pula hasil yang akan dikutip melalui iklan, tajaan dan lain-lain. Apakah persediaan-persediaan yang besar yang hendak dilaksanakan menjelang sukan tersebut.

24-12-92

**16. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah anggaran kasar yang dijangkakan dari segi perbelanjaan dan pendapatan dalam menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998 nanti. Jika boleh, nyatakan jenis perbelanjaan serta pendapatan utama; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian supaya semua anggota masyarakat terlibat sama dalam menjayakan sukan tersebut.

**Menteri Belia dan Sukan (Tuan Haji Annuar bin Musa):** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan berkaitan persediaan Sukan Komanwel 1998. Saya juga ingin menjawab soalan-soalan yang akan dibangkitkan oleh:

- (a) Ahli Yang Berhormat dari Kangar pada 27 Oktober 1992;
- (b) Ahli Yang Berhormat dari Puchong pada 2 November 1992;
- (c) Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pada 10 November 1992;
- (d) Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 25 November 1992;
- (e) Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar pada 30 November dan 2 Disember 1992;
- (f) Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 8 Disember 1992;
- (g) Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 10 Disember 1992;
- (h) Ahli Yang Berhormat dari Kimanis pada 21 Disember 1992; dan
- (i) Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah pada 24 Disember 1992.

Kerajaan pada 11 Julai 1990 telah bersetuju supaya Kuala Lumpur menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Keputusan ini adalah selaras dengan resolusi Persidangan CHOGM 1989 yang ingin memberi peluang yang saksama kepada semua Negara Komanwel menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel yang di masa-masa lepas dimonopoli oleh negara-negara maju seperti Canada, United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Kerajaan yakin bahawa Malaysia dapat mengurus sukan tersebut dengan jayanya kerana kita mempunyai pengalaman serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Keputusan ini akan juga memupuk perhubungan dan kerjasama serantau dan terutama sekali perhubungan negara Selatan-Selatan. Berasaskan sebab-sebab di atas maka keuntungan kewangan bukanlah merupakan satu pertimbangan utama bagi kita menawarkan diri menjadi Kuala Lumpur sebagai tuan rumah Sukan Komanwel 1998.

Merujuk kepada soalan Yang Berhormat berkaitan penyediaan untuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel suka saya memaklumkan bahawa penyediaan ini bolehlah dibahagikan kepada 3 perkara:

- (i) pengurusan dan pengelolaan sukan;
  - (ii) penyediaan tempat pertandingan dan kampung sukan;
  - (iii) penyediaan pegawai-pegawai serta atlet-atlet Malaysia.
- (i) *Pengurus dan Pengelolaan Sukan*
- (a) Selaras dengan siatut CGF, pengurusan dan pengelolaan Sukan Komanwel 1998 akan diserahkan oleh CGF kepada MOM. Majlis Olimpik Malaysia seterusnya menubuh sebuah syarikat bernama SUKOM

Ninety Eight Bhd. Tindakan menubuhkan syarikat ini adalah selaras dengan kehendak Perlembagaan "Commonwealth Games Federation", badan antarabangsa yang bertanggungjawab ke atas Sukan Komanwel. Mengikut anggaran awal dalam buku Penawaran Sukan Komanwel, syarikat ini akan membelanjakan peruntukan sebanyak \$77 juta. Pendapatan dijangka \$78 juta. Sumber kewangan syarikat ini adalah dari sumbangan-sumbangan, pemasaran, penjualan tiket, hak siaran TV dan sebagainya.

- (b) "Memorandum of Articles" SUKOM Ninety Eight Bhd ini membolehkan tidak kurang dari dua (2) orang dan tidak lebih dari lima belas (15) orang Ahli Lembaga. Ahli Lembaga akan dicadangkan oleh Majlis Olimpik Malaysia.
- (ii) *Penyediaan Tempat Pertandingan dan Kampung Sukan*
- (a) Kerajaan akan terlibat dengan secara langsung untuk menyediakan tempat-tempat pertandingan. Untuk makluman Yang Berhormat venue tiap-tiap 11 acara sukan yang akan dipertandingkan telahpun dikenal-pasli. Semua kejohanan antarabangsa. Dalam hal ini Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji dengan lebih terperinci keperluan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan tersebut. Bagi Komplek Sukan di Bukit Jalil usaba sedang dibuat untuk menswastakannya.
- (b) Pihak DBKL telahpun dipertanggungjawabkan untuk membina sebuah kampung sukan bagi penginapan atlit serta pegawai-pegawai yang terlibat. Pembinaan kampung sukan ini juga akan dilaksanakan di bawah program perumahan awam secara penswastaaan oleh pihak DBKL.

(c) Suka saya tegas di sini bahawa perbelanjaan yang akan dibuat ke atas kemudahan sukan ini bukanlah semata-mata untuk Sukan Komanwel sahaja malah kemudahan-kemudahan ini telah dirancang sebelum permohonan untuk, menganjurkan Sukan Komanwel lagi.

(iii) *Penyediaan Pegawai-Pegawai dan Atlit-Atlit Malaysia*

Selain daripada kemudahan-kemudahan di atas Malaysia juga perlu menyediakan allit-atlit dan pegawai-pegawai teknikal untuk mengambil bahagian di Sukan Komanwel 1998 kelak. Dari sekarang hingga tahun 1998 atlit-atlit kita ini akan terlibat dalam Sukan Komanwel 1994, Sukan Asia dan Sukan Olimpik. Di antara langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Majlis Sukan Negara, badan di bawah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas penyediaan kepegawaian dan ailit-atlit Malaysia adalah:

- (i) Menyusun semula organisasi beberapa Persatuan Sukan Kebangsaan yang kurang aktif;
- (ii) Mengenalpasti acara dan sasaran pingat-pingat kerana beberapa jenis acara yang bersesuaian dengan bentuk badan rakyat Malaysia perlu diberi tumpuan latihan yang lebih bagi meraih kejayaan di peringkat antarabangsa. Sukan-sukan yang dimaksudkan ialah seperti sukan Terjun, Renang Berirama, Gimrama dan Menembak. Di samping itu, sukan-sukan yang telah mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa

seperti sukan Badminton dan Skuasy perlulah mengekalkan dan meningkatkan prestasi mereka.

- (iii) Mengambilkhidmatjuru-latih asing dan lempatan.
- (iv) Mengenalpasti atlit-atlit dari peringkat sekolah.
- (v) Mempertingkatkan kemudahan latihan termasuk peralatan, pusat dan tempat latihan.
- (vi) Melantik Pengurus Projek secara sepenuh masa untuk setiap acara sukan. Tugas pegawai ini adalah untuk membantu menyediakan perancangan program persediaan latihan, menyelaras aktiviti latihan, mengawasi dan menyelaras keberkesanan dalam tempoh lantikan.
- (vii) Membekal khidmat sokongan Sains Sukan yang merangkumi bidang kepakaran seperti perubatan sukan, fisiologi, biomekanik dan nutritionist.
- (viii) Mengambil contoh sistem latihan negara maju dalam bidang sukan untuk dijadikan panduan dalam menentukan halacara lalihan yang bersesuaian dengan suasana organisasi sukan di Malaysia.

Saya suka memaklumkan di sini bahawa sebuah Jawatankuasa Perancang dan Pelaksanaan Persediaan Latihan ke arah Sukan Komanwel 1998 akan juga ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sendiri. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk menentukan dasar-dasar latihan perancangan dan pelaksanaan

latihan, menyelaras aktiviti latihan dan penilaian terhadap keberkesanan latihan yang dilaksanakan.

Selain daripada keuntungan secara langsung yang akan diperolehi oleh Syarikat SUKOM Ninety Eight Bhd, pihak-pihak lain seperti industri pelancongan akan dapat juga memperolehi keuntungan dari temasya Sukan Komanwel ini. Semasa Sukan Komanwel diadakan kelak adalah dijangka bukan sahaja para peserta dan pegawai-pegawai sukan seramai 7,000 orang akan liba tetapi juga penonton-penonton dari negara-negara yang mengambil bahagian akan turut datang ke negara ini,

Saya percaya Sukan Komanwel 1998 ini akan juga membawa keuntungan secara tidak langsung kepada Malaysia. Ianya adalah satu promosi bagi Malaysia kerana ia bukan sahaja mempertingkatkan kedudukan Malaysia di kalangan 67 Negara Komanwel tetapi juga di seluruh dunia yang mengikuti perkembangan sukan antarabangsa. Dari aspek kesukanan pula ianya akan memberi peluang kepada para atlit Malaysia bertanding dalam arena antarabangsa serta mendedahkan pegawai-pegawai sukan dalam segi penganjuran sukan peringkat antarabangsa.

#### PELAJAR ASING DI SABAH— JUMLAH

**12. Dr. Othman bin Minudin** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramaikah pelajar-pelajar orang asing yang sedang belajar di sekolah-sekolah di seluruh negeri Sabah.

**Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar asing yang sedang belajar di sekolah-sekolah di seluruh negeri Sabah pada masa ini ialah seramai 30,520 orang.

**PERAIRAN MALAYSIA—  
KAWALAN**

**13. Dr. Kua Kia Soong** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menghalang kapal laut Jepun yang membawa plutonium daripada memasuki kawasan perairan Malaysia.
- (b) Pemeriksaanyangbagaimanakah yang telah dilakukan keatas kapal-kapal perang Amerika Syarikat di perairan Malaysia untuk memastikan bahawa tnereka lidak membawa senjata nuklear atau barang-barang nuklear.

**Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):**

- (a) Pihak Kerajaan sedang berusaha agar pihak-pihak empunya kapal termasuk kapa) laui Jepun agar tidak memasuki kawasan perairan Malaysia sekiranya membawa kargo-kargo merbahaya termasuk plutonium. Usaha ini meliputi mengkaji semula Undang-undang Antarabangsa berkaitan penggunaan perairan Selat Melaka sebagai laluan perkapalan antarabangsa dan ciri-ciri keselamatan pelayaran sewajarnya.
- (b) Selakat ini tidakada kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang mempunyai senjata nuklear atau barang-barang nuklear melawat pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

**KESATUAN KEBANGSAAN  
PEKERJA ELEKTRONIK—  
PENUBUHAN**

**14. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapa Kerajaan masih melarang pembentukan satu Kesatuan Kebangsaan Pekerja Elektronik.

26-11 -92

**9. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan uruuk melindungi kepentingan pekerja elcktronik di Malaysia yang dilarang daripada menubuhkan kesatuan sekerja.

**Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):** Saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 26-11-1992 mengenai perkara yang sama.

Penubuhan Kesatuan Kebangsaan oleh pekerja-pekerja kilang elektronik telah banyak diperkatakan dan beberapa penjelasan mengengatnya telah pun diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Di samping itu, di sesi-sesi yang lalu banyak soalan terhadap isu ini telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini dan banyak penjelasan telah pun diberikan. Saya meminta Ahli Yang Berhormat untuk merujuk kepada *Hansard*.

Polisi dan pendirian Kerajaan terhadap isu ini tidak berubah. Kerajaan tidak menggalakkan penubuhan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Elektronik, Pekerja-pekerja ini tidak kehilangan hak berkesatuan kerana mereka boleh menubuhkan kesatuan dalaman yang boleh berfungsi sama seperti kesatuan kebangsaan.

Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang agak berat untuk menjaga penuk nasi 120,000 pekerja-pekerja dalam sektor ini.

**PEMBALAKAN—KAWALAN  
KEGIATAN DI SARAWAK**

**15. Tuan Billy Abit Joo** minta Menleri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian meng-ambil tindakan ke atas pen-



cemaran air yang berlaku akibat kegiatan pembalakan di Sarawak; dan

- (b) sama ada Menteri sedar yang kakitangan dan penuntut SRK Long Gang, Belaga dan SRK Long San menghadapi masalah yang rumit akibat pencemaran bekalan air mereka. Jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini,

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):**

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, kawalan kegiatan pembalakan di negeri Sarawak adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Langkah-langkah kawalan yang wajar telah pun dilaksanakan untuk mengawal pencemaran air di negeri Sarawak melalui sistem penebangan yang sesuai dan sistematik sepertimana yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.
- (b) Kementerian ini belum lagi menerima aduan secara rasmi mengenai masalah mendapatkan bekalan air bersih daripada kakitangan dan penuntut SRK Long Gang, Belaga dan SRK Long San. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini juga perlu dirujuk untuk perhalian pihak berkuasa berkenaan seperti Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Pendidikan di negeri Sarawak.

**TOL—PERJANJIAN KERAJAAN DENGAN PLUS**

**16. Tuan Lim Hock Seng** minta Menteri Kerja Raya menyatakan isi kandungan perjanjian antara Kerajaan dengan PLUS dalam pengelolaan Lebuhraya Utara-Selatan terutama sekali dalam bidang kutipan tol.

**Menteri Kerja Raya (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Di dalam perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan di antara Kerajaan dengan PLUS Bhd., pihak syarikat konsesi adalah bertanggungjawab untuk menyiapkan baki lebuhraya yang masih belum dibina oleh Kerajaan. Pihak PLUS juga dikehendaki menguruskan penyelenggaraan dan pungutan tol bagi bahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang telah disiapkan oleh Kerajaan dan bahagian lebuhraya-lebuhraya yang akan mereka bina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian konsesi membenarkan syarikat konsesi untuk mengutip tol daripada pengguna-pengguna lebuhraya sepanjang tempoh konsesi iaitu selama 30 tahun mulai dari tahun kuatkuasa iaitu tahun 1988. Tol yang dikutip adalah mengikut kadar yang diluluskan oleh Kerajaan.

**LAWATAN Y.A.B. PERDANA MENTERI KE IRELAND—TUJUAN**

**17. Tuan Ong Tin Kim** minta Menteri Luar Negeri menyaikan apakah tujuan lawatan Yang Amat Berhormat dan rombongan ke Ireland baru-baru ini; adakah lawatan ini satu program dalam strategi negara kita dalam usaha memperkembangkan perhubungan kila dengan negara-negara atau memperkembangkan perniagaan antarabangsa kita. Setakat mana lawatan ini dapat mencapai tujuan asal kita.

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Ireland pada 22-25 September 1992 bertujuan untuk mengerat dan meningkatkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Ireland terutamanya dalam bidang perdagangan dan ekonomi. Di samping itu, lawatan tersebut adalah untuk memupuk persefahaman di antara pemimpin kedua negara. Lawatan ini

sememangnya selaras dengan strategi negara kita memperkembangkan perhubungan dengan negara-negara dan juga memperkembangkan perniagaan antarabangsa kita.

Secara keseluruhan, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya mengerat serta meningkatkan hubungan dua hala di antara kedua negara. Persefahaman di antara pemimpin khususnya mengenai hubungan politik telah dapat dipupuk, di mana dalam satu perbincangan di antara Perdana Menteri kedua-dua buah negara, mereka telah bersetuju bahawa Malaysia dan Ireland mempunyai langganan dan pandangan yang sama mengenai beberapa isu antarabangsa seperti isu Afrika Selatan, pergolakan di Bosnia-Herzegovina dan juga haluan hubungan ASEAN-Kesatuan Eropah.

Lawatan ini juga telah mencapai matlamat ekonominya. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah menambahkan minat kalangan para usahawan Ireland terhadap Malaysia. Menerusi satu majlis perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dianjurkan oleh Konfederasi Industri-Industri Ireland, para usahawan tersebut telah dapat memahami dengan lebih jelas lagi kedudukan dan prestasi ekonomi Malaysia serta potensinya. Nampaknya, ada potensi untuk meningkatkan hubungan antara ahli-ahli sektor swasta kedua negara dalam bidang-bidang penerbangan, pendidikan, perubatan dan pelancongan.

Semasa lawatan ini juga, satu perbincangan mengenai perkhidmatan udara di antara Malaysia dan Ireland telah diadakan. Negara tersebut menunjukkan sikap yang positif dan bersedia memberi hak mendarat di lapangan terbang Shannon kepada Sistem Penerbangan Malaysia apabila ia berkehendakkan kemudahan tersebut. Di samping itu, satu Memorandum

Persefahaman juga telah ditandatangani di antara Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd dan PARC Ltd; untuk bekerjasama di dalam bidang penjagaan kesihatan dan pharmaceutical.

Selain dari itu, lawatan tersebut juga telah menghasilkan persefahaman di dalam bidang pendidikan. Dalam hubungan ini, Ireland telah bersetuju untuk menawarkan tempat tambahan bagi penuntut-penuntut Malaysia di dalam institut-institut pengajian tingginya khususnya bagi jurusan perubatan dan pergigian. Kedua-dua negarajuga akan mengkaji kemungkinan untuk mengadakan program 'twinning' di antara Universiti dan Kolej tertentu negara masing-masing.

Adalah jelas bahawa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Ireland telah mencapai tujuan asal lawatan ini dan menandakan satu permulaan yang baru bagi hubungan dua hala kedua negara. Sebagai satu langkah untuk menggalakkan pertukaran lawatan di antara pemimpin-pemimpin kedua negara, Menteri Perdagangan dan Industri Ireland diiringi oleh sekumpulan ahli-ahli sektor swasta dijangka akan melawat Malaysia pada awal tahun 1993.

#### **"DIRECTOR PERSONAL GUARANTEE"—MASALAH**

**18. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa sebahagian dari praktis Bank-Bank pada masa ini ialah mewajibkan mana-mana peminjam korporat membuat "Director Personal Guarantee" sebagai tokok tambah kepada harta yang dicagarkan oleh sesuatu syarikat. Ini mendatangkan banyak masalah dan menjejaskan iklim perniagaan. Apakah tindakan Kementerian untuk mencegah satu gejala negatif yang wujud di dalam ekonomi negara ini.

**Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):** Kerajaan memang sedar bahawa ada setengah bank yang mengenakan "Director Personal Guarantee" sebagai cagaran tambahan kepada syarat pinjaman yang dikenakan. Bagaimanapun, ia bukanlah suatu syarat yang wajib, tetapi sebagai cagaran tambahan sahaja.

Sebagaimana termaklum, pemberian pinjaman kredit oleh pihak bank adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria penilaian kredit yang ditetapkan oleh setiap bank. Kriteria yang biasanya diambil kira dalam penilaian kredit ialah tempoh dan jumlah pinjaman, tahap daya maju dan daya saing projek berkenaan, risiko yang berkaitan serta nilai lain-lain cagaran yang disediakan oleh peminjam. Sekiranya nilai cagaran lain tidak mencukupi untuk menanggung jumlah pinjaman maka syarat "Director Personal Guarantee" akan dikenakan. Syarat ini diperlukan untuk menjamin supaya pengarah-pengarah syarikat lebih bertanggungjawab dan komited terhadap pinjaman syarikatnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, syarat-syarat itu juga tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan ataupun garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga mana-mana peruntukan di dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

**SEKOLAH KEBANGSAAN  
RUGADING, SABAH—  
KEKURANGAN BILIK  
DARJAH/RUMAH  
GURU**

**19. Tuan George Sangkin** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kmenteriannya sedar akan kekurangan bilik darjah dan rumah guru untuk Sekolah Kebangsaan Rugading dalam daerah Kota Marudu, Sabah. Kalau sedar, dapatkah Kmenteriannya menyediakan peruntukan untuk mem-

bina bangunan tambahan untuk kelas dan rumah guru di sekolah ini. Sekiranya terdapat peruntukan, bilakah pembinaan tersebut dapat dijalankan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, tidak ada Sekolah Kebangsaan Rugading di daerah Kota Marudu, Sabah; sebaliknya sekolah tersebut terdapat di Tuaran. Namun demikian di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Negeri Sabah telah diperuntukkan lebih daripada S30 juta untuk projek-projek pembangunan pendidikan termasuk penyediaan bangunan tambahan dan rumah guru di sekolah-sekolah seluruh negeri Sabah.

**KOD ETIKA BAGI MENTERI/  
TIMBALAN MENTERI/  
SETIATJSAHA PARLIMEN**

**20. Tuan Kerk Kim Hock** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan pegawai Kerajaan yang disiasat Badan Pencegah Rasuah berhubung sesuatu kes penyelewengan diperlui digantung tugas atau diminta bercuti, adakah Kerajaan bercadang mengadakan satu kod etika yang mewajibkan seseorang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk meletak jawatan sementara beliau disiasati oleh Badan Pencegah Rasuah supaya cogan kata Kerajaan "Amanah, Bersih dan Cekap" akan menjadi bermakna.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu kod etika yang khusus bagi mewajibkan seseorang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen untuk meletakkan jawatan sementara mereka disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah.

**BEKALAN ELEKTRIK TERPUTUS  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA—  
KERUGIAN**

**21. Tuan Poo Piew Kok** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan kerugian dialami oleh orang perseorangan, sektor-sektor perindustrian dan Tenaga Nasional Berhad akibat bekalan elektrik terputus di hampir keseluruhan Semenanjung Malaysia pada 29.9.1992 dan apakah jaminan telah diberi bahawa perkara tersebut tidak akan diulangi.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):** Perlanyaan ini lelahpun dijawab bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 19.10.92 dan saya tiada apa-apa maklumat lain untuk ditambah.

**ROMBONGAN KE  
CASABLANCA—SIASATAN BPR**

**22. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan kos sebenarnya yang ditanggung dalam mission yang diketuai oleh Tan Sri Elyas Omar ke Casablanca baru-baru ini. Sudahkah Badan Pencegah Rasuah selasai penyiasatan ke dalam peristiwa ini, kalau sudah, apakah keputusan penyiasatan itu.

**Tuan Othman bin Abdul:** Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah kerana setakat ini ianya tidak timbul unsur rasuah.

**BALAI POLIS—PEMBINAAN  
DI SUNGAI PRADOM/  
PEKAN DURIN/SUNGAI  
BIDUT DAN UPPER  
LANANG**

**23. Tuan Wong Sing Nang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada Kementeriannya ingin membina balai Polis di Sungai

Pradom, Pekan Durin, Sungai Bidut dan Upper Lanang;

- (b) sama ada beliau sedar bahawa pada tahun 1981, Kementeriannya telah pada prinsip asasnya bersetuju untuk membina balai Polis di Sungai Pradom, Pekan Durin, Sungai Bidut dan Upper Lanang;
- (c) kalau ya, mengapa Balai Polis yang dicadangkan itu tidak dibina; dan
- (d) bagaimana Kementeriaan beliau menguatkuasakan undang-undang di kawasan yang ada perkhidmatan feri.

**Tuan Ong Ka Ting:**

- (a) Kementeriaan memang mempunyai rancangan untuk membina Balai Polis di Sungai Pradom, Pekan Durin, Sungai Bidut dan Upper Lanang.
- (b) Saya sedar.
- (c) Projek-projek Balai-balai Polis ini tidak dilaksanakan kerana peruntukan kewangan adalah terhad dan terdapat banyak projek lain yang perlu diberi keutamaan yang lebih.
- (d) Kementeriaan menguatkuasakan undang-undang di kawasan-kawasan yang ada perkhidmatan Feri dengan cara mengadakan rondaan bergerak daripada Balai Polis Bintangor, Sarikei bagi Feri Sungai Pradom dan dari Balai Polis Sibu bagi Feri Durin dari masa kesemasa dan kekerapan ditambah apabila keadaan keselamatan memerlukan.

**AMALAN MAKANAN DAN  
PEMAKANAN DI SEKOLAH—  
AKTIVITI**

**24. Puan Rohani binti Abdul Karim** minta Menteri Pendidikan menyatakan

adakah pihak Kementerian akan juga menitikberatkan program pemakanan di dalam rancangan-rancangan Dasar Pendidikan Negara. Ini adalah didapati ada kaitan di antara amalan pemakanan dan kecerdasan pemikiran kanak-kanak. Berikan perancangan program amalan pemakanan di bawah Dasar Pendidikan Negara.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud);** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan akan terus memberi perhatian yang serius kepada aspek Amalan Makanan dan Pemakanan di sekolah seperti yang telah diperakui dalam Laporan Kabinet 1979.

Aktiviti yang berkaitan dengan Amalan Makanan dan Pemakanan diusahakan melalui cara-cara berikut:

*(a) Memberi Pengetahuan dan Kemahiran-Kemahiran Yang Sesuai.*

Aspek ini didedahkan secara formal di peringkat sekolah rendah dalam mata pelajaran Alam dan Manusia, sementara di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup, Ekonomi Rumah Tangga dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pendedahan juga dijalankan secara tidak formal dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah seperti dalam kegiatan Persatuan Pengguna dan Persatuan Bulan Sabil Merah.

*(b) Memberi Bantuan Makanan.*

Aspek ini dijalankan melalui Program Makanan Percuma seperti yang dilaksanakan dalam Rancangan Makanan Tambahan dan Programm Susu Sekolah. Rancangan ini akan dapat membantu mengurangkan beban ibu bapa serta memberi pemakanan seimbang kepada murid termiskin semasa berada di sekolah.

**RUMAH KOS RENDAH—  
PENURUNAN HARGA**

**25. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian merancang supaya harga rumah murah \$25,000 itu diturunkan kepada kadar yang lebih rendah seperti di antara \$8,000 kepada \$15,000 kerana masih banyak rungutan orang ramai tidak mempunyai keupayaan membayarnya sekiranya \$25,000 masih diteruskan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh);** Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan harga rumah kos rendah kepada kadar kurang dari \$25,000 seunit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga rumah kos rendah pada tahap \$25,000 seunit itu adalah harga maksima yang ditetapkan bagi rumah tersebut. Pemaju perumahan adalah digalakkan untuk membina rumah pada harga yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, harga yang lebih rendah itu berganlung kepada lokasi dan harga tanah.

Untuk membantu pembinaan rumah kos rendah pada harga \$25,000 seunit dan ke bawah, Kerajaan telah memberi galakan kepada pemaju seperti membenarkan "mixed development" dan mengurangkan premium bagi tanah yang dibina dengan rumah kos rendah.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan pinjaman untuk golongan berpendapatan rendah membeli rumah kos rendah itu pada kadar 5.5% setahun untuk rumah awam kos rendah. Bagi sektor swasta pula, Bank Negara telah menetapkan kadar faedah 9% setahun bagi pinjaman untuk membeli rumah kos rendah.

**PENDATANG TANPA IZIN (PTI)—  
PENGHANTARAN KELUAR**

**26. Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang terbukti berkesan untuk menghantarkan pendatang-pendatang haram pulang ke negara masing-masing berikutan Timbalan Perdana Menteri semasa berada di Kota Kinabalu pada 20.9.1992 telah mengakui bahawa usaha mengusir pendatang-pendatang haram menghadapi masalah, iaitu "Kita hantar pulang hari ini, esok mereka datang semula".

**Tuan Ong Ka Ting:** Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan berikut bagi memastikan keberkesanan penghantaran keluar pendatang tanpa izin (PTI):

- (i) butir-butir diri direkodkan sebelum dihantar keluar dan discbarkan maklumat tersebut ke semua pintu masuk, dengan tujuan tidak membenarkan mereka masuk kelak;
- (ii) mereka dihantar dengan menggunakan perkhidmatan vesel atau kapal terbang, dengan diiringi oleh JIM dan Polis Marin sehingga ke perairan antara-bangsa;
- (iii) memperketatkan kawalan perairan di sempadan seperti di bawah Ops Nyah II;
- (iv) mengambil tindakan undang-undang ke atas sindiket yang mengurus kemasukan PTI,

**CUKAI PENDAPATAN—  
MENINGKATKAN PELEPASAN  
CUKAI**

**27. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan berniat meningkatkan amaun pengecualian cukai pendapatan bagi diri sendiri pembayar cukai, isteri

dan anak-anaknya, insuran nyawa, K.W.S.P. dan pencen memandangkan taraf hidup dan harga barang di Malaysia telah naik. Jika ya, sebutkan butir-butirnya; jika tidak, mengapa.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kerajaan tidak bercadang untuk meningkatkan pelepasan cukai bagi pembayar cukai, isteri dan anak-anak, dan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan premium insurans kerana jumlah pelepasan cukai yang terdapat pada masa ini adalah memadai. Tambahan pula, dalam Belanjawan 1991 dan 1992 Kerajaan telah membuat beberapa pindaan ke atas pelepasan cukai bagi isteri, anak-anak, dan sumbangan KWSP dan premium insurans.

**DBKL—JUMLAH KAKITANGAN**

**28. Dr. Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan berapa kakitangan dari semua kategori yang ada di Dewan Bandaraya. Berapakah yang ada di Jabatan Perkhidmatan Bandar. Adakah beliau telah mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan-perkhidmatan DBKL amnya dan Perkhidmatan Bandar khususnya. Adakah perkhidmatan-perkhidmatan ini akan diperbaiki, misalnya, berapakah tempat pelupusan sampah sarap yang ada di Kuala Lumpur dan berapa lagi yang akan diwujudkan. Apakah alternatif yang telah dilaksanakan. Apakah yang dicadangkan tentang tempat pelupusan sampah sarap di Jinjang Utara yang menyebabkan pencemaran yang serius.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):** Bilangan kakitangan DBKL dari semua kategori yang telah diisi sehingga 1 September 1992 ialah 10,470. Bilangan perjawatan ialah 12,532 iaitu terdapat 2,062 kekosongan.

Bilangan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bandar yang telah diisi pada 1 September 1992 ialah 2,938. Bilangan perjawatan ialah 3,430 iaitu terdapat 492 kekosongan.

Dalam pentadbiran sebuah bandaraya besar seperti Kuala Lumpur sudah tentu terdapat kelemahan-kelemahan dan ini akan diperbaiki dari masa ke semasa.

Di Jabatan Perkhidmatan Bandar DBKL, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti iaitu:

- (a) Pertambahan jumlah (volume) sampah sarap berikutan pembangunan yang pesat dan pertambahan penduduk. Pada masa ini kira-kira 2,500 lon sampah sarap dipungut dan dibuang sehari,
- (b) Kekurangan tapak pelupusan sampah sarap di mana pelupusan sampah jenis buang timbus (landfill) didapati tidak sesuai lagi.
- (c) Kerjasama yang tidak memuaskan daripada orang ramai dalam menjaga kebersihan.

Pada masa sekarang terdapat dua tempat pelupusan sampah di Kuala Lumpur iaitu di Jinjang Utara dan di Salak Selatan. DBKL sememangnya sedang mencari tapak-lapak baru bagi tujuan pelupusan sampah.

Di samping itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengemukakan kepada Kerajaan untuk mengadakan tapak pelupusan sampah sarap oleh pihak swasta. Sistem-sistem yang dicadangkan ialah jenis loji pembakaran (incineration) dan sistem buang timbus secara saintifik (sanitary landfill).

Mengenai tapak pelupusan di Jinjang Utara yang ada sekarang, ianya terpaksa terus digunakan tetapi langkah-langkah pengawalan pencemaran akan dipertingkatkan.

## NAFTA—KESAN NEGATIF/ POSITIF KEPADA PERDAGANGAN DUNIA

**29. Tuan Chor Chee Heung** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah tindakbalas yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap kesan-kesan NAFTA (North America Free Trade Agreement);
- (b) pada pendapat Kerajaan, adakah kewujudan NAFTA ini bertentangan dengan prinsip-prinsip GATT (General Agreement on Tariffs and Trade); dan
- (c) adakah barangan keluaran kita akan terjejas dalam persaingan pasaran antarabangsa memandangkan Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara di Amerika Latin mempunyai "grouping" di bawah NAFTA.

2-11-92

**4. Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan implikasi penubuhan kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara ke atas perdagangan luar Malaysia.

24-12-92

**4. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) kesan daripada ekonomi negara-negara Asia Tenggara secara umumnya dan Malaysia khususnya, selepas 'North America Free Trade Agreement (NAFTA)' sepenuhnya dilaksanakan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Malaysia untuk memastikan bahawa NAFTA tidak akan mempengaruhi perkembangan ekonomi negara kita dengan seriusnya; dan

- (c) apakah sebab-sebab latar belakang krisis matawang baru-baru ini di Eropah dan apakah kesan-kesannya terhadap perdagangan antarabangsa Malaysia dan langkah-langkah yang dialami oleh Kerajaan untuk melindungi sebarang kesan yang tidak diinginkan yang dibawa oleh krisis matawang ini.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Sayapohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli dari Telok Kemang dan sebahagian daripada soalan yang dikemukakan oleh Ahli dari Sibul masing-masing dijadualkan pada 2 November 1992 dan 24 Disember, 1992.

Penubuhan NAFTA mungkin membawa beberapa kesan yang negatif dan yang positif kepada perdagangan dunia. Antara kesan negatifnya yang Malaysia turut melahirkan kekhuatiran ialah pengalihan aliran perdagangan dan pelaburan ("trade and investment diversion") yang boleh menjejaskan perdagangan dengan rakan-rakan perdagangan di luar kawasan perdagangan bebas NAFTA. Sedikit-sebanyak, pengalihan ini mungkin berlaku dalam tahun-tahun awalan penubuhan NAFTA dengan penurunan lariff dan penghapusan sekatan-sekatan perdagangan dan pelaburan oleh negara-negara ahlinya secara eksklusif. Namun demikian, dalam keadaan yang dinamik di mana pertumbuhan ekonomi dan pasaran dijangka berlaku dengan wujudnya perdagangan bebas, NAFTA dengan penduduknya sejumlah 370 juta yang menghasilkan barangan dan perkhidmatan bernilai 6 trilion dollar Amerika setiap tahun dijangka dapat menyumbang ke arah perkembangan perdagangan dunia dan dengan itu memberi peluang eksport yang meningkat kepada Malaysia dan negara-negara membangun di rantau ini.

Apa yang jelas ialah bahawa barangan eksport Malaysia sekarang ini dapat bersaing dengan barangan buatan Mexico di pasaran Amerika Syarikat dan Kanada. Persaingan ini akan menjadi lebih hebat apabila Mexico meningkatkan pengeluaran barangannya dengan pengaliran masuk pelaburan kesan daripada penghapusan sekatan-sekatan pelaburan dan apabila kesemua barangan dari Mexico ke pasaran-pasaran itu akan bebas daripada cukai import. Jika diambil kira bahawa kebanyakan barangan buatan Malaysia ke pasaran-pasaran itu sekarang ini diberi keistimewaan GSP—iaitu tidak dikenakan cukai import—persaingan hanyalah tertumpu kepada barangan, Malaysia yang tidak mendapat keistimewaan GSP kerana telah mencapai tahap persaingan (Competitive Needs Level) di bawah Skim GSP. Namun demikian, perlu diingatkan bahawa keistimewaan GSP adalah sesuatu yang tidak akan berkekalan dan pengusaha/pengeksport tempatan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan efficiency dari segi kos pengeluaran. Dalam keadaan di mana keistimewaan GSP tidak diberi kepada Malaysia kelak, tariff import yang rendah di pasaran Amerika Syarikat dan Kanada iaitu dalam lingkungan 5% dijangka tidak memberi tekanan yang begitu besar yang tidak boleh diatasi oleh pengeksport Malaysia untuk bersaing di pasaran itu.

Peruntukan Artikel XXIV GATT membolehkan negara-negara untuk mewujudkan pertubuhan scrantau asalkan objektifnya bertujuan untuk memudahkan hubungan perdagangan di kalangan ahli, tidak meningkatkan sekatan tariff ke atas negara-negara bukan ahli serta tidak mewujudkan dasar bersama yang menjejaskan peluang-peluang bagi negara bukan ahli berkenaan. Malaysia akan turut serta dengan negara-negara lain untuk mencadangkan ditubuhkan pasukan kerja di dalam GATT untuk mengkaji NAFTA adalah selaras dengan prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan GATT.



Malaysia juga memberikan tumpuan yang besar ke atas kejayaan rundingan perdagangan pelbagai hala Pusingan Uruguay kerana ia dapat membuka jalan kepada peningkatan dan kebebasan perdagangan dunia di samping memperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala. Ia juga akan membantu untuk memastikan kumpulan-kumpulan perdagangan serantau seperti NAFTA tidak akan menjadi "protectionist" dan "inward looking". Kerajaan akan mengawasi pelaksanaan perjanjian NAFTA bagi memastikan ia tidak akan menyebabkan wujudnya sekatan bukan tarif yang akan memberi kesan ke atas eksport barangan dari negara-negara bukan ahli NAPTA termasuk Malaysia.

Dalam pada itu, perlu diambil perhatian bahawa langkah Malaysia dan rakan-rakan di ASEAN untuk mengadakan Pasaran Bebas ASEAN dalam jangka masa 15 tahun merupakan satu usaha untuk menentukan pertumbuhan ekonomi di rantau ini bagi membawa negara-negara ASEAN kepada tahap pembangunan industri yang lebih tinggi. Secara langsung ianya juga akan menjadikan ASEAN sebagai lokasi yang lebih menarik kepada pelabur-pelabur asing dan akan meningkatkan daya persidangan barangan eksport ke negara-negara luar termasuk eksport ke NAFTA.

#### **APEC—PENUBUHAN SEKRETARIAT DI SINGAPURA**

**30. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan yang berikut:

- (a) sama ada Kerajaan menyokong penubuhan Sekretariat APEC di Singapura;
- (b) apakah tujuan penubuhan Sekretariat tersebut;
- (c) bagaimanakah Malaysia boleh menyumbangkan kepada Sekretariat tersebut dalam bentuk kewangan dan tenaga pekerja.

27-10-92

**28. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada penubuhan Sekretariat APEC akan berlawanan dan menjejaskan cadangan Malaysia untuk APEC.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Saya pohon izin menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ini dengan soalan beliau yang dijadualkan pada 27 Oktober kerana meliputi isu yang sama.

Memandangkan negara-negara ASEAN cenderung supaya Urusetia APEC ditubuhkan bagi menyelaraskan pelaksanaan projek-projek APEC dan supaya Urusetia ini dilempatkan di sebuah negara ASEAN untuk membolehkan ASEAN mempengaruhi arah aliran kerjasama dalam APEC, Kerajaan telah mengambil pendirian tidak menghalang penubuhan sebuah Urusetia yang kecil bagi tujuan ini. Kerajaan telah menyokong penempatan Urusetia APEC di Singapura. Sebahagian daripada kos bagi Urusetia APEC ini akan dibiayai daripada Dana APEC yang akan mengumpulkan sumbangan daripada semua negara peserta APEC mengikut kaedah yang ditetapkan. Kakitangan Urusetia APEC akan diambil melalui pengambilan terbuka.

Penubuhan Urusetia APEC tidak akan menjejaskan usaha untuk melaksanakan EAEC. Kita sedia maklum bahawa konsep EAEC telah pun diterima oleh Menteri Ekonomi ASEAN dalam mesyuaratnya di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 1991 dan telah dibincangkan di Sidang Kemuncak ASEAN Ke Empat di Singapura pada bulan Januari 1992. ASEAN Secretary-General telah ditugaskan untuk menggubal pendekatan yang sesuai bagi pelaksanaan EAEC. Malaysia akan terus berusaha untuk menjayakan EAEC

dengan memberi penerangan bagi menyangkal salah tafsiran mengenai EAEC oleh negara-negara tertentu di luar ASEAN.

**PEJABAT PERDAGANGAN  
MALAYSIA DI SEBERANG  
LAUT—PENUBUHAN**

**31. Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyalakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara-negara selatan khususnya Benua India Kecil, Amerika Latin dan Afrika. Nyatakan bilangan rombongan perdagangan yang telah dan akan dihantar ke negara-negara tersebut pada tahun 1992; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan pejabat perdagangan di Benua Kecil India dan di Benua Afrika untuk meluaskan perdagangan kita.

10-11-92

**17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pusat dan cawangan Pejabat Perdagangan di luar negara di seluruh dunia;
- (b) berapakah jumlah Pejabat yang sedang dirancang penubuhan untuk masa akan datang;
- (c) apakah perancangan masa akan datang untuk melibatkan Perdagangan Antarabangsa dengan lebih cergas lagi dengan negara-negara baru daripada terlalu bergantung kepada dagangan tradisional yang sedia ada.

21-12-92

**4. Tuan Haji Ishak bin Arshad** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kementerian menggalakkan eksport Malaysia ke negara lain selain daripada USA, EEC dan Jepun;
- (b) jika ada apakah usaha-usaha tersebut;
- (c) adakah Kementerian bercadang membuka Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di negara yang mempunyai potensi bagi menggalakkan perdagangan; dan
- (d) sejauh manakah pencapaian Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri dalam meningkatkan eksport Malaysia.

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Telok Kemang (20-10-92) bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Sik (10-11-92) dan soalan Yang Berhormat dari Kangar (21-12-92) kerana ketiga-tiga soalan meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam menggalakkan perdagangan dengan Negara-Negara Selatan.

- (a) Kerajaan sentiasa memberi tumpuan utama dalam mencari pasaran-pasaran baru khususnya di Negara-Negara Selatan selaras dengan dasar untuk mempelbagaikan pasaran bagi keluaran Malaysia.

Langkah-langkah yang diambil untuk memperluaskan hubungan perdagangan dengan Negara-Negara Selatan adalah seperti berikut:

- (i) penghantaran rombongan galakan perdagangan;

- (ii) penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa di Negara-Negara Selatan;
- (iii) menandatangani perjanjian perdagangan;
- (iv) menandatangani perjanjian kemudahan pembayaran;
- (v) menggalakkan sektor swasta Malaysia mewujudkan Majlis Perniagaan Bersama atau Joint Business Council;
- (vi) pembukaan pejabat perwakilan Malaysia di negara-negara tertentu.

Di samping itu, Kerajaan juga melalui simposium dan bengkel galakan eksport telah meningkatkan kesedaran peniaga-peniaga Malaysia mengenai potensi perdagangan yang wujud di Negara-Negara Selatan.

Rombongan-rombongan perdagangan dan pameran-pameran perdagangan yang telah dan akan disertai oleh Malaysia di Negara-Negara Selatan pada tahun 1992 adalah seperti berikut:

- (i) Pameran Perdagangan Antarabangsa, Cairo, 15-24 Pebruari, 1992;
- (ii) Pameran Perdagangan Antarabangsa, Santiago, Chile, 28 Oktober-8 November, 1992;
- (iii) Pameran Perdagangan Antarabangsa, Jeddah, 8-13 November, 1992; dan
- (iv) Pameran Perdagangan Antarabangsa, Dubai, 2-11 Disember, 1992.

Kerajaan juga akan menghantar rombongan galakan perdagangan ke Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu dan Kuwait dari 29 November-13 Disember, 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah menghantar beberapa rombongan perdagangan ke Amerika Latin dan Afrika pada tahun 1991. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha ini untuk mendedahkan peniaga-peniaga Malaysia kepada potensi-potensi perdagangan yang wujud di negara-negara berkenaan serta menerokai pasaran-pasaran baru.

- (b) Pada masa ini terdapat 32 Pejabat Perdagangan Malaysia di luar negeri. Daripada jumlah ini, 10 adakah terletak di ASEAN dan Asia Timur, 11 di Eropah, 4 di Amerika Utara, 2 di Amerika Latin, 1 di Afrika, 3 di Asia Barat dan 1 di Australasia.

Kerajaan sentiasa mengkaji keperluan menubuhkan pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri khususnya di Negara-Negara Selatan selaras dengan usaha Kerajaan untuk mempelbagaikan pasaran. Buat masa ini, Kerajaan sedang meneliti dan mengkaji kemungkinan menubuhkan pejabat perdagangan di beberapa kawasan termasuk India, Afrika dan Amerika Latin.

- (c) Kerajaan berpuashati dengan peranan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri. Tugas-tugas ini meliputi menjawab pertanyaan perdagangan, menyediakan maklumat pasaran, mengenalpasti pengimport-pengimport yang berpotensi, membantu pengekspon-pengeksport Malaysia dalam menjalinkan perhubungan dengan pengimport-pengimport di negara-negara di mana mereka ditempatkan serta mengawasi perkembangan semasa yang akan

mempunyai implikasi ke atas perdagangan luar Malaysia. Namun begitu, Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia telah diarah untuk terus meningkatkan lagi prestasi mereka.

Dalam memperluaskan hubungan perdagangan, syarikat-syarikat Malaysia perlu bertindak dengan lebih agresif dan berusaha menerokai pasaran-pasaran antarabangsa supaya tidak bergantung kepada pasaran tempatan sahaja. Syarikat-syarikat Malaysia harus meningkatkan mutu keluaran dan produktiviti supaya dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa dan seterusnya meningkatkan eksport Malaysia ke pasaran-pasaran baru. Peningkatan eksport Malaysia adalah banyak bergantung kepada usaha-usaha syarikat-syarikat Malaysia sendiri untuk menceburi di bidang perdagangan antarabangsa.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN MENGIKUT BILANGAN ORANG**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Bahagian Salu Jadual Ke-10 kepada Perlembagaan Persekutuan Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1992; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG JUALAN LANGSUNG 1992**

#### **Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (19hb Oktober, 1992)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung.

*3.35ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebutkan semalam setakat mengadakan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan yang mulia ini tidak mencukupi kerana kita perlukan satu kempen besar-besaran untuk mendidik orang ramai dari segi isi kandungan Rang Undang-undang ini untuk memelihara kepentingan pengguna-pengguna dan juga daripada segi etika Penjualan Langsung dan etika untuk pengguna-pengguna. Ini adalah satu aspek yang saya nampak wujudnya kelemahan di dalam Kementerian. Walaupun ada yang baik juga di mana Direct Selling Association of Malaysia pun ada ditubuhkan dan menurut Menteri, mereka mempunyai 18 syarikat sebagai anggota sekarang. Ini satu gejala yang baik yang perlu dipertingkatkan lagi untuk menjaga kepentingan orang awam.

Tindakan Kementerian setakat ini, walaupun ada pusat pengguna di kebanyakan negeri yang sekarang tidak lagi memainkan peranan yang lebih positif, iaitu untuk mendidikkan pengguna-pengguna mempunyai masalah Jualan Langsung ini, saya tidak nampak, cuma daripada beberapa pengumuman daripada Kementerian, daripada Menteri

dan Timbalan Menteri dan juga Seliausaha daripada Kementerian tersebut. Ini belum mencukupi untuk mendidik orang ramai. Dan suka saya bangkitkan di sini bahawa saya nampak daripada Rang Undang-undang ini timbullah kekeliruan, pada hal pihak Kementerian pernah mengatakan tindakan boteh diambil ke atas pccalah-pesalah skim piramid menurut Trade Descriptions Act. Kalau itu benar, mengapa tindakan tidak diambil dan yang kedua, kalau Trade Descriptions Act boleh digunakan, mengapa kita perlu Rang Undang-undang ini? Satu soalan yang penting yang perlu dijawab dan adakah Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan-peruniukan yang bertindih-tindih berbanding dengan Akta Syarikat kerana pihak syarikat mesti mendaftar dengan Akta Syarikat juga untuk menjalankan aktiviti nya?

Dan satu point di mana ada cooling-off period cunia 10 hari. Saya hendak mengetahui bagaimana angka 10 dapat ditetapkan. Mungkin dengan secara silap mata sahaja 10 hari. (*Ketawa*) Mengapa 10 hari, bukan 20 hari ataupun 15 hari. Ini satu keajaiban yang sangat ketara. Dan ada satu pengecualian di dalam Rang Undang-undang ini untuk setengah-setengah aktiviti jualan lermasuk sayur-sayuran, van-van dan sebagainya dan badan amal. Dan saya suka bangkitkan di sini bahawa bukan semua kononnya badan-badan amal yang menjalankan aktiviti dengan baik. Ada juga penipuan di dalam aktiviti-aktiviti ini. Sebab itu pihak Kementerian perlu mengambil perhalian mengenai syarikal-syarikat akan dikecualikan daripada Rang Undang-undang ini. Ini satu aspek penguatkuasaan yang perlu diperbaiki sebab aktiviti-aktiviti ini begitu banyak dan dengan kekurangan anggota penguatkuasaan, maka Rang Undang-undang ini tidak dapat dikuatkuasakan dengan berkesan.

Dan sekali lagi saya hendak menekankan bahawa pihak Kementerian mestilah mengumumkan bagaimana pasukan penguatkuasa dapat ditambahkan untuk menjalankan tugas untuk menguakkuasakan Rang Undang-undang ini, kerana memang dengan ketara tidak mencukupi kekuatan penguatkuasaan, tidak mencukupi uniuik menjalankan tugas, terutamanya selepas Rang Undang-undang ini menjadi Akla.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu faham mengenai kontrak-apa yang dimaksudkan sebagai kontrak ini kerana ini satu bidang yang menimbulkan kekeliruan dan saya berharap pihak Yang Berhormat Menieri dapat menerangkan apakah sebenarnya yang discbulkan sebagai kontrak sama ada invoice, delivery order dan cara-cara yang lain, kontrak di antara syarikat dan pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini cuma sebutkan 30,000 orang yang terlibat di dalam aktiviti jualan langsung tetapi tidak disebutkan bilangan syarikat piramid yang akan diharamkan pada tahun hadapan. Itu memang hasrat Kementerian untuk mengharamkan syarikat piramid yang telah melakukan kesalahan dan menipu beribu-ribu rakyat Malaysia. Dan bilangan syarikat piramid ini perlu diumumkan supaya kita tahu di manakah terdapatnya syarikat palsu ini.

Dan bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa ribu orang yang telah tertipu? Mungkin 100,000 ataupun 200,000 di dalam beberapa tahun kebelakangan ini dan sepertimana yang saya scbutkan semalam, ini merupakan satu kelemahan Kerajaan sebelum beribu-ribu orang tertipu, pihak Kementerian lidak mengambil tindakan untuk mencegahnya.

Satu aspek di mana ada pernah disebut mengenai Menteri, biasanya Menteri dipelawa untuk merasmikan jualan langsung dan memang ada hasrat yang disebutkan bahawa sekiranya terdapat syarikat-syarikat tersebut tidak tulen, pihak Menteri tidak akan menghadiri untuk merasmikannya. Dan satu aspek ini perlulah garis panduan yang ketat untuk memastikan Yang Berhormat Menteri sendiri tidak akan merasmikan syarikat-syarikat seperti ini. Mungkin kalau dasar Kementeriannya mengharamkan daripada merasmikan semua syarikat ini mungkin lebih baik, kerana susah kakitangan tidak cukup dan mungkin kepakaran tidak cukup untuk memastikan syarikat-syarikat itu tidak layak untuk dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri. Memang ada syarikat-syarikat yang suka untuk menggunakan nama Menteri untuk memajukan aktiviti perniagaannya.

Jadi, saya cadangkan mungkin kita haramkan sama sekali, tidak payah pergi, mungkin Yang Berhormat Menteri mempunyai aktiviti yang lain, yang lebih bernas, lebih membina.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pendopal saya mengenai Rang Undang-undang ini yang perlu diadakan dan juga perlu dikuatkuasakan dengan berkesan selepas kita mengadakan pendidikan ataupun kempen besar-besaran untuk penyelidikan mengenai masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bandau. Selepas Yang Berhormat dari Bandau bercuap, Yang Berhormat Menteri dimima gulung.

3.44 ptg.

**Tuan George Sangkin (Bandau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bangun untuk membahas Rang Undang-undang Jualan Langsung 1992 ini. Pindaan Rang Undang-undang ini adalah baik kerana tujuan utamanya untuk menjaga kepentingan pengguna-

pengguna. Dengan adanya Rang Undang-undang ini adalah diharapkan supaya penjual-penjual terus akan berhati-hati sepenuhnya untuk memberikan khidmat yang akan mendalangkan kebaikan daripada segi ekonomi, manfaat dan lain-lain kepada pengguna-pengguna dan juga penjual-penjual terus serta syarikat-syarikat jualan langsung mendapat ataupun dikawal dengan sepenuhnya oleh pihak Kementerian.

Saya berpendapat bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini maka segala kegiatan perniagaan jual terus akan dapat dikawal selia dengan teratur kerana pada masa kini kita lihat terlalu banyak ejen-ejen syarikat jualan langsung yang beroperasi di seluruh negara bukan sahaja di bandar-bandar malah juga di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa Rang Undang-undang ini adalah berkesan, adil dan saksama, saya berpendapat dan ingin mencadangkan di sini supaya Fasal 4(1) yang berbunyi:

"Tertakluk kepada seksyen 14 dan 42, tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung melainkan jika ia suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan ....."

Di sini, saya mohon penjelasan supaya seksyen ini diberikan penjelasan yang sepenuhnya, adakah "orang" atau "person" bermakna syarikat yang telah tertubuh mengikut Akta Syarikat 1965 ataupun individu. Jika "orang" atau "person" ini bermakna individu, saya berpendapat bahawa defmisi ini adalah sangat menghalang perkembangan ekonomi individu yang tidak mempunyai modal besar untuk pelaburan mereka tetapi mempunyai kemahuan untuk berniaga persendirian ataupun dengan cara jualan terus ini.

Jika banyak individu yang tidak mempunyai peluang untuk berniaga maka taraf hidup mereka tidak akan bertambah atau berubah dan sentiasa akan bergantung kepada Kerajaan, sedangkan Kerajaan selalu menyuruh dan meminta rakyat untuk merebut peluang perniagaan untuk kebaikan mereka sendiri. Dan setahu saya, perniagaan jualan terus ini adalah sangat sesuai bagi orang-orang yang tidak mempunyai modal yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, jenis perniagaan ini juga di samping memberi sumbangan yang banyak ke atas perkembangan ekonomi negara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa jumlah jualan melebihi \$1 billion untuk tahun ini menandakan dapat memberi peluang kepada perniagaan dan juga kepada pihak yang mempunyai tujuan untuk mengadakan penjualan jualan terus ini. Dan juga kepada mereka yang masih menganggur sekiranya mereka diberi peluang untuk menjalankan perniagaan yang serupa ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan supaya "orang" atau "person" hanya merangkumi syarikat-syarikat dan tidak termasuk orang perseorangan atau individu, jika "person" atau "orang" termasuk individu maka banyak pihak yang tidak akan dapat memenuhi Pasal 5(1)(b), ingin saya bacakan di sini:

"satu salinan kunci kira-kira teraudk, akaun untung rugi dan laporan-laporan, jika ada, juru-audit dan pengarah-pengarah pemohon itu, jika berkenaan, yang terbaru;"

Tuan Yang di-Pertua, syarat tersebut adalah sukar dipenuhi oleh sebahagian besar rakyat yang miskin, yang juga ramai yang tidak mampu menulis dan mengira dan sebagainya tetapi ingin menjalankan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan mengikut sistem jualan terus.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin sentuh di sini ialah cooling-off period. Saya berpendapat bahawa Seksyen ini tidaklah diperlukan oleh sebab, pertama, semua syarikat yang akan mendaftar dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, apabila syarikat-syarikat ini sudah berdaftar maka mereka tidak dapat mclarikan diri daripada tanggungjawab terhadap pengguna. Jadi, jika timbul complaint ataupun teguran daripada pengguna, maka Kementerian akan terus mengesan dengan senangnya syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah yang ditimbulkan itu dengan segera. Jika dahulunya berlaku yang mana mungkin banyak syarikat jualan terus yang tidak berdaftar dengan Kementerian, maka dengan adanya Rang Undang-undang ini kita percaya kesemua mereka ini diperlukan untuk mendaftar dengan Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dengan keperluan untuk mendaftar syarikat yang menjalankan perniagaan jualan terus dengan Kementerian mereka haruslah diminta untuk memberikan satu jaminan atau, dengan izin, guarantee kepada barangan-barangan yang mereka jual itu. "Guarantee" di sini haruslah dengan syarat "quote-and-quote" - money back guarantee, dalam tempoh yang sesuai ataupun reasonable period. Jika guarantee ini ada maka pengguna-pengguna tidak perlu khuatir.

Tuan yang di-Pertua, pada biasanya kita kelahui bahawa 'lime is money'. Jika cooling-off period ini masih dikuatkuasakan maka banyak masa yang akan lerbuang. Masa pengguna akan terbuang kerana mereka terpaksa menunggu 10 hari sebelum membuat keputusan untuk membeli ataupun tidak. Tiap-tiap pengguna mempunyai hak untuk membuat keputusan sama ada hendak membeli atau tidak membeli.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyemuh Fasal 17. Fasal 17 di sini merupakan fasal yang penting bagi memastikan bahawa para penjual jualan terus ini tidak dengan sesuka hati bertandang ke mana-mana rumah untuk menjual barangan mereka. Namun demikian Kementerian harus mengambil perhatian bahawa kebanyakan jualan terus adalah dilakukan oleh pekerja-pekerja atau peniaga-peniaga sambilan sahaja dan mungkin mereka hanya mempunyai masa-masa tertentu yang sesuai bagi mereka seperti masa-masa hujung minggu. Kita pohon supaya limit ataupun had masa itu tidak ditetapkan malah dibcrikan peluang yang seluas-luasnya kepada para penjual jualan terus ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dimima Menteri menjawab.

5.52 ptg.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, sukaciiia saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan lcguran semasa membahaskan Rang Undang-undang Jualan Langsung yang telah saya bentangkan di Dewan yang mulia ini semalam.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Kepong yang telah menyatakan bahawa Kementerian telah terlambat dalam menggubal Rang Undang-undang ini. Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pula meminta kepada penguakuasaan Rang Undang-undang ini dibuat secara, dengan izin, retrospective.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hairan dengan apa yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP ini. Kalau kita tidak ada undang-undang, memang mereka minta kita adakan undang-undang dan apabila kita adakan undang-undang mereka kata pula sudah terlambat dan ada pula yang meminta dikuatkuasakan retrospectively. Jadi, nampaknya itu sahajalah yang mereka boleh beri sumbangan terhadap negara kita, kerana mereka ini tidak ada modal lagi untuk memberi pandangan-pandangan yang baik.

Di sini, suka saya memaklumkan, iaitu adalah tidak wajar Rang Undang-undang Jualan Langsung ini dikuatkuasakan secara retrospective, kerana Kerajaan ingin memberi masa kepada syarikat-syarikat untuk menyusun semula skim pemasaran mereka selaras dengan kehendak Rang Undang-undang tersebut. Lagi pun, Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi telah menyarankan supaya didikan dan kempen yang seluas-luasnya diadakan untuk memaklumkan kepada rakyat pada keseluruhannya mengenai Rang Undang-undang ini. Jadi, kalau kita menguatkuasakannya secara serta-merta ataupun retrospectively, ini sudah jelas bahawa kempen yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dilaksanakan. Jadi, saya juga hairan mengapa pada satu ketika beliau mengalakan bahawa kita telah terlambat dan kemudian pada ketika yang lain mengatakan pula bahawa kita mesti mengadakan kempen yang besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga meminta Kerajaan mengharamkan semua kegiatan jualan langsung seperti di Singapura. Seperti yang dimaklumi melalui ucapan saya semalam, tidak semua syarikat jualan langsung tidak beretika dan syarikat-syarikat jualan langsung yang lulen ini telah memberi sumbangan yang amat besar kepada



pembangunan ekonomi negara. Perniagaan jualan langsung melibatkan lebih kurang 300,000 pengedar di negara ini. Berasaskan hakikat ini, Kementerian berpendapat bahawa adalah tidak wajar mengharamkan semua syarikat jualan langsung. Adalah memadai supaya syarikat-syarikat ini dikawal melalui pelesenan. Kita tidak perlu mengikut Singapura yang mengharamkan semua kegiatan jualan langsung kerana sebab-sebab yang tertentu yang mana telah pun dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa negara-negara lain seperti Australia, Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat juga membenarkan jualan langsung. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selinggi-linggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas kerana bukan sahaja telah mengambil bahagian dalam perbincangan, tetapi juga telah memberikan pandangan-pandangan yang amal berguna kepada Kerajaan dan Kementerian di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Di samping itu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan persoalan mengenai tempoh bertenang. Ahli Yang Berhormat dari Kelang meminta tempoh bertenang dipendekkan, sementara Ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta dikeluarkan dari Rang Undang-undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar dan Alor Setar juga membangkitkan mengenai tempoh bertenang dan sebentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyoal mengapa kita pilih 10 hari dan tidak 20 hari. Jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong senang sahaja, kerana Ahli-ahli DAP mungkin tidak pandai mengira. Jadi, kita gunakan sebelah tangan 5 hari, tidak cukup, jadi kita gunakan dua tangan jadi 10 hari. Itulah sebabnya kita gunakan 10 hari. Yang sebenarnya

tempoh bertenang adalah masa yang diberikan kepada seseorang pengguna atau pembeli untuk menukarkan fikirannya mengenai pembelian sesuatu barangan.

Apabila seseorang pembeli memilih untuk membeli daripada kedai biasa, tempoh bertenang tidak perlu diadakan. Sebaliknya pembelian melalui jualan dari pintu ke pintu biasanya melibatkan unsur paksaan atau, dengan izin, high pressure selling atau pujuk rayu oleh penjual. Dalam keadaan begini adalah perlu pembeli diberikan tempoh bertenang untuk memikirkan semula keputusan yang telah dibuat. Masa 10 hari adalah difikirkan cukup untuk seseorang bakal pembeli memikirkan sama ada ingin membeli barangan atau tidak, dan sekiranya tidak ingin membeli barangan tersebut, maka beliau boleh menamatkan kontrak dan menghantar melalui pos. Tempoh 10 hari ini juga mengambil kira masa untuk dihantar melalui pos. Jadi kita telah memikirkan perkara ini dengan semasak-masaknya sebelum menentukan 10 hari yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar menyarankan sama ada tempoh bertenang adalah praktikal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh 10 hari difikirkan praktikal dan mencukupi bagi memberi masa kepada pembeli memaklumkan apa-apa keputusan kepada penjual. Namun demikian, seksyen 25(2), Rang Undang-undang ini memberikan opsyen kepada pembeli untuk memendekkan tempoh bertenang kepada 3 hari atas persetujuan pembeli.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lepar menyatakan kebimbangan bahawa adalah sukar untuk memulangkan semula barang dalam tempoh 10 hari, terutama kepada pembeli di kawasan pedalaman. Sukalah saya menjelaskan bahawa mengikut seksyen 25, barang tidak boleh dihantar-serahkan

dalam tempoh bertenang. Oleh iuu, masalah pemulangan tidak timbul dalam tempoh bertenang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kelang, Tuaran dan Bandau telah membangkitkan bahawa berasaskan seksyen 41, hanya syarikat yang diperbadankan sahaja yang dibenarkan menjalankan kegiatan-kegiatan jualan langsung. Mereka bimbang penjual atau pengedar-pengedar kecil-kecilan terpaksa memberheniikan perniagaan jualan langsung mereka. Sukalah saya menegaskan di sini bahawa intcpretasi dan fahaman Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah salah. Agen atau pengedar kepada syarikat jualan langsung yang dilcsenkan di bawah Rang Undang-undang ini tidak perlu memperbadankan sebuah syarikat untuk meneruskan perniagaan mereka. Mereka ini adalah agen kepada syarikat jualan langsung yang berkenaan dan syarikat ini sahaja yang perlu diperbadankan. Namun demikian, agen atau wakil penjual yang dilantik oleh syarikat perlu mematuhi peruntukan Rang Undang-undang ini seperti memakai kad pengenalan, mematuhi masa jualan dibenarkan dan lain-lain perunlukan Rang Undang-undang. Bagi penjaja kecil-kecilan yang berniaga dari rumah ke rumah, seperti penjual roti, pemotong rumput, penjual sayur dan ikan, mereka memang akan dikecualikan dari peruntukan Rang Undang-undang tni.

Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat mempersoalkan kenapa Rang Undang-undang ini mengecualikan penjualan insurans dan insurans semula dari pemakatan Akta ini. Ini adalah kerana insurans dan kaedah mengenai insurans semula telah diperuntukkan di bawah Akta Insurans 1963.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Alor Setar membangkitkan kedudukan Rang Undang-undang ini dengan Akta Sewa-

Beli 1967, Akta Jualan Barangan 1957, Akta Kontrak 1950 dan Akta Syarikat 1965. Seksyen 14 amat jelas menerangkan kedudukan pemakaian Akta-akta ini apabila Rang Undang-undang Jualan Langsung dikuatkuasakan. Sebenarnya tumpuan Rang Undang-undang ini adalah terhadap kaedah pemasaran barangan kepada pembeli. Ianya tidak sama sekali menjejaskan peruntukan akta-akta lain. Sebagai contoh, jika pembelian sebuah mesin jahit ialah melalui jualan langsung, syarikat yang menjualnya memerlukan lesen di bawah Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini hanya menentukan tata cara penjualan langsung. Sekiranya mesin jahit itu dibeli secara ansuran, maka lain-lain peruntukan Akta Sewa-Beli seperti hak-hak pengguna dan pengambilan semula milik atau, dengan izin, repossession, terpakai dalam menguatkuasakan perjanjian di bawah Akia Sewa Beli. Oleh itu, adalah tidak perlu mengadakan peruntukan mengenai pengambilan semula milik di bawah Rang Undang-undang Jualan Langsung.

Di sini suka saya menjelaskan mengenai kontrak yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi. Peruntukan dalam Bahagian IV, Rang Undang-undang, pada saya adalah amat jelas menerangkan kedudukan mengenai kontrak. Saya percaya dalam kehidupan Ahli Yang Berhormat pernah juga menandatangani kontrak bagi perkara-perkara yang tertentu. Irwois bukanlah merupakan satu kontrak. Oleh itu, secara ringkas, kontrak jualan langsung hendaklah secara bertulis mengandungi tempoh bertenang selama 10 hari dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak penjual dan pembeli. Kontrak ini juga mesti mengandungi buiir-butir mengenai perihal barang atau perkhidmatan yang diberi masa, lempaldan cara-cara bayaran. Inilah penjelasan saya berkenaan kontrak yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri amat bimbang dengan kegiatan jualan sistem piramid. Adalah menjadi hasrat Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga melalui penguatkuasaan Rang Undang-undang ini kelak agar kegiatan yang merugikan ini dibanteras sehabis-habisnya. Pegawai-pegawai Kementerian akan cuba sedaya upaya untuk menjalankan tindakan susulan dan mengambil tindakan dari masa ke semasa. Kementerian akan mengadakan garispanduan dan mengkaji dengan teliti skim pemasaran sesebuah syarikat sebelum kita luluskan apa juga lesen di bawah Rang Undang-undang ini. Sekiranya terdapat syarikat yang bertukar menjadi syarikat piramid setelah dilesenkan, peruntukan di bawah seksyen 8 memberi kuasa kepada pegawai pengawal untuk membatalkan lesen yang telah dikeluarkan. Berasaskan seksyen 6, lesen yang dikeluarkan boleh dikenakan beberapa syarat, termasuk mengenai kualiti dan waranti.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkiikan persoalan kenapa diberikan kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan beberapa kegiatan dari Rang Undang-undang ini. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, yang sentiasa memikirkan masalah bukan sahaja masalah orang ramai, tetapi juga masalah ahli-ahli perniagaan, sektor-sektor yang tertentu dalam negara kita ini supaya mereka juga akan dapat menjalankan kegiatan masing-masing tanpa banyak peraturan dan undang-undang, maka kuasa tersebut adalah perlu untuk membolehkan kegiatan jualan langsung secara kecil-kecilan seperti pemotong rumput, penjual sayur, penjual ikan dan lain dikecualikan dari peruntukan Rang Undang-undang ini. Pengecualian ini adalah dilaksanakan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan patut asalkan kepentingan pengguna tidak dijejaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen patut merasmikan satu upacara berkaitan dengan jualan langsung dan lainnya, saya fikir eloklah ianya diserahkan kepada orang yang berkenaan untuk menentukan sama ada menerima ataupun tidak. Apa juga pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong itu, kita ambil perhatian dan kalau ada kesempatan, kita akan jemput Ahli Yang Berhormat untuk hadir bersama-sama.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya memaklumkan berkenaan dengan teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah diberikan dan saya memberi jaminan agar perkara yang lain yang tidak sempat saya jawab, Kementerian akan memberi perhatian dengan teliti.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masatahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Jawatankuasad*)

*Fasal 1—*

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 1 (3)(a), (b) dan (c) dipinda seperti berikut:

Fasal 1(3)(a) Potong perkataan "dan" di hujung perenggan (3)(a).

Fasal 1(3)(b) Gantikan noktah di hujung perenggan (3)(b) dengan koma bernoktah dan perkataan "dan".

Fasal 1(3) Masukkan, selepas sahaja perenggan (3)(b), perenggan baru (c) yang berikut:

"(c) bagi apa-apa kontrak takaful dan takaful semula yang dikeluarkan oleh seseorang pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984. "

*Akta 312.*

*(Translation)*

Clause 1(3)(a) Delete the word "and" at the end of paragraph (3)(a)

Clause 1(3)(b) Substitute the full stop at the end of paragraph (3)(b) with a semi-colon and the word "and".

Clause 1(3) Insert, immediately after paragraph (a)(b), the following new paragraph (c):

"(c) to any contract of takaful and re-l a k a f u l issued by a takaCul operator registered under the Takaful Act 1984."

*Ac.3n.*

Pindaan kepada Fasal 1(3)(a) dan (b) dan Fasal baru 1(3)(c) adalah untuk memperuntukkan bahawa Akta yang dicadangkan tidak terpakai bagi kontrak takaful dan takaful semula.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang bacakan tadi itu sekarang terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 1* seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 2 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 7—*

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 7(1) dipinda seperti berikut:

Pasal 7(1) Masukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "yang diasaskan", perkataan-perkataan, "pada apa-apa lakat,".

*(Translation)*

Clause 7(1) Insert, immediately after the words "which is based", the words, "to any extenl,".

Pindaan kepada Fasal 7(1) adalah untuk menjelaskan bahawa suatu lesen untuk menjalankan suatu perniagaan jualan langsung tidak boleh diberikan kepada mana-mana orang selagi faedah kewangan yang hendak diperolehi adalah bergantung, kepada apa-apa takat, kepada pengambilan peserta baru.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang telah dicadangkan itu sekarang terbuka untuk dibahas.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 7* seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 8 hingga 25* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 26—*

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 26(1), (2) dan (3) dipinda seperti berikut:

Fasal 26(1) Gantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

"(1) Seseorang pembeli yang telah membuat kontrak berkenaan dengan suatu jualan langsung boleh menamatkan kontrak itu dengan menyampaikan kepada penjual notis dalam bentuk yang ditetapkan pada bila-bila masa sebelum habisnya tempoh bertenang yang menyatakan niatnya untuk menamatkan atau menarik diri daripada kontrak itu."

Fasal 26(2) Potong perkataan-perkataan "akuan terima" yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan "pos berdaftar".

Fasal 26(3) Gantikan perkataan-perkataan "pada masa notis itu tiba di alamat yang dinyatakan dalam kontrak itu" dengan perkataan-perkataan "apabila habisnya tempoh tiga hari dari tarikh notis itu diposkan".

(*Translatton*)

Clause 26(1) Substitute subsection (1) with the following:

"(1) A purchaser who has entered into a contract in respect of a direct sale may rescind the contract by serving on the vendor a notice in such form as may be prescribed at any time before the expiry of the cooling-off period indicating his intention to rescind or withdraw from the contract."

Clause 26(2) Delete the word "A. R." appearing before the words "registered post".

Clause 26(3) Substitute the words "at the time when it reaches the address specified in the contract" with the words "on the expiry of three days from the date it is posted".

Pindaan kepada Fasal 26(1) adalah untuk menjelaskan bahawa notis untuk menamatkan atau menarik diri daripada kontrak mestilah disampaikan kepada penjual sebelum habisnya tempoh bertenang.

Pindaan kepada Fasal 26(2) adalah untuk menghapuskan keperluan untuk menyampaikan notis penamatan melalui pos berdaftar akuan terima kerana perkhidmatan ini tidak disediakan di tiap-tiap bandar.

Pindaan kepada Fasal 26(3) adalah untuk menyifatkan notis penamatan telah disampaikan kepada penjual apabila habisnya tempoh tiga hari dari tarikh notis itu diposkan supaya dapat dielakkan kelidaktentuan dalam mengetahui bila notis itu sampai kepada penjual.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang dicadangkan itu terbuka untuk dibahas.

4.16 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, memang pindaan yang keduanya iaitu Fasal 26(2) adalah wajar oleh kerana ada setengah-setengah tempat tidak mempunyai kemudahan seperti itu. Walau bagaimanapun, saya nampak ini mungkin boleh ditafsirkan sebagai berat sebelah, berat kepada pengguna sahaja tetapi tidak memelihara kepentingan penjual tulen. Jadi, ini ada dua aspek iaitu satu aspek penipuan ke atas pengguna dan satu aspek lagi ialah pengguna yang melakukan kesalahan dan menjejaskan kepentingan penjual yang tulen. Setakat ini saya nampak tidak cukup peruntukan untuk menjaga kepentingan penjual yang tulen.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah satu peruntukan atau beberapa peruntukan untuk menjaga penjual-penjual yang tulen. Jadi, ini memang saya mengalu-alukan untuk memelihara kepentingan pengguna-pengguna. Tetapi perniagaan ini ada dua aspek, penjual dan pembeli. Tetapi kita mesti juga menjaga pembeli.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap di atas dasar itu. Kita sekarang di atas pindaan sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham itu pindaan dan saya bersetuju dengan satu pindaan mengenai yang kedua tetapi saya cuma hendak mencadangkan supaya memasukkan percnggan dua untuk memelihara pembeli juga.

**Tuan Pengerusi:** Perkara ini tidak boleh dibincangkan di dalam Jawatankuasa sebegini. Hanya dibuat pindaan yang berasingan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan itu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 26* seperti mana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal-fasal 27 Mngga 44—*

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, dalam peringkat Jawatankuasa ini saya berhajat untuk membangkitkan seksyen 40 (1) yang memberi kuasa kepada Pengawal dan Timbalan Pengawal untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang berlaku di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan Lain yang dibuat berikutan dengannya. Seksyen 40 (1) menyebut seperti berikut:

"(1) Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak lebih melebihi amaun yang ditetapkan".

Kalau kita melihat kepada peruntukan-peruntukan mengenai kesalahan di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan ini, jumlah hukuman denda yang dikenakan adalah terlalu tinggi. Misalannya seksyen 4(2) menyebut bahawa:

"(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan kesalahan

dan, apabila disabitkan, boleh—

- (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit;"

Apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah kuasa yang diberikan kepada pengawal dan timbalan pengawal untuk mengkompaun, mengkompaun bukan sahaja kepada beberapa kesalahan icrhad tetapi sebarang apa-apa kesalahan di bawah Akta ini. Bermaknanya dengan kata lain, daripada lafsiran yang dapat saya lihat pada seksyen 40(1), semua kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini boleh dikompaunkan. Sebarang kcsalahan yang berlaku termasuklah peruntukan kesalahan di bawah Seksyen 4.

Apa yang saya hendak hujahkan di sini, Tuan Pengerusi, ialah Pengawal alau Timbalan Pengawal ialah seorang kakitangan Kerajaan, iaitu pihak pentadbiran. Pihak pentadbiran diberi kuasa yang begitu luas untuk mengkompaun satu kesalahan yang pada keadaan biasa boleh membawa hukuman sampai \$500,000 bagi kesalahan kedua dan \$250,000 bagi kesalahan pertama. Sepertimana yang kita tahu, dalam sistem negara kita, kuasa menghukum orang ini ialah lerletak kepada mahkamah dan jika kita memberi kuasa yang terlalu luas kepada Pengawal dan Timbalan Pengawal, sudah tentu scolah-olah kita memindahkan kuasa mahkamah atau kuasajudiciary, dengan izin, untuk mendenda mana-mana orang kepada pihak Eksekutif. Pihak Eksekutif tidak patut diberi kuasa yang begitu besar, yang begitu luas sehingga untuk mengkompaun apa-apa kesalahan, tambah-tambah lagi, memandangkan bahawa hukuman atau penalty yang dikenakan di bawah Akta ini ialah terlalu

berat iaitu sehingga \$500,000. Kita bayangkan bagaimana suatu kesatahan di bawah seksyen 4, misalnya, dan Pengawal atau Timbalan Pengawal diberi kuasa untuk mengkompaunkan kesalahan itu. Jadi, seolah-olah suatu keadaan terbuka akan mendedahkan kepada penyalahgunaan kuasa oleh Pengawal dan Timbalan Pengawal yang akan dilantik di bawah Akta tersebut.

Apa yang hendak saya cadangkan ialah hanya bagi kesalahan-kesalahan tertentu sahaja. Yang terdapat di bawah Akta ini, yang hanya membawa hukuman minimum sahaja yang Pengawal dan Timbalan Pengawal patut dibenarkan untuk mengkompaunkan kesalahan tersebut. Mana-mana kesalahan lain hendaklah didakwa di mahkamah dan kita patut scrahkannya kepada pihak mahkamah untuk mengenakan hukuman. Cadangan ini pertama sckali ialah untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh Pengawal dan Timbalan Pengawal yang mungkin akan berlaku selepas daripada perlaksanaan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat berucap berkenaan dengan dasar itu. Kita sekarang dalam Jawatankuasa. Jawatankuasa hanya boleh meminda butir-buiirnya sahaja seperti daripada "lima" kepada "enam" dan sebagainya. Apabila kita hendak pinda kepada dasar-dasarnya, samada dia berhak menerima kompaun sebanyak mana, daripada mana, daripada siapa, berapa banyak yang amaun dia itu, maka Uu adalah dasar yang sepatutnya diucapkan pada peringkat Bacaan Kali Yang Kedua.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, jika demikian pindaan yang hendak saya cadangkan kepada Seksyen 40(1) ialah: "Pengawal dan Timbalan Pengawal boleh mengkompaun kesalahan-

kesalahan tertentu yang diwartakan tetapi tidak semua kesalahan di bawah Akta ini. "

**Tuan Pengerusi:** Kalau Yang Berhormat hendak meminda, minta pindaan.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tidak, saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Kenalah mengemukakan satu notis.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sudah tentu.

**Tuan Pengerusi:** Kena notis dulu ya.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Minta pandangan tidak mengapa.

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, yang periam saya ingin menjelaskan iaitu pegawai-pegawai yang akan dilantik menjadi Pengawal ataupun Timbalan Pengawal adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang mempunyai pengalaman dan juga yang sentiasa bertimbang rasa dalam urusan Kerajaan dan juga urusan untuk kita mengimbangkan perdagangan dalam negeri dan juga bagi kepentingan pengguna. Itu yang pertama.

Yang kedua, suka saya menyatakan iaitu mungkin Ahli Yang Berhormat silap memahami Rang Undang-undang ini, iaitu amaun yang dimaksudkan di sini bukanlah amaun yang maksimum yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini, tetapi memberi kuasa kepada pegawai yang berkenaan untuk mengkompaun dengan angka ataupun dengan amaun yang akan saya tetapkan melalui peraturan. Kita akan membual peraturan berkaitan dengan perkara ini

dan dalam menelapkan peraturan, tidak munasabah kepada saya dan Kerajaan untuk menetapkan sampai seorang pegawai boleh kompaun \$250,000 ataupun \$500,000. Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat faham berkenaan dengan perkara ini.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya faham semua itu, barangkali takut Yang Berhormat Menteri tidak faham dengan maksud saya tadi. Cuba kita baca Seksyen 40(1) secara detail yang berbunyi:

"Pengawal atau Timbalan Pengawal boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun dengan mencriama daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang ditetapkan".

Memang amaun itu akan ditetapkan oleh peraturan yang akan dibuat, katakan \$2,000-\$5,000, tetapi soalnya sekarang, katakan kesalahan di bawah Seksyen 40(1), hukumannya \$500,000. Munasabahkah bagi seorang Pengawal hendak mengkompaun kesalahan itu dengan \$2,000-\$5,000. Inilah penyalahgunaan kuasa yang saya maksudkan tadi. Walhal kalau dia dibawa ke mahkamah, dia boleh dihukum dengan denda sampai sebanyak \$500,000. Tetapi apabila peraturan yang dibuat di bawah Akta ini menetapkan kuasanya hanya \$5,000, jadi bezanya luas daripada \$5,000 sampai \$500,000. Kalau dia hendak menolong orang, hendak menolong rakan-rakan, misalannya, dia kelaskan kes itu, "Okay, sekarang saya kompaun dengan \$5,000 di bawah kuasa saya. 'Padahal di dalam keadaan biasa, hukumannya ialah \$500,000 - bezanya Tuan Pengerusi ialah terlalu luas. Inilah yang saya maksudkan penyalahgunaan kuasa yang akan berlaku nanti. Itu maksud saya tadi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.



**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tidak semua kesalahan di bawah Rang Undang-undang ini dibcri kuasa kepada Pegawai untuk mengkompaun. Ada kesalahan-kesalahan yang kecil bolch kita buat demikian. Jadi saya harap Ahli Yang Berhormat tidak ragu akan kewibawaan Kementerian dan juga Kerajaan. Terima kasih.

*Fasal-fasal 27 sehingga 44* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua

4.30 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan Persekutuan ialah Perkara 46 dan 65, Pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan adalah bertujuan menambah bilangan kerusi Dewan Rakyat. Kali terakhir pindaan dibuat kepada bilangan kerusi Dewan Rakyat ialah dalam tahun 1985. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ulangkaji dan persempadanan semula Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah yang terakhir iaitudalam tahun 1984, bilangan pemilih ialah seramai 5,598,672 orang. Sejak itu

bilangan pemilih telah bertambah dari tahun ke setahun. Mengikut Daftar Pemilih yang disahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada 24 Jun 1992 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan 3 Julai 1992 bagi negeri Sabah dan Labuan, jumlah pemilih ini tidak lermasuk Sarawak, telah meningkat kepada 7,306,087 orang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih bagi seluruh negara ialah 8,058,047 orang. Ini bermakna sejak tahun 1984 bilangan pemilih bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah telah meningkat kepada 1,708,015 orang. Peningkatan jumlah pemilih seluruh negara ialah 1,852,143. Dengan penambahan ini bermakna bilangan pemilih bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah telah bertambah kira-kira 31% sejak tahun 1984. Dengan pertambahan jumlah bilangan pemilih yang besar itu, maka perlu juga dipertimbangkan soal pertambahan kepada Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan juga Negeri supaya beban pertambahan pemilih itu dapat dibahagikan semula mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sungguhpun jumlah pemilih telah bertambah sejak tahun 1984 sebanyak 31% bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah, ini tidaklah bermakna bahawa jumlah Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri harus juga bertambah mengikut pertambahan jumlah pemilih itu. Jika ini dilakukan juga maka jumlah Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan bertambah besar dan akan menambahkan lagi beban kewangan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil kira perkara-perkara yang lelah saya nyatakan sebentar tadi serta pentingnya mewujudkan satu sistem perwakilan yang saksama dan berpatutan, adatah dicadangkan supaya

peruntukan Perkara 46 dipinda untuk menambah bilangan kerusi di Dewan ini dari 180 kepada 192 kerusi. Dalam cadangan pindaan Perlembagaan ini, bilangan kerusi negeri Sarawak tidak terlibat kerana tindakan persempadanan semula kawasan pilihanraya negeri Sarawak telahpun dilaksanakan dalam tahun 1987 dan Perlembagaan Persekutuan tidak mengizinkan persempadanan semula dibuat sebelum genap 8 tahun.

Tuan Yang di-Perlua, tambahan 12 kerusi yang dicadangkan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

Johor	2	kerusi
Kedah	1	„
Kelantan	1	„
Pahang	1	„
Selangor	3	„
Wilayah Persekutuan	3	„
Perlis	1	„

Sungguhpun negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Sabah tidak mendapat tambahan kerusi Parlimen, ini bukanlah bermakna negeri-negeri ini tidak akan terlibat dalam urusan persempadanan pada kali ini. Suruhanjaya Pilihanraya akan mengubahsuaikan sempadan bagi semua negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah berpandukan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan sama ada ianya terlibat dengan tambahan kerusi Parlimen ataupun tidak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tambahan kerusi bagi negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Sabah tidak dibuat oleh kerana Kerajaan berpendapat jumlah kerusi yang sedia ada bagi negeri-negeri berkenaan sudahpun memadai. Negeri Sabah misalnya, walaupun penambahan pemilih dari tahun 1984 hingga 1992 didapati bertambah hampir 60% tetapi

purata pemilih Parlimen untuk keseluruhan negeri hanyalah 28,563 orang sahaja. Angka ini adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang purata pemilih bagi satu-satu kawasan Parlimen ialah 46,447. Memandangkan terdapatnya kemajuan dalam bidang perhubungan dan pengangkutan di Sabah sejak 8 tahun yang lepas, maka adalah perlu purata pemilih Parlimen bagi Sabah diimbangkan dengan lain-lain negeri supaya ianya tidak terlalu jauh berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan, Parlimen berkuasa menentukan bilangan kerusi Dewan Rakyat untuk tiap-tiap negeri. Penentuan sempadan kawasan-kawasan pilihanraya akan dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya setelah pindaan mengenai bilangan kerusi diluluskan oleh Parlimen. Urusan kajian bagi menemukan sempadan pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh dibuat selepas 8 tahun sesudah urusan kajian terakhir dan ianya perlu diselesaikan dalam tempoh 2 tahun setelah dimulakan. Kajian terakhir yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah 8 Ncwenber 1984. Sesuai dengan pertambahan kerusi ini maka perlulah Suruhanjaya Pilihanraya melaksanakan tugasnya untuk mempersempadankan semula bahagian-bahagian pilihanraya mengikut jumlah kerusi yang dinyatakan di bawah Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Jika pilihanraya umum yang akan datang diadakan selepas persempadanan itu selesai, maka kawasan-kawasan baru akan digunakan bagi pilihanraya umum tersebut. Jika sesuatu pilihanraya kecil perlu diadakan sebelum pilihanraya umum akan datang, kawasan-kawasan yang sedia ada akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, jika tambahan kerusi diluluskan maka dijangkakan bahagian-bahagian pilihanraya yang didapati sangat luas dan membawa kesulitan serta kesukaran kepada wakil-

wakil rakyat untuk melawat dan mendekati rakyat dapat dijadikan lebih kecil dengan bilangan pemilih yang berpatutan. Begitu juga bahagian-bahagian pilihanraya yang kecil tetapi mempunyai bilangan pemilih terlampau ramai, boleh dikurangkan bitangan pemilihnya setelah dipersempadankan semula.

Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan itu, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan ragu-ragu bahkan akan memberi sokongan sepenuhnya atas cadangan menambah 12 kerusi Dewan Rakyat keseluruhan kepada 192 untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan ulangkaji dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya setelah tiba masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga mencadangkan supaya Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan dipinda. Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan berkenaan jawatan-jawatan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Mengikut peruntukan yang sedia ada itu, Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan dibenarkan memegang jawatan sehingga mencapai umur 60 tahun ataupun sehingga mana-mana umur yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan mengikut undang-undang, kecuali Setiausaha-Setiausaha tersebut sendiri meletakkan jawatan.

Peruntukan sekarang tidak menghalang Yang di-Pertuan Agong melantik mereka yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam memegang jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat itu.

Pindaan yang dicadangkan sekarang adalah bagi tujuan memperuntukkan perlantikan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibuat

dari kalangan mereka yang menjadi ahli Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, dan peruntukan baru ini mendedahkan seseorang yang dilantik itu dibenarkan memegang jawatan-jawatan tersebut sehingga mencapai umur 55 tahun, kecuali jika seseorang yang dilantik itu meletakkan jawatan yang lebih awal ataupun ditukarkan ke jawatan lain.

Tujuan pindaan ini juga ialah untuk membubarkan Perkhidmatan Parlimen yang ditubuhkan melalui Seksyen 3 Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, Jawatan-jawatan Setiausaha ini berserta dengan kakitangan-kakitangan Parlimen yang lain merupakan kakitangan sokongan iaitu support staff bagi melicinkan pentadbiran urusan-urusan Parlimen.

Adalah dijangka lebih wajar mereka yang hendak dilantik ke jawatan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat itu serta kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Parlimen dipilih dari antara mereka yang menjadi ahli-ahli Perkhidmatan Awam Persekutuan. Ini akan membolehkan mereka yang berpengalaman dilantik ke jawatan-jawatan yang akan meningkatkan lagi prestasi Perkhidmatan Sokongan bagi urusan-urusan Parlimen. Walau bagaimanapun untuk memastikan supaya mereka yang memegang jawatan-jawatan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak akan terjejas kedudukan mereka dari segi emolumen, syarat-syarat dan terma perkhidmatan mereka yang sedang menjawat jawatan-jawatan tersebut adalah dibenarkan terus memegang jawatan-jawatan itu sehingga tamat perkhidmatannya mengikut peruntukan yang sedia ada.

Di samping itu juga, sebagaimana diperuntukkan sekarang, mereka tidak boleh dikeluarkan daripada jawatan masing-masing kecuali mengikut tatacara yang disediakan sekarang iaitu dengan representation, dengan izin,

seperti yang diperuntukkan di dalam Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna peruntukan yang baru mengenai perlantikan kepada jawatan Setiausaha-Setiausaha Dewan Negera dan Dewan Rakyat itu akan terpakai bagi mereka yang akan dilantik selepas tamatnya perkhidmatan mereka yang menjawat jawatan itu sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terbubarinya Perkhidmatan Parlimen itu kelak, Perkara 65(4) dan (5) tidak lagi terpakai, dengan itu terbatal.

Clause 7 di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1992 itu juga berhubung dengan cadangan untuk membubarkan Perkhidmatan Parlimen yang sedia ada itu.

Apabila berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini kelak, seliap kakitangan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Parlimen yang belum mencapai umur 55 tahun dan membuat option untuk diserapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan akan menjadi ahli-ahli Perkhidmatan tersebut dan semua terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan tersebut akan terpakai bagi mereka. Walau bagaimanapun, syarat-syarat dan terma-terma yang hendak dipakai bagi mereka hendaklah tidak kurang dari apa yang mereka nikmati sekarang.

Kakitangan Perkhidmatan Parlimen yang tidak discrapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan boleh, oleh kerana ia telah mencapai umur 55 tahun atau tidak membuat pilihan untuk discrapkan ke dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, dan akan terus berkhidmat dengan Parlimen atas syarat-syarat dan terma-terma yang tidak kurang daripada apa yang mereka perolehi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkhidmatan dan perjawatan pula, Kerajaan berpendapat bahawa pindaan ini boleh mendatangkan beberapa

kebaikan. Di antara kebaikan-kebaikan yang dimaksudkan itu ialah peluang kemajuan kerjaya yang lebih luas terutamanya dari segi kenaikan pangkat, penempatan dan pertukaran pegawai-pegawai akan bertambah baik kerana adanya kumpulan pegawai yang ramai dengan pengalaman-pengalaman kerja yang luas dan berbagai.

Penempatan boleh dilaksanakan mengikut kecenderungan dan pengalaman seseorang pegawai dan perancangan tenaga manusia dan latihan dalam perkhidmatan dapat dipertimbangkan melalui perancangan secara berpusat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan ini, saya kira Ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan atas cadangan meminda Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan seperti yang telah saya huraikan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pendidikan (Datuk Amar Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Bayan Baru.

*4.44 ptg.*

**Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru):** Tuan Yang di-Pertua, kita akan membincang atau membahas satu Rang Undang-undang yang begitu penting, yang melibatkan penambahan kepada kawasan-kawasan pilihanraya mengikut Perkara 46 dan Perkara 65 dan Perkara 132 yang melibatkan Perlembagaan Persekutuan bersabit dengan kedudukan Perkhidmatan Parlimen.

Sebelum itu, saya ingin merakamkan perasaan kesal saya, Tuan Yang di-Periua, kerana Rang Undang-undang yang begitu penting telahpun dibentangkan buat bacaan kali yang pertama semalam dan hari ini hendak dibincang. (*Tepuk*) Perkara yang seumpama ini amat penting dan ia memerlukan bagi semua Wakil-wakil Rakyat untuk mengkaji dan membuat beberapa rujukan sebelum perkara ini dibincang di dalam Parlimen. Peluang ini tidak diberi dan saya berasa Menteri yang bertanggungjawab begitu tergesa-gesa hendak membentangkan Rang Undang-undang ini dan mungkin ada muslihatnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk menambahkan kawasan Parlimen daripada 180 kepada 192, saya pun tidak faham bagaimanakah kajian awal dibuat bagi menentukan negeri-negeri yang terlibat diberi pertambahan mengikut pengubahsuaian persempadanan, dan kita lihat ada negeri-negeri yang perlu juga diberi peluang untuk membuat penambahan kawasan-kawasan Parlimen tetapi Udak dibuat.

Saya rasa tindakan ini seolah-olah mengeneipkan hak dan kebebasan Suruhanjaya untuk membuat rekomendasi-rekomendasi tertentu supaya Kerajaan dapat menentukan perubahan ataupun penambahan kepada kawasan-kawasan Parlimen. Saya difahamkan perkara ini tidak pernah berlaku dahulu. Biasanya Suruhanjaya Pilihanraya akan membuat kajian selepas setiap 8 ke 10 tahun, dan satu rekomendasi akan dibuat kepada Kerajaan untuk dibentangkan di Parlimen dan mendapat kelulusan Parlimen.

Baru-baru ini, pada awal tahun ini kita dengar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat satu kajian semula untuk menambahkan kawasan Parlimen tetapi tiba-tiba diam dan sekarang kita terdengar bahawa

Kerajaan bercadang untuk menambahkan 12 kerusi lagi. Mengikut amalan biasa, kalau katalah Suruhanjaya Pilihanraya membuat kajian antara 8 tahun ke 10 tahun selepas kajian yang sebelum itu, mengapakah kajian dibuat pada awal tahun ini oleh Suruhanjaya Pilihanraya sepertimana yang dihebohkan yang mana tempohnya belum sampai 8 tahun lagi?

Kalau kawasan pilihanraya yang dahulu sebanyak 180 kerusi diluluskan pada tahun 1985 oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mengapakah Suruhanjaya Pilihanraya boleh membuat kajian pada awal tahun ini yang mana sepatutnya dibuat pada tahun 1993, dan sekarang Kerajaan pula membuat satu cadangan seolah-olah Kerajaan sendiri telah membuat kajian semula secara yang lain dan kononnya untuk memberi peluang kepada Suruhanjaya Pilihanraya kemudiannya untuk membuat kajian menambahkan seperti yang dicadangkan itu dengan 12 kerusi lagi? Ini satu keadaan yang pelik, yang anih. Jadi saya kira seolah-olahnya selama ini kita menaruh harapan dan kepercayaan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya itu mempunyai kebebasan dalam menentukan bilangan kawasan-kawasan pilihanraya, tetapi sekarang ini kita sudah lihat bahawa kedudukan Suruhanjaya Pilihanraya itu hanya sebagai alat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Ini amal jelas.

Kemudian saya ingin memperiikatkan kenapa Pulau Pinang satu negeri yang mana pertambahan pemilih memang begitu besar di semua kawasan. Apakah cara yang ditentukan negeri seperti Pulau Pinang ini telah dipertimbangkan untuk memberi tambahan kepada kerusi Parlimen. Adakah Kerajaan Negeri tidak diberi satu perbincangan ataupun mendapat pandangan Kerajaan Negeri adakah Ketua Menteri Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Dr. Koh Tsu Koon tidak dibincang tentang buat penambahan

kawasan Parlimen di Pulau Pinang. Kalau Kerajaan Barisan Nasional Negeri Pulau Pinang tidak mahu penambahan kawasan Parlimen, kita dari DAP tidak boleh menerima pandangan ini.

Saya rasa sama ada Kerajaan Negeri tidak langsung mengambil tahu tentang penambahan kawasan Parlimen ataupun Kerajaan Pusat tidak memberi peluang kepada Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Dr. Koh Tsu Koon untuk memberi pandangan mereka....

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, beri Bayan Baru berucap. Jangan ganggu dia.

**Tuan Ahmad bin Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kita harus faham dan sedar bahawa ladi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang sistem Persekutuan atau sistem Federation. Dalam sistem Federation kita memerlukan perwakilan yang seimbang, yang adil dari tiap-tiap negeri. Begitu cara kita menjalankan pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kalau kita lihat bahawa ada negeri yang mempunyai perwakilan yang lebih, ada negeri yang dianak-tiri memberi perwakilan yang kurang di Parlimen, saya rasa ini satu keadaan yang tidak adil. Kerajaan Pusat mempunyai tujuan membuatkan penambahan kawasan atau mempersempadankan semula kawasan-kawasan Parlimen ini tidak ada tujuan lain cuma hendak menambahkan kerusi-kerusi Barisan Nasional (*Tepuk*) Saya memang merasai amat kesal tentang pindaan ataupun cadangan untuk menambah kawasan Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini dapat dikaji semula supaya semua negeri diberi hak mereka dengan seadil-adilnya. Apabila kita mencapai kemerdekaan dan mentadbirkan negara kita di bawah sistem Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri telah menyerahkan berbagai hak mereka bukan sahaja hak malahan hasil-hasil

yang dikutip di dalam negeri-negeri itu. Tetapi ini semua tidak dipertimbangkan malahan Kerajaan Pusat menggunakan Parlimen untuk mengawal dan mengongkong Kerajaan-Kerajaan Negeri, lebih-lebih lagi kalau Kerajaan Negeri itu bukan di bawah Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini amat memalukan dan kalau satu perubahan tidak dibuat saya rasa rakyat akan lebih kehilangan kepercayaan, keyakinan terhadap sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini. Kerajaan akan hilang keyakinan kepada kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya. Dan saya rasa Kerajaan Barisan Nasional mahulah menerima hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan Perkara 65 dan 132 ini juga satu perkara yang penting. Sepanjang pengetahuan saya, saya tidak tahu dari mana punca cadangan ini timbul. Apakah sebabkalau kita boleh adakan Akta Perkhidmatan Parlimen sejak tahun 1963 dan tidak pernah dipertikaikan oleh sesiapa, tiba-tiba cadangan hendak memansuhkan Akta Perkhidmatan Parlimen timbul? Kita tidak pernah dengar mana-mana dipertikaikan. Mengapa tiba-tiba Perkara 65 dan 132 ini hendak dipinda? Apa yang saya boleh lihat secara bodoh, secara yang paling mudah; ini bermakna pengambilalihan kuasa autonomi Parlimen! (*Tepuk*) Kita mahu satu institusi Parlimen yang bebas, yang dihormati, yang dikatakan institusi demokrasi tertinggi di negara ini sekarang ini hendak diletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (*Tepuk*) Mana, ini sudah lagi karut! Kita hendak cari yang lagi baik, hendak tambah kuatkan kedudukan Parlimen supaya dihormati dan disegani dan dihormati oleh semua rakyat, sekarang hendak letak Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat termasuk kakitangan anggota Perkhidmatan

Parlimen kononnya semua itu hendak dicadang ataupun dilantik daripada Perkhidmatan Awam Am. Ini satu kedudukan yang amat aneh. Sepatutnya Tuan Speaker mempertahankan kedaulatan Parlimen! (*Tepuk*) Saya pun hairan, siapakah punca membawa cadangan kepada pindaan Perlembagaan Perkara 65 dan 132. Adakah masalah dalam Parlimen sendiri yang kita tidak tahu? Adakah masalah antara Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara dan Tuan Speaker? Kita tidak tahu. Sekarang saya hendak tahu. Tidak ada siapa minta. Saya difahamkan dari anggota Perkhidmatan Parlimen sendiri, mereka pun tidak mahu dipindahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, tidak mahu. Tidak ada siapa pun yang bersuara, Malahan mereka menganggap bahawa kedudukan mereka akan terancam. Sekarang pun ada antara mereka menganggap mereka bekerja berhadapan dengan buaya. Besok bila hantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam mereka akan bekerja di hadapan harimau! Tidak ada yang akan mendatangkan faedah kepada anggota atau kakitangan Perkhidmatan Parlimen. Satu perkara yang tidak perlu dibawa, dibincang di dalam ini sekarang ini terbangkit.

Saya rasa soal kebaikan daripada segi kebajikan, syarat-syarat perkhidmatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ini soal kedua. Soal yang penting sekarang ini autonomi Parlimen yang saya sebut awal tadi. Autonomi Parlimen akan hilang. Kita ini seolah-olah dikawal oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebab Setiausaha Dewan, pekerja-pekerja sokongan yang disebutkan tadi semuanya diletak di bawah Perkhidmatan Awam Am dan ini satu keadaan yang tidak begitu bijak.

Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa membantah dengan sekeras-kerasnya (*Tepuk*) Dan saya berharap perkara ini kalau boleh dilangguh, dibincang semula supaya perkara yang tidak bermanfaat

ini sudah tentu bukan sahaja tidak dapat sokongan daripada Ahli Parlimen Pembangkang. Kalau ada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional sokong, mereka juga adalah orang yang sanggup menyerah autonomi Parlimen (*Tepuk*) Tidak boleh diterima!

#### **Seorang Ahli: Malu!**

**Tuan Ahmad bin Nor:** Jadi, kita janganlah lerpengaruh dengan rayuan dari Yang Berhormat Menteri tadi ini supaya semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sokong. Tidak boleh sokong! (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mahu mengambil masa yang panjang, kita akan pergi lebih lanjut lagi, saya akan berbincang di bawah Jawatankuasa nanti. Dan saya berharap kita semua menerima hakikat bahawa cadangan ini tidak membawa manfaat kepada Perkhidmatan Parlimen mahupun kepada kedudukan Parlimen sebagai institusi demokrasi yang tertinggi di negara ini. Sekian, terima kasih.

#### **Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong.**

4.48 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang paling khusus untuk mempersempadankan semula kawasan-kawasan pilihanraya daripada 180 kepada 192 dan yang keduanya adalah mengenai perkhidmatan kakitangan Parlimen dan pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963. Saya memang sebagai prinsipnya berbeza dengan sahabat saya dari DAP.

Oleh kerana apabila Kerajaan menambah kerusi-kerusi Parlimen, ini adalah dikaitkan sebagaimana yang ditegaskan oleh Menteri yang membawa Rang Undang-undang ini adalah dengan

kehendak pertambahan penduduk dan pemilih. Jadi janganlah perkara ini mahu dipolitikkan dan mahu dijadikan sebagai satu gimmick Kerajaan Barisan Nasional sahaja.

Pada saya memang sudah sampai masanya supaya perkara ini dikaji dan masalah perwakilan ini dipertambahkan di dalam Dewan Rakyat.

Dalam pada itu saya ingin menyentuh secara khususnya mengenai pindaan kepada Perkara 132 Perlembagaan dan juga mengenai pemansuhan Akta PerkhidmatanParlimen 1963. Walaupun mungkin saya akan bersuara berbeza dengan sahabat saya daripada DAP, tetapi saya secara peribadi merasakan perkara ini mungkin belum lagi perlu diketengahkan kepada kita oleh kerana tiada faktor-faktor yang memang mendesak mengapa perkara ini perlu diketengahkan. (*Tepuk*)

Saya berpendapat, sekiranya ada masalah-masalah di dalam Dewan Rakyat ini alau di dalam pentadbiran Dewan ini, kita harus cari puncanya dan selesaikan. Bukan sistem itu yang harus dikorbankan. (*Tepuk*) Saya tidak memerlukan tepukan daripada sahabat saya dari Pembangkang, tetapi segala perkara ini telahpun diketengahkan. Saya berharap walaupun kita tidak boleh revert dengan apa yang telahpun diketengahkan kepada kita, harapan kita adalah, pegawai-pegawai yang ada ini, pegawai-pegawai yang telahpun berpengalaman dengan selok belok perjalanan Parlimen ini diberi satu pertimbangan yang terlalu amat wajar dan penuh simpati. Sekiranya mereka akan diserapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, bukan taraf mereka untuk diserapkan sebagai pegawai PTA, mereka harus diserapkan sebagai pegawai PTD, iaitu mereka yang memegang jawatan KPSU dan PSU pada hari ini.

Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kehilangan kakitangan yang berpengalaman dalam Parlimen ini

semata-mata untuk membuka perkhidmatan Parlimen ini kepada open service, kita tidak mahu. Kita mahu pegawai-pegawai yang berpengalaman diberi due recognition, dengan izin, supaya mereka ini akan menjalankan kerja dengan penuh kerelaan, dengan penuh kepakaran yang memang ada pada mereka. Pada waktu yang sama saya harap setiap anomali yang akan berbangkit daripada pindaan Perlembagaan ini dapat dikaji dengan sedalam-dalamnya supaya tidak menyentuh moral dan juga kesukarelaan pekerja-pekerja kita untuk berkhidmat kepada Parlimen yang memang merupakan sebagaimana yang telah ditegaskan, sebagai satu institusi yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana apabila kita cuba membuat perbandingan-perbandingan di kalangan, mungkin negara-negara Komanwel, kemungkinan kita adalah negara yang pertama untuk memansuhkan mana-mana Akta Perkhidmatan Parlimen. Tetapi saya yakin Kerajaan kita lebih penuh dengan wisdom, dengan kebijaksanaan mengapa Akta ini harus dimansuhkan. Tetapi dalam kita menghargai wisdom atau kebijaksanaan itu, saya harap segala perkara-perkara yang akan dirayakan oleh pekerja-pekerja yang ada akan diberi pertimbangan yang sewajar-wajarnya. Dengan itu, saya menyokong, terima kasih.

5.03 *pag.*

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya berhajat untuk bercakap tentang pindaan kepada Perkara 46 dan Perkara 65. Sebelum daripada itu saya berhajat terlebih dahulu untuk menyentuh pindaan kepada Perkara 65 Perlembagaan iaitu berhubung dengan perlantikan jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat.



Tuan Yang di-Pertua, saya menafsirkan bahawa pindaan yang dibawa di hadapan kita pada hari ini ialah suatu campurtangan, suatu encroachment, dengan izin, daripada satu badan Eksekutif ke atas badan Legislature. Seperti mana yang kita tahu, di dalam negara ini Parlimen adalah supreme, Parlimen adalah independent.

Di dalam sistem demokrasi yang kita amalkan di negara ini, pihak Eksekutif untuk mewujudkan keadilan dalam sistem pemerintahan negara demokrasi tidaklah boleh campurtangan di dalam urusan badan Perundangan atau badan Kehakiman. Saya menafsirkan, pindaan kepada Perkara 65 ialah suatu lagi percubaan yang dibuat oleh Eksekutif untuk mengacau-ganggu dan mencampuri urusan-urusan Legislature yang mana ianya adalah merupakan suatu badan yang membuat undang-undang tertinggi di negara ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sepatutnya perkara-perkara yang menyentuh pindaan sedemikian mestilah dianggap sebagai suatu privilege Dewan, suatu hak istimewa Dewan ini. Oleh kerana ianya suatu privilege Dewan, maka cara pindaan yang hendak dibuat tidaklah boleh dibuat secara tergesa-gesa. Kelmarin bentang dalam Dewan, hari ini bahas dan barangkali petang ini juga akan diluluskan di peringkat kedua. Sepatutnya, sesuatu yang menyenoi soal privilege Dewan, hak keistimewaan Dewan termasuk perlantikan jawatan Setiausaha Dewan Rakyat atau Dewan Negara mestilah dibuat melalui Jawatankuasa Terpilih. Suatu Jawatankuasa Terpilih di Dewan dilantik oleh Dewan yang mulia ini untuk mengkaji keperluan sama ada pindaan tersebut perlu ataupun tidak dibuat.

Yang keduanya, selain daripada itu orang-orang yang mempunyai kepentingan di dalam pindaan ini mestilah diambil kira. Pendapat mereka

mestilah ditanya. Saya tidak tahu sama ada pendapat Yang Berhormat Tan Sri Speaker Dewan Rakyat sendiri telah ditanya mengenai pindaan ini. Dan kalau pendapat Tan Sri Speaker Dewan Rakyat ditanya, saya tidak fikir bagaimana Tan Sri Speaker boleh bersetuju untuk memansuhkan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, kerana pindaan yang dicadangkan ini sekali gus seperti yang terdapat di bawah seksyen 7 pindaan Perlembagaan ini iaitu:

"1(d)—Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 adalah dimansuhkan."

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 memberi kuasa yang luas kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara. Kakitangan-kakitangan kedua-dua Dewan adalah tertakluk kepada suatu Lembaga Kenaikan Pangkat yang ditubuhkan di bawah Peraturan 4, Peraturan berkenaan. Sekaligus dengan pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, Lembaga Kenaikan Pangkat akan hilang kuasa dan Tan Sri Speaker sendiri tidak akan mempunyai apa-apa kuasa. Sebab itulah saya tanya, kalau Tan Sri Speaker sendiri telah diminta pandangan mengenai pindaan yang sedang dibawa di hadapan kita ini, apakah pihak Speaker Dewan akan bersetuju dengan pindaan yang secara sekaligus akan memansuhkan kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan yang lebih penting daripada itu ialah, Akta Perkhidmatan Parlimen telah dibawa dalam Dewan ini dalam tahun 1963.

Suatu Suruhanjaya seperti amalan yang terdapat di England yang mempunyai House of Commons, Administration Act 1978 yang hampir-hampir sama dengan Akta Perkhidmatan Parlimen yang ada di negara kita. Apa yang dimaksudkan di bawah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, jawatan-jawatan sama ada Setiausaha Dewan atau kakitangan Dewan, sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara adalah tertakluk kepada suatu Jawatankuasa

khusus. Misalnya, di England tertakluk kepada suatu Suruhanjaya dan di sini tertakluk kepada suatu Lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga Tata tertib yang diwujudkan di bawah Akta berkenaan. Tetapi dengan mansuhnya Akta Perkhidmatan Parlimen 1963, semua jawatan daripada Setiausaha Dewan dan kakitangan-kakitangan Parlimen akan tertakluk kepada Perkhidmatan Awam. Pindaan ini juga tidak jelas, iaitu, kalau kita melihat kepada pindaan ini telah menyebut: 5 (a)—Pindaan kepada artikel kecil (2):

"(2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat telah dilantik oleh Yang di-Pertua Agong daripada kalangan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan".

Sebagaimana yang kita tahu, pada masa ini, anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan ada dua—Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan satu lagi PTA, Perkhidmatan Awam. Dengan pengwujudkan atau pindaan yang dibawa ini, kalau jawalan yang akan dilantik nanti daripada Perkhidmatan Awam misalnya, oleh kerana tidak jelas, maka kita meletakkan Setiausaha Dewan Rakyat akan lebih rendah tarafnya daripada Setiausaha Dewan-dewan Undangan Negeri yang ada sekarang. Kerana seperti mana yang kita tahu Setiausaha-setiausaha Dewan Undangan Negeri kebanyakan mereka terdiri daripada PTD Officers. Tetapi dengan meletakkan ketidakjelasan ini, menunjukkan Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak jelas, kalau seorang daripada PTA dilantik menjadi Setiausaha Dewan, jelas meletakkan taraf Dewan ini lebih rendah daripada taraf Setiausaha Dewan-dewan Undangan Negeri yang ada dalam seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah suatu perkara penting. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Bayan Baru bahawa

pindaan ini adalah suatu perkara penting yang menyentuh soal privilege Dewan, hak keistimewaan Dewan dan tidak patut dibawa secara sebegini, iaitu dibentangnya kelmarin, bahas hari ini dan akan diluluskan terus, kerana ia melibatkan soal prinsip. Soal prinsip yang saya maksudkan tadi ialah soal sovereignty of the Parliament, soal separation of powers yang menyentuh akar umbi kepada sistem demokrasi yang sedang diamalkan di negara kita. Seperti yang saya katakan tadi, saya tafsirkan bahawa pindaan ini adalah satu encroachment, suatu pelanggaran hak ataupun campurtangan daripada badan Eksekutif dalam urusan Parlimen, sedangkan ini mestilah dianggap sebagai suatu hak istimewa Parlimen. Saya mencadangkan kalau pindaan ini hendak dibawa juga, dan saya percaya akan diluluskan dalam Dewan ini, dan kalau barangkali pindaan ini diluluskan, ianya akan menyentuh soal-soal kebebasan dan soal-soal campurtangan yang saya maksudkan tadi.

Yang keduanya, selain daripada pandangan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara, apakah kakitangan-kakitangan Parlimen yang akan terlibat dengan pindaan Perlembagaan ini telah ditanya mengenai suara mereka? Apakah mereka bersetuju dengan cadangan ini untuk membuka Perkhidmatan Parlimen ini kepada Perkhidmatan Awam dan Perkhidmatan Tadbir? Apakah mereka bersetuju untuk menjadikan jawatan-jawatan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini suatu perkhidmatan terbuka, tidak perkhidmatan tertutup seperti yang ada pada hari ini? Saya percaya bahawa pandangan mereka ini tidak diminta. Kalau pandangan ini diminta, saya percaya mereka akan menyuarakan rasa tidak puas hati dan icrkilan mereka dengan pindaan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Daripada apa yang dibentangkan oleh Yang

Berhormat Menteri tadi, pindaan kepada kawasan pilihanraya dalam negara kita dibuat dalam tahun 1984, iaitu masuk tahun ini, 1992, cukup 8 tahun tempohnya. Di bawah peraturan yang sedia ada, kajian semula dibuat dalam tempoh 8 tahun, dan pihak Suruhanjaya Pilihanraya diberi tempoh dua tahun untuk membuat kajian. Tetapi apa yang berlaku dalam kes ini, Rang Undang-undang ini sudah dibentangkan genap tempohnya 8 tahun. Permasalahan yang timbul kepada kita bilakah kajian oleh Suruhanjaya Pilihanraya telah dibuat. Ini jelas menunjukkan bahawa sekali lagi pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah membuat kerja dengan telunjuk pihak Kerajaan; menunjukkan bukti dengan jelas bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya sebenarnya tidak bebas seperti yang dikatakan, iaitu suatu suruhanjaya yang bebas; menunjukkan bukti bahawa Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak bebas, tidak berani melaksanakan peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan mengenai peraturan perjalanan pilihanraya ialah mengenai suatu perkara yang selalu dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, iaitu berhubung dengan undi pos. Walaupun telah jelas di dalam peruntukan mengenai peraturan pembuangan undi mengenai undi pos, telah berkali-kali kita bangkitkan bukan sahaja soal kepentingan parti Pembangkang tetapi kepentingan semua pihak.

Bersabit dengan undi pos, kita menekankan bahawa perwakilan dari tiap-tiap parti politik mestilah diberi hak untuk menyaksikan proses pembuangan undi di dalam tempat mengundi yang berkenaan, iaitu dibenarkan oleh melantik polling agent and counting agent. Walaupun peruntukan undang-undang adalah sudah jelas dan tidak ada pengecualian diberikan kepada Angkatan Tentera, tetapi bagaimana pihak Suruhanjaya Pilihanraya boleh mendengar pandangan daripada pihak Angkatan Tentera, sehingga tidak

membenarkan mana-mana polling agent and counting agent, dengan iznin, Tuan Yang di-Perlu, untuk masuk memerhati proses pembuangan undi. Tuntutan ini kita buat bukan untuk kepentingan parti-parti Pembangkang, tetapi untuk kepentingan semua pihak supaya proses pengundian di negara ini berjalan dengan adil dan tidak menampakkan tanda-tanda bahawa proses pembuangan undi sudah diselewengkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa pindaan ini adalah untuk menggambarkan pertumbuhan penduduk di setiap negeri, maka kawasan-kawasan pilihanraya itu perlu dibubar. Tetapi pada pandangan saya, ianya tidak menggambarkan hasrat sedemikian. Apakah justifikasi negeri Kelantan hanya mendapat satu kerusi sahaja, berbanding dengan Wilayah yang mendapat 3 kerusi dan Selangor 3 kerusi? Apakah justifikasinya pembahagian kerusi ini dibuat? Yang keduanya, jelas seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Bayan Baru bahawa pembahagian kerusi ini, penambahan 12 kerusi baru ini, dengan niat untuk menambahkan jumlah kerusi Barisan Nasional di dalam Parlimen ini. Sebab kalaulah Taktor ini tidak icrdapat, sudah tentu pindaan ke alas kedudukan kerusi di negeri Sabah dan di negeri Kelantan yang dikuasai oleh Pembangkang akan diambil kira. Saya tidak nampak apa justifikasinya mengapa Sabah tidak mendapat peruntukan untuk menambahkan kerusi di dalam pindaan yang dibawahnya ini. Begitu juga dengan Kelantan yang hanya mendapat satu pertambahan kerusi. Inilah soalnya. Dan kemudian, Terengganu. Terengganu satu lagi tidak memperolehi kerusi. Barangkali pihak Kerajaan menjangkakan dalam pilihanraya akan datang, Terengganu akan jatuh ke tangan Pembangkang, kalau lambah pun tak ada guna, dengan kedudukannya. Jadi, saya minta satu justifikasi yang

jasas, suatu penerangan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin);**  
Pasir Mas.

5.17 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka merujuk Rang Undang-undang bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dan tertarik dengan hujah yang telah disampaikan oleh Ahli Parlimen dari Kok Lanas.

Pertama mengenai dengan penambahan kerusi yang telah dicadangkan sebanyak 12 mengikut Rang Undang-undang ini. Dan -sekaligus dikaitkan juga dengan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya. Saya dapati hujah Yang Berhormat dari Kok Lanas adalah bercanggah, di mana beliau mengatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak bebas dan mengikut telunjuk dan kelingking Kerajaan. Saya juga dahulu, Tuan Yang di-Pertua, benanding atas tiket 46. Saya tidak percaya PAS dan 46 boleh memerintah Kelantan ataupun Sabah jatuh ke Pembangkang kalau Suruhanjaya Pilihanraya sebenarnya memihak kepada satu pihak yang lain, ataupun mengikut telunjuk kelingking Kerajaan. Ini perkara yang saya rasa tidak boleh di terima oleh akal. Kita boleh menerima kalau hujah-hujah yang dapat menunjukkan dari segi perkara-perkara yang tepat, tetapi dalam soal pindaan Perlembagaan ini ialah satu kehendak Perlembagaan, yang dituntut oleh Perlembagaan, iaitu sesudah 8 tahun sekali, pindaan mesti dibuat untuk ditambah kerusi Dewan Rakyat. Kita tahu penduduk negara kita makin schari makin bertambah. Rakyat mesti diwakili di Dewan Rakyat dengan cara yang berkesan.

Sebab itu kawasan yang ditambah ialah kawasan penduduk yang padat seperti di Wilayah Persekutuan. Kita boleh lihat penduduk di Wilayah Persekutuan begitu ramai, begitu juga dengan kawasan di negeri-negeri yang ditambah sampai tiga kerusi. Bukan sahaja soal melihat dari segi perspektif sentimen politik, ada perkara yang kita boleh menentang, menolak atas dasar sentimen politik. Tetapi menolak ataupun menentang atas dasar sentimen politik semata-mata dengan melihat bahawa perkara itu benar, saya bimbang ianya boleh menikam balik apa yang diucap oleh Ahli Parlimen daripada Kok Lanas. Perkara soal tambahan 12 kerusi ini ialah satu perkara yang telah menjadi perkara biasa, sesudah cukup lempoh di mana kawasan perlu dipinda dan ditambah.

Kalau Yang Berhormat ingin tahu, kalau dikatakan bahawa pindaan ini ada sokongan alaupun telunjuk oleh pihak Kerajaan, saya sendiri mendapat tahu, ramai di kalangan pemimpin-pemimpin parti UMNO, dan juga pemimpin-pemimpin parti-parti lain yang menjadi anggota Barisan Nasional, juga lidak senang hati dengan pindaan kawasan ini, kalau hendak diambil kira dari segi soal sama ada kawasan itu selamai atau tidak untuk satu-satu calon. Ada juga yang membuat rungutan, ada juga yang membuat bantahan. Kalau hendak mengatakan bahawa ini merupakan yang ditunjuk oleh pihak Kerajaan, asas ini saya rasa tidak boleh diterima dan saya percaya di atas sentimen dan emosi semata-mata, walaupun Ahli Parlimen dari Kok Lanas sebagai seorang Peguam.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya menolak hujah Ahli Parlimen dari Kok Lanas di atas prinsip yang saya sebutkan tadi, ianya tidak ada kena-mengena dengan soal kononnya ianya dirangka atas arahan pihak Kerajaan.

Saya percaya, sebagai anggota UMNO, yang menjadi anggota Barisan Nasional, rakan-rakan kita dalam Semangat 46 yang dahulu, pun, saya

percaya, di waktu meminda kawasan-kawasan dahulu pun, lebih mengetahui daripada kita sekarang, cuma oleh kerana sudah timbul masalah pergeseran politik dan berbeza pendapat, maka tuduh-menuduh mula timbul, Tetapi perkara seumpama ini pernah dibuat dahulu. Sebelum Barisan Nasional jatuh ke tangan PAS di Negeri Kelantan, pindaan seumpama ini juga dibuat dan kita tahu percubaan campurtangan oleh pihak-pihak tertentu.

Jadi, hujah ini saya kira tidak kena pada tempatnya untuk menolak ataupun menimbulkan niat yang tidak baik pihak Kerajaan dalam meminda kawasan ini.

Saya percaya pindaan ini juga menguntungkan pihak Pembangkang-12 kerusi, kita bekerjalah sama-sama kuat, manalah tahu mungkin bertambah kerusi Pembangkang. Kalau tidak pinda seperti sekarang juga, mungkin tidak bertambah.

Jadi, dengan ada 12 kerusi yang ditambah, bolehlah ada harapan lagi untuk pihak Pembangkang menambah kerusi pada masa akan datang. This is an opportunity, satu peluang yang saya kira positif bagi pihak Pembangkang. Kalau Kerajaan tidak pinda, apa ruginya Kerajaan, hendak katakan tambah 12 kerusi untuk menambah kerusi Barisan Nasional, Barisan Nasional sudah cukup 2/3, dan saya tidak nampak bahawa Barisan Nasional akan tumbang dalam pilihanraya akan datang, sebab itu saya telah masuk Barisan Nasional awal-awal. (ketawa) Saya hanya patuh kepada mandat majoriti rakyat. Rakyat hendak Barisan Nasional terus memerintah. Ini dia hakikalnya. Bukan saya tidak menghormati sesiapa, tinggal lagi mandat yang telah ditunjukkan oleh rakyat.....

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Kok Lanas bangun.

**Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Tadi Yang Berhormat kata, Barisan Nasional tidak akan tumbang dalam pilihanraya yang akan datang. Berani atau tidak Yang Berhormat letak jawatan sekarang dan bertanding semula di Pasir Mas. Berani atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak letak jawatan macam mana, sebab Dewan Rakyat telah pinda Rang Undang-undang. Kalau saya lelak jawatan sekarang, saya tidak boleh bertanding, kena tunggu pilihanraya yang akan datang. Tunggu pilihanraya yang akan datang, kita berianginlah. Kalau letak sekarang, no way saya boleh bertanding, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya buat begitu, bodohlah saya, saya cerdik. *(Ketawa)*

Tidaklah saya hendak letak jawatan sewenang-wenangnya kerana saya tahu, saya tidak boleh beringin. Jadi, tunggu pilihanraya, dua tahun lagi, masa tidak lama, dua tahun lagi kita serah kepada rakyat, kalau terpilih-terpilih, tidak terpilih, itu rakyat punya keputusanlah. Tetapi soal hendak mengatakan 12 kerusi Kerajaan pun ketagih hendak tambah, pinda 12 ini tambah 12 ini, Barisan Nasional ketagih hendak tambah, saya rasa 'too low', saya rasa tidak munasabah, tidak masuk akal. Sebab 12 kerusi bukannya banyak, yang saya katakan tadi ada baik untuk Pembangkang, tengok Negeri Kelantan—tambah satu. Mungkin Pembangkang dapat satu, itu kalau boleh, belum tentu. Nilam Puri belum tentu selamat dalam pilihanraya yang akan datang. Nilam Puri orang Penang, bertanding di Negeri Kelantan. Rantau Panjang daripada Negeri Selangor.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Anak Kelantan yang kalah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Masa itu bukan kila turut sokong sama, akan datang belum tentu, kena balik bertanding di tempat negeri masing-masing, baru kita menjadi pembela rakyat. Kalau hendak cari makan di tempat negeri orang lain-beratlah. Kita mesti balik bertanding, kalau Ahli Parlimen dari Nilam Puri mesti balik bertanding di Pulau Pinang. Ahli Parlimen dari Ranlau Panjang mesli balik bertanding di Negeri Sclangor—baru gentleman. Ini cari tempal yang hendak menang, selcpas itu tuduh orang 'opponunist', kita tiga lagi oppormnist. Ini dia hujahnya. Sebab itu saya katakan, jangan kita persoalkan soal 12 kerusi ini, saya rasa tidak munasabah langsung, kalau selakat hendak berhujah maknanya hendak bantah semata-mata, inilah kenanya. Sebab itu saya katakan kalau hendak bantah apa yang dibuat oleh Kerajaan, cari isu-isu yang solid, yang munasabah. Ini perkara yang tidak tnunasabah langsung yang kita hendak bantah. Pertambahan 12 kerusi ini ialah uniuik faedah semua parti-parti politik dalam ncgara kita ini lebih-lebih lagi untuk rakyat supaya rakyat dapat direpreseni dalam Dewan Rakyat ini dengan lebih berkesan lagi apabila kawasan itu berpecah dan bertambahnya anggota Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara setcrusnya mengenai dengan Perkara 65. Ini bersabit dengan persoalan perlantikan Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dcwan Negara yang dikatakan mencemar kedudukan Dcwan. Saya dari satu segi saya berseluju, saya juga hendak tanya pihak Menteri yang membenlangkan Rang Undang-undang ini mcngeni dengan Clause 1(e) iaitu bersabit dengan mereka yang boleh dilantik walaupun umur telah lebih dari 55 tahun dan tidak teriakluk kepada amalan yang kita amalkan sekarang ini. Ini saya hendak mima penjelasan sahaja, apakah logik dan rasionalnya, sebab kalau perlu kepada kakitangan seumpama ini bolch digunakan kuasa Eksekutif, tidak perlu kita masuk dalam

pindaan Perlembagaan Persekutuan. Tetapi dalam soal Lain-lain bersabit dengan mengatakan soal pindaan ini boleh mencemarkan kedudukan Dewan, saya tidak boleh terima. Sebab mengikut Ahli Parlimen dari Kok Lanis tadi mengatakan perlantikan ini mesti dibuat oleh Jawatankuasa Terpilih (Select Committee). Akhirnya 'pi-mai, pi-mai, tang tu' juga. Kalau kita tubuh Jawatankuasa Terpilih, majoritinya Barisan Nasional juga, Jawatankuasa Terpilih iiu pun akan buat keputusan begilu juga, sama juga. Ini hendak meringkaskan kerja, dan Setiausaha Dewan Rakyat ataupun Setiausaha Dewan Negara, ini tugas peniadbiran, dia bukan anggota Dewan Rakyat, dia bukan mengambil bahagian dari segi pcrbahasan, dia bukan mengundi, yang pentingnya hendak yang cekap, yang boleh mentadbir, yang boleh bekerja supaya Dewan Rakyat berjalan dengan lancar. Soal laraf Dewan Rakyat rendah daripada Dewan Undangan Negeri, kedudukan ini betul dari satu segi memang kita boleh terima, tetapi bukanlah suatu perkara yang mutlak.

Dan saya lebih percaya kerja mesti berasaskan kepada merit, kepada kecekapan, kepada keupayaan. Dari segi soal taraf, macam mana tinggi taraf pun kalau tidak boleh buat kerja, buat apa? Dari segi taraf Udak ada guna pun, yang kita hendak ialah dari segi kecekapan, dari segi keupayaan, dari segi wibawa, Dan kalau wibawa itu baik, cekap dan sebagainya, letak di mana pun, orang akan tengok Dewan Rakyat kita ini tinggi, sebab itu kalau saya hendak tegur, saya tegur Setiausaha Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Negara, pentadbir dan kakitangan Dewan Rakyat ini mesti cekap bekerja, itu yang penting. Bukan soal taraf tinggi/rendah, baru nama Dewan Rakyat/Dewan Negara kila ini harum. Bukan atas dasar seniority semata-mata. Ini yang harus menjadi tumpuan kita. Bukan dari segi soal titik bengik, soal taraf yang kita bangkitkan kerana kalau di bawanya begini, kalau dilantik seperi yang dicadangkan ini

seolah-olah menurunkan taraf Dewan Rakyat, saya tidak percaya begiitu, saya tidak fikir begitu. Dan takkanlah kita hendak lantik orang sesuka hati pula, walaupun ada kuasa demikian. Takkan hendak lantik orang buta huruf, tidakkati hendak lantik orang yang tidak mengaji sekolah, mestilah lantik orang yang tahu buat kerja dan hendaknyanya pula orang yang berpengalaman. Kita jangan terikui-ikut sangat seolah-olah ini dibawa sekali lagi secara diktator, secara hendak membolot kuasa dan seumpamanya tetapi sekurang-kurangnya perkara ini dibentang. Kalau hendak undi sekarang pun boleh undi, 2/3—beres. Tetapi dibawa juga supaya dipcrbahaskan.

Dan kita lihat selama ini, sebelum ini banyak juga Akta-akta yang kita pinda. Saya dahulu juga ragu, saya sendiri mengakui, saya juga menentang dahulu setengah-setengah Akta. Tetapi apabila Akta itu diwujudkan, seperti comohnya Akta ISA, contohnya Akta Polis, Akia Celak, kiranya memang kita menentang dari segi prinsip. Tetapi sampai hari ini pun tidak ada orang complaint, tidak ada pun disatahgunakan. Ahli Parlimen dari Nilam Puri pun ada di dalam Dewan Rakyat, tidak ada pun yang kita bimbangkan dari segi penyalahgunaan kuasa, cuma Akta itu sebagai precautious, sama juga dengan ini. Ini pun bergegar saya tengok Ahli Parlimen daripada Bayan Baru, Ahli Parlimen dari Kok Lanas, saya ingat apakah bendanya, saya duduk di luar tadi, Tuan Yang di-Pertua, hendak runtuh Dewan Rakyat ini, rupa-rupanya bab ini sahaja—no class.

Ini benda besar mana, runtuh Dewan Rakyat. Hendak lantik Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun hendak runtuh Dewan Rakyat. Saya ingatkan Akta ini a matter of life or death. Saya percaya kalau kita lantik orang itu, naniinya tidak boleh berkhidmat dengan lancar, kita boleh tegur di dalam Dewan Rakyat. Kita boleh

minta tukar, undang-undang boleh dipinda, so give the benefit of the doubt. Beri peluang, ini mesti ada niat yang baik. Saya percaya kalau perkara ini telah dikemukakan mesti ada tujuan yang baik. Tidak mungkin dibuat dengan sewenang-wenangnyanya. Apa pentingnya Barisan Nasional dari segi soal perlantikan Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara, apa pentingnya. Hendak kata mengundi dalam Dewan Rakyat? Dia tidak boleh mengundi. Hendak kata dia boleh campur dalam hal politik, dia tidak boleh. Hendakjadi Ahli Majlis Jawalankuasa Tertinggi UMNO, dia tidak boleh, ahli PAS pun tidak boleh, ini kerja di dalam Dewan Rakyat, itu pun kila sibuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara seperti ini, pada saya, ada perkara-perkara yang kita boleh layan dan ada yang tidak boleh kita layan. Tinggal lagi saya minta supaya Menteri memberi reaksi kepada apa yang saya bangkitkan tadi mengenai Fasal 1(e) di bawah perkara ini, sebab saya lengok perkara ini, too special, sangat. Hendak kekalkan pun tidak ada masatah, sebab saya bukan kira besar sangat, tetapi too special dan kalau boleh digugurkan. Kalau tidak, kalau ada hujah yang konkrit kita boleh lerima. Cuma kita bangkitkan dari segi pertanyaan, tetapi dalam bab lain, saya rasa tidak ada cacat dan celanya. Jadi, pihak Pembangkang tidak usah risau, tidak usah rasa bimbang, kerana pertambahan 12 kerusi ini boleh meletakkan angan-angan kepada Pembangkang menambahkan kerusi pada masa akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, cukup setakat itu, dan mungkin rakan-rakan lain hendak bercakap lagi. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5. 35 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar);** Kita sudah dengar cerita yang hangat-hangat. Jadi, saya

cool-down sedikit, berhubung dengan pindaan Perlembagaan yang dibawa ke Dcwan yang mulia pada petang ini.

Dalam pindaan yang telah dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini ada dua perkara yang penting sckali. Pertama, ialah Pindaan kepada Fasal 46, untuk menambahkan lagi Ahli Dewan daripada 180 kepada 192 orang dan juga Negeri-negeri yang diberi peluang tambah Ahli Dewan Rakyat itu ialah dari Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Perlis. Masing-masingnya Kuala Lumpur—3, Selangor—3, Johor—2, Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis—1. Jadi, ada yang mengatakan penambahan ini lidak mencerminkan peningkatan rakyat di tempat-tempat tertentu. Saya rasa, pada zahirnya, pada saya tidak ada board of sensors pun nyata sekali Kuala Lumpur, Selangor dan Johor adalah negeri yang rakyatnya bertambah dengan banyak pada lahun-tahun yang kebelakangan ini. Jadi, wajar sekalilah Kuala Lumpur, Selangor dan Johor itu dinaikkan iaitu 3,3,2 dan lain-lain itu satu. Di Kelantan pun diberi peluang jugasupaya mungkin, kerana di Kelantan dahulu sudah menang banyak, jadi diberi peluang kepada Kelantan untuk menang satu lagi, maka ditambah lagi satu.

Jadi, di lain-lain tempat itu memanglah macam itu, oleh kerana lebih banyak rakyat di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor maka ditambah lagi kawasan. Jadi, penambahan itu nampaknya adalah propotionate dan adil. Jadi, orang kata, saya dari Sarawak menceritakan hal Semenanjung, tetapi kita ini Ahli Parlimen untuk Malaysia maka bercakap juga. Justifikasinya ada. Jadi, dengan itu saya memang menyokong untuk ditambahkan 12 kawasan ini lagi. Dan masanya memang tepat, oleh kerana kajian untuk sempadan di Sarawak telah dilakukan pada tahun 1987 dan kalau tidak ada kajian sempadan itu dilakukan mungkin kawasan Batang Lupar pun tidak ada di sini. Ini memang betul kerana kawasan

Batang Lupar adalah kawasan baru. Jadi, sekarang dengan adanya kajian itu dan telah dilaksanakan pada tahun 1990, tidak bolchlah tambah lagi. Kalaulah besar kawasan menjadi satu justifikasi untuk menambahkan orangnya, maka Sarawak boleh meminta sebanyak mana yang diberi oleh Semenanjung kepada Ahlinya. Kalau buat macam itu orang kata, representasi kepada siapa? Jadi, dari itu saya bersetuju atas penambahan Ahli Dewan iaitu daripada nombor yang telah kita tetapkan dalam pindaan Perlembagaan ini berlandaskan kepada orang yang naik dan bertambah.

Jadi, saya berharaplah kepada pihak-pihak yang tertentu daripada sekarang buatlah kempen supaya dapat menang. Barisan Nasional hendak ambil juga kepada seluruh negara yang diiambah ini. Selaras dengan itu, Senator pun ditambah juga daripada 72 orang kepada 81 orang. Senator ini tidak ada kawasan. Kawasanya menyeluruh. Mana kawasanya pun susah hendak cari. Jadi, pada kebiasaannya, perlantikan Senator ini saya hendak sentuh satu sahaja. Scbagaimana saya telah dimaklumkan, ada seorang Senator yang dilantik daripada bekas perajurit. Soalan yang saya hendak tanya kepada pihak Menteri kenapa tidak adakah Senator yang dilantik daripada bekas Polis. Kenapa tidak. Bahkan banyak juga Polis yang mali, banyak juga pengorbanan pihak Polis. Recognition ada, tetapi penghargaan lidak ada. Kenapa? Jadi, saya berharap jawapannya mestilah diberi kepada Dewan ini supaya kita tahu. Kalaulah ada salah pada pihak Polis itu dan tidak perlu diberi pcnghargaan tidak payahlah diberi penghargaan, beritahu kerana kita hendak tahu juga.

Jadi, saya ingin bertanya kenapakah pihak bekas Polis tidak diberi. Tetapi tidak hendak dengar jawapan menyatakan kalau bekas Polis diberi, bekas Kerani pun hendak minta beri, bekas D.O pun hendak beri, bekas ini pun hendak minta beri. Kalau macam itu saya hendak tanya kembali kenapa bekas askar diberi?



**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Apa bisung. Bunyi berani, tetapi sebetulnya macam 'anjing ikut masuk bawah kaki-mencawat ekor. Saya ini banyak pengalaman, bukan di Dewan ini sahaja, kalau berani betul ikut saya. Jadi, kalau hendak berani berbahas, cakap dalam Dewan, ada peluang diberi. Kalau berani hendak lawan orang, masuk askar, masuk polis, masuk field force, pergi ke Sabah lawan dengan lanun. Banyak tempat. Kalau hendak tunjuk jantan di sini, tidak payah. Sebab kejantanan kita boleh ditunjuk beberapa tahun yang lepas. Masa konfrantasi, masa komunis, tetapi sesiapa manusia yang menunjuk jantan masa itu, semua lari, tidak tunjuk diri.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** (*Bangun*)**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Kenapa Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira dia bercakap di luar tajuk.**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila teruskan.**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Yang di luar tajuk itu termasuklah Tumpat. Tumpat itu sendiri apa pula. Berbalik kepada Dewan—jadi, saya ingin bertanya, kalau adajustificasi yang diberi kenapa bekas-bekas polis tidak dilantik di dalam Dewan Negara sebagai Senator, kalau tidak ada apakah rancangan Kerajaan untuk melantik dan bilakah rancangan ini hendak dijalankan supaya pihak Polis pun merasa mereka juga dihargakan seperti pengorbanan dibuat oleh mereka.

Saya tidak payah lagi, kerana saya sudah ada dalam Dewan ini. Perlantikan kalau ada bukanlah berlandaskan pangkat mereka, bukan Tan Sri, bukan

Jeneral, IGP ataupun Deputy IGP, lantik manusia yang betul-betul dapat mewakili rakyat negara ini keseluruhan dan pihak bekas Polis khasnya.

Fasal 3—Berhubung dengan Pengkajian. Pengkajian sempadan yang patutnya boleh dibuat selepas 8hb November ini. Adakah kajian lama telah dibuat dan adakah kajian akan dibuat selepas 8hb November ataupun undang-undang ini dibuat untuk mengalu-alukan masa yang cukup 8 tahun selepas pengkajian yang telah dibuat itu? Saya hendak bertanya pihak Menteri.

Perkara yang kedua, oleh kerana saya pun tidak hendak cerita panjang sangat. Berhubung dengan pembubaran undang-undang peruntukan untuk anggota-anggota Parlimen, dalam pandangan peribadi saya, tidaklah saya pandang orang yang menjadi pegawai dalam Parlimen ini menganggotai Jabatan ataupun menjadi pegawai bertugas dalam Parlimen ini ada kaitannya sekali dengan 'question of separation of powers'. Oleh kerana mereka ini bukan duduk dalam Parlimen, bukan berbahas di sini ceritakan hal undang-undang, mereka angkat-turun dan naikkan kertas-kertas sahaja dengar tape, hantar ke sana ke sini, jadi errand boy, jadi pegawai eksekutif di sini. Jadi, pada pandangan saya, mungkin ini tidak membabitkan persoalan 'separation of powers'. Tetapi sebatiknya pula, ada orang mengatakan undang-undang yang kita akan buat ini ialah undang-undang yang pertama di Komanwel ini.

Ada orang yang cakap begini. Pertama, di komanwel ini mengatakan bahawa pegawai yang bertugas di Parlimen adalah pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam biasa, bukan daripada set-up Parlimen itu sendiri. Tetapi perlukah kita mengikut negeri-negeri yang berparlimen komanwel yang lain? Tidak bolehkah orang Malaysia buat bendanya sendiri, caranya sendiri? Kerana kita selalu menyebutkan daripada soalan-soalan

bahawa soalan freedom or human rights, apa benda pun, kita katakan ini soal perspektif dan konsep kita. Sepatutnya, kita mengikut kata sendiri apa yang baik dan wajar. Jadi, kalau pembubaran undang-undang ini mendatangkan kebaikan dan wajar dibuat, sepatutnya kita menyokong, sepatutnya dibuat. Tidak payah kita ikut western concept ataupun dasar ataupun cara-cara mereka yang lain, negeri-negeri komanwel yang lain membuat satu-satu perkara.

Jadi, soalan prestige and dignity, orang yang daripada luar itu hendak masuk ke Dewan ini, soalan yang penting ialah bolehkah atau tidak mereka itu menjalankan tugas-tugas di Dewan ini; menjalankan tugas-tugas yang bakal diberikan kepada mereka semasa bertugas nanti digantikan menjadi Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat? Bolehkah mereka menjalankan tugas mereka itu? Soalannya, saya serahkan kepada ke atas kebijaksanaan Kerajaan supaya jangan orang itu dilantik daripada Jabatan-jabatan luar nanti masuk ke Jabatan ini—di Jabatan ini dipandang dengan eksklusif, Jabatan ini belum lagi pernah orang lain menganggotai sebelum daripada ini, yang lain daripada anggota Ahli Dewan itu sendiri membawa undang-undang tertentu.

Jadi, dengan peralihan itu, sepatutnya orang yang dilantik itu dinilai daripada semua segi, bukan sahaja daripada segi merit, kecerdikan dan kebijaksanaan menjalankan tugas tetapi juga daripada dignity dan soalan peribadinya. Kita tidak bolehlah buat macam Amerika kerana hendak melantik judge itu, ia buat di depan Senale Committee, terbuka melalui siaran televisyen, soal peribadi, siapa girl friend, siapa isterinya, itu tidak bolehlah. Mungkin society kita tidak menerima hakikat ini. Tetapi soalan dignity dan penghormatan itu, soalan ini boleh juga dipertimbangkan sebelum melantik seseorang itu kedudukan yang begitu

tinggi, yang begitu terhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Begitu juga orang yang bakal dimasukkan ke Dewan nanti menggantikan pegawai-pegawai yang ada di sini.

Orang yang datang ke sini mestilah menerima latihan bukan sahaja dari segi disiplin, latihan pekerjaan dan latihan mengetahui macam mana tatacara menjalankan tugas di dalam Dewan. Tetapi juga semua etika-etika lain kerana pekerjaan di Dewan dengan pekerjaan di luar mungkin berlainan dan berbeza sekali dengan keadaan di luar. Bahkan ada orang mengatakan kalau ada pegawai daripada Dewan ini keluar nanti, apa tugas yang hendak diberi? Mereka sudah 20 tahun atau 30 tahun bertugas di sini, apa kerja yang mereka itu tahu? Mereka hendak pencon, mungkin tinggal 4, 5 atau 6 tahun bertugas di luar. Apa dia hendak buat? Hendak jadi meter-reader pun tidak boleh. Mungkin tidak tahu macam mana hendak baca. Sebab tugas biasanya berlainan sekali. Jadi, soal latihan, soal seminar, soal pendidikan dan soal orientasi mestilah difikirkan.

Sebelum kita membuat penukaran dan bertanya kepada pihak-pihak yang terterhu, pegawai-pegawai yang tertentu dan lerlibai mesli ditanyakan mereka dahulu sama ada mereka mahu keluar ataupun tidak daripada perkhidmatan di dalam Dewan ini kerana mereka sudah lama di sini sampai 20-30 tahun dihantar ke luar. Dan orang dari luar masuk ke sini, cara dan tugas sangat berlainan. Kalau begitu perkaranya yang di Dewan ini tidak jadi, yang keluar pun tidak boleh buat kerja. Jadi, di mana hendak letak rasional perundangan ini? Tiap-tiap pindaan dan tiap-tiap tindakan yang kita hendak buat itu mesti ada sebab-sebab yang baik yang mendatangkan manfaat kepada semua pihak, Dewan dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam yang di luar.

Memang saya bersetuju kepada anak muda yang menganggotai Jabatan ini, yang bertugas dalam perkhidmatan

Dewan ini memberi peluang kepada mereka membukakan prospek mereka menaikkan pangkat yang banyak lagi di luar, lebih kompetitif yang mungkin mendatangkan hasil yang banyak kerana mungkin mereka baru 20 atau 25 tahun. Ada peluang lagi bertugas 30 tahun di masa akan datang. Dan di Dewan ini, vacancy untuk dinaikkan pangkat ada kurang sedikit—dua Setiausaha dan tiga Speakers. Jadi, peluang itu memang tipislah hendak naik pangkat sampai ke peringkat itu. Tetapi di luar, kalau ada kegigihan atau kemahuan dan ada usaha mereka, peluang mereka masih banyak untuk naik pangkat. Jadi, memang peluangnya ada. Inijugam'enghilangkan kebosanan mereka kalau mereka duduk sangat lama di Dewan—kerja sama sahaja. Mungkin dapatlah pergi ke Australia, pergi ke New Zealand atau pergi ke Amerika dengan Ahli-ahli Parlimen. Tetapi bukan semua itu menjadi teman kita. Mungkin ada juga hendak mendudukkan pangkat-pangkat dan kedudukan yang lebih tinggi daripada itu. Peluang memang ada di luar. Tetapi kepada mereka yang tidak ingin untuk keluar daripada Perkhidmatan Parlimen, patutlah kedudukan mereka di sini tidak terjejas sama sekali dari segi pendapatan dan juga dari segi naik pangkat tetapi dengan adanya pembubaran undang-undang ini di mana letaknya 'the scheme of service' kepada mereka yang tinggal dalam Parlimen ini. Kalau tidak ada undang-undang untuk memberi peluang untuk naik pangkat kerana undang-undang di mana kuasa itu terletak tidak ada lagi.

Jadi, dengan itu kita mesti melihat daripada segala segi sama ada semua yang terlibat, sama ada menerima skim "open service policy" ataupun yang mengatakan mereka sudah tua tidak larat bertugas di luar ataupun bertanding dengan orang di luar duduk di Parlimen di bawah skim yang lama tetapi undang-undang untuk mereka tidak ada lagi pun. Adakah mereka ini mendapat kepastian naik pangkat, naik gaji dengan amaun

yang berlebihan yang sepatutnya diterima kalau mereka continue ataupun mencruskan perkhidmatan mereka di dalam Dewan? Jadi, ini perlu diberi pertimbangan sewajarnya.

Dan yang lebih penting lagi sebelum saya mengundurkan diri, Tuan Yang di-Pertua, ialah soalan—saya mengulangkan sekali lagi soal latihan dan orientasi. Mereka yang keluar daripada Dewan atau perkhidmatan Parlimen masuk ke perkhidmatan awam, jangan mereka ini menjadi less competitive, less efficient and less needed. Di hujung-hujung mereka ini nanti masuk dalam satu peti ais, tidak ada buat kerja, terima gaji pada hujung bulan dan at the end of the day jadi bosan dan frustrated.

Jadi, kila tidak hendak perkara itu berlaku. Mungkin pada masa sekarang mereka senang dan sedap duduk di sini. Tetapi mereka mesti diingatkan bahawa mereka duduk di sini dengan senang-lenang, tidak ada transfer, tidak ada buat apa-apa, mungkin sudah ada rumah di Kuala Lumpur tetapi kalau keluar nanti, mereka terpaksa pindah ke satu tempat dan ditempatkan di tempat yang lain. Dislocation of family mesti dipertimbangkan dan kalau mereka duduk di dalam Jabatan Awam dahulu, adakah mereka menerima gaji yang sama yang mereka terima sekarang. Mungkin mereka naik pangkat yang lebih tinggi lagi. Ini semua mesti diingalkan supaya mereka ini tidak terasa yang mereka ini diketepikan, Maknanya orang Parlimen tidak hendak mereka dan suruh mereka keluar. Bila keluar, orang kata dia tidak pandai kerja dan duduk satu kerusi, hujung bulan terima gaji. Eat blind pay sahaja, makan gaji buta.

Jadi, mana produktivitinya? Jadi, bukanlah saya mcmbantah, di sebalik apa yang saya kala tadi mungkin ada nikmatnya pula. Nikmat yang mungkin Menteri sendiri yang tahu. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak Menteri apakah nikmat yang akan dirasai oleh

pihak pegawai-pegawai Parlimen yang mungkin kena dislocated dan keluar, ada yang masuk ke dalam sini dan orang yang masuk nanti juga mesti diberi latihan dan didikan yang sempurna agar mereka tahu macam mana hendak melayan Ahli Parlimen, Menteri-menteri di dalam Dewan ini kerana mungkin mereka membual pekerjaan yang lain, berjumpa manusia yang lain, bercorak peribadi yang lain di Dewan yang lain sedikit. Bahkan orang kata orang Parlimen mengikut undang-undang dan rule. Bila kata tidak boleh, semua tidak boleh, tetapi di luar lain sedikit.

Jadi, saya berharaplah apa yang saya sebutkan tadi dapat dipertimbangkan dan dipandang dan dikaji dengan teliti supaya sebelum penyelenggaraannya, soalan undang-undang ini saya memang menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka.

5.55 *pig.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini dan juga menyokong pandangan-pandangan yang dikeluarkan tadi Yang Berhormat dari Bayan Baru dan juga Yang Berhormat dari Kok Lanas yang membantah sekeras-kerasnya pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak DAP merasa bahawa pindaan Perlembagaan ini adalah keterlanjuran kerana cara Rang Undang-undang ini dibentangkan dan isi kandungannya adalah sesuatu yang biadab, yang tidak berdemokrasi dan juga menentang segala prinsip-prinsip hak asasi manusia.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, nanti sebenlar, ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak beri kepada orang yang.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada empat sebab mengapa Rang Undang-undang ini bertentangan dengan semua prinsip demokrasi dan juga asas perlembagaan dirangka oleh.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Arau bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum habis satu ayat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan beri tetapi selepas ini. Empat sebab, pertama ia adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar ada point of order.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, saya ingat bolch tukar perkataan biadab kepada perkataan lain, kalau boleh. Kalau untuk tujuan baik, tukar daripada biadab guna perkataan lain. Saya ingat kita faham. Kalau kata kurang baik pun kita faham. Tetapi kalau guna biadab, ini kita sudah memulakan sesuatu yang kurang baik untuk Budget ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya ingat perkaiiaan biadap itu tidaklah sesuai digunakan di dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak tuju kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ia membawa erti yang salah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak tuju kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat ubah perkataan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ulang balik.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak beritahu mengapakah saya menyatakan demikian. Saya hendak berikan empat sebab. Kalau Yang Berhormat tidak setuju selcpas saya bcrikan penjelasan, saya bolch beri jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kenapa bahasa biadab ini dipakai?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia hendak beri penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Walaupun tidak rujuk kepada sesiapa-pun, kita jarang kalau kita hendak katakan babi biadab pun kerana babi memang jenis tidak boleh fikir. Jadi, dia kata pindaan Perlembagaan ini biadab, mana boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, beri dia peluang untuk beri penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Siapa makan cili dia rasa pedas.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Adakah DAP yang biadab?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan. Saya tidak beri jalan, saya hendak teruskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, scbab pertama kerana ia merupakan satu campurtangan poliik.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalau Yang Berhormat tidak mahu tarik balik, saya akan mengatakan bahawa DAP biadab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia tidak ada right of way. Saya rasa.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya kata DAP biadab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Atas apa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Sebab dia bercakap mewakili DAP tadi. Dia kata dia mewakili DAP, macam Setiausaha Agung cakap, "saya mewakili DAP". Bapa tiada, anak mengaku dia mewakili DAP. Begitu ortokratik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak sabarlah.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Oleh kerana.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Oleh sebab perkara ini unparliamentary, tidak dibenarkan, sila duduk. Saya rasa dia sudah kalah di dalam pilihanraya Dewan Perniagaan Melayu, dia sekarang hendak lepaskan geram. Dia sekarang lepaskan geram!

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka. Timbalan Menteri bangun minta jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order, point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya akan beri letapi selepas ini saya tidak mahu beri. Saya belum mula lagi.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Orang yang mewakili DAP bercakap biadab. Jadi, ini bermakna.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan Icpas geram, Icpas geram dengan peniaga-peniaga Melayu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia kalakan tadi dia hendak menjelaskan pengertian yang dia bawa dengan perkataan biadab. Yang Berhormat teruskan, Yang Berhormat katakan ingin memberi penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat katakan tadi ingin menjelaskan kenapa menggunakan perkataan biadab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak jelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Okay baik. Ada empat sebab yang pertama ialah campurtangan politik pihak Kerajaan ke atas kebebasan integriti Suruhanjaya Pilihanraya dalam usaha mereka menjalankan tugas dan kuasa Perlembagaan untuk mengkaji semula dan mengsempadankan kawasan pilihanraya Parlimen. Yang kedua, ia juga bercanggah dengan prinsip.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar, ada point of order daripada Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Adakah perkataan "biadab", parliamentary atau unparliamentary?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat, saya telah katakan bahawa perkataan "biadab" itu tidak boleh digunakan di dalam Dewan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya ingin bertanya Tuan Yang di-Perlu sama ada perkataan "biadab" ini boleh dipakai atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkataan "biadab" memang kita tidak pakai dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi, saya tidak tujukan kepada sesiapa.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Orang ini "frust" sebab dia punya wakil kena gantung jadi dia malulah. Kalau pilihanraya tak apa, tetapi kena gantung dalam Dewan malulah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan lepas geram dengan saya. Kalau saya boleh undi, mungkin saya undi.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Setar ada point of order, duduk sebentar Kota Melaka.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, point of order 36(4). Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat bagi seseorang Ahli menggunakan bahasa biadab. Bahasa biadab dan perkataan biadab ini sama, tidak perlu Tuan Yang di-Pertua minia dia menerangkan maknanya. Perkataan ini telah "biadab". Tidak perlu minia dia menerangkan empat perkara hendak menunjukkan perkataan biadab. Diakata tadi pindaan Perlembagaan yang kita bentangkan ini adalah biadab. Oleh itu saya minta dia tarik balik, tidak perlu penjelasan,

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sebentar. Saya ingat peruntukan 36(4) itu jelas, perkataan "biadab" tidak boleh digunakan di dalam Dewan. Jadi, kiana mintalah Yang Berhormat tarik balik, perkataan itu tidak sesuai di dalam Parlimen.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak tujukan kepada sesiapa. Saya cakap cara yang tidak demokrasi, cara biadab. Saya tidak tujukan kepada sesiapa, boleh check *Hansard*. Kalau Tuan Yang di-Pertua cakap saya ada tujukan kepada sesiapa, sila sebutkan. Saya tujukan kepada siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Perkataan "biadab" yang disebutkan tadi ada maksudnya, itu sebab tidak boleh digunakan di dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi Speaker sudah buat keputusan. Kalau saya tidak tujukan kepada sesiapa.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order yang dikemukakan oleh Kota Setar mengatakan perkataan "biadab" tidak boleh digunakan di dalam Dewan, tidak bolehlah digunakan. Yang Berhormat kena tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak boleh digunakan jika ditujukan kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya mintalah tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak teruskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Itu kena point of order Yang Berhormat, kita ada peraturan dalam Mesyuarat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan...ini tak betul...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kalau betul saya tujukan kepada sesiapa saya akan tarik balik. Tetapi saya tidak tujukan kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, 36(4), perkataan "biadab" yang disebut itu walaupun sesungguhnya tidak sebegitu jelas ditujukan kepada sesiapa, tetapi membawa makna yang ertinya biadab terhadap sesuatu pihak.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan....saya berasa dari segi prinsip..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Tariklah Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak tarik,... Yang Berhormat tidak boleh berucap, banyak gangguan.

*(Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Tidak ada masalah. Yang Berhormat tarik kerana perkataan itu tidak sesuai.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan kerana saya...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Kita ada peraturan dalam mesyuarat ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak salah, kalau saya salah saya akan tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Saya tidak mengatakan Yang Berhormat salah, mengikut Peraturan 36(4) Yang Berhormat kena tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tujukan, saya hendak rujukkan kepada....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak rujukkan kepada ruling yang telah dibuat oleh Tuan Speaker.

**Tuan Wong Wing Onn:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkataan "biadab".....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Speaker telah menyatakan kalau saya tujukan kepada sesiapa saya akan tarik balik, tapi kalau saya tidak tujukan kepada sesiapa, saya cakap cara.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, larik perkataan "biadab"...

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya cakap cara tergesa-gesa ini biadab. Ini Perlembagaan, suatu perkara yang penting.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, menggunakan perkataan "biadab" mestilah dengan ada tujuan tertentu....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Jadi, tujuan tertentu itu....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak berikan empat sebab....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Menunjukkan kepada sesuatu yang kita tidak boleh gunakan dalam Dewan. Saya minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ada orang yang lebih teruk....

**Tuan Lau Dak Kee:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Ya, apabila ada orang yang menggunakan, kita akan gunakan juga Peraturan Mesyuarat.



**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, minta tarik balik Yang Berhormat. Tolonglah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mengeluarkan perkataan unparliamentary. Saya kata ini caranya biadab. Apa salahnya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat tariklah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak menunjuk kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Kalau Yang Berhormat hendak berucap tanpa gangguan saya minta Yang Berhormat tarik balik. Please.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ini tidak adil....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak kalah dalam perbahasan kalau Yang Berhormat tarik kerana perkataan itu.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini tidak adil kerana saya tidak.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak menunjuk kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya telah mengatakan dalam Peraturan Mesyuarat ialah 36(4) tidak semestinya kita "point finger at someone". Ini perkataan telah digunakan....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini telah....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Dengan maksud tertentu....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini telah diputuskan oleh Tan Sri Zahir sendiri....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Beberapa Ahli:** (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** di mana beliau menyatakan kalau tidak dilujukan kepada sesiapa, tidak ada apa-apa....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat saya mengatakan bahawa perkataan "biadab" itu digunakan dengan maksud tertentu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak ada!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Menyinggung perasaan orang tertentu dalam Dewan ini. Kita boleh katakan bahawa Yang Berhormat mempunyai maksud terhadap Menteri yang membawa Undang-undang ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh tanya. Boleh tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah saya tuju kepada dia?

**Beberapa Ahli:** Tanya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah saya sebut Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah tidak?

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkataan "biadab" dalam kita membincangkan Perlembagaan seorang Ahli Yang Berhormat yang setia kepada Negara dan Perlembagaan tidak boleh mengatakan "biadab".

**Beberapa Ahli:** Setuju!

**Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Dan Tuan Yang di-Pertua telah membuat ruling, dia terpaksa mengikut kepada ruling.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sungguhpun ruling itu salah? Apa undang-undang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau Yang Berhormat mempertikaikan keputusan itu.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya...sayatidak boleh dengar dia banyak kacau....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Sebentar ya, saya telah membuat ruling bahawa perkataan itu tidak boleh digunakan. Saya minta Yang Berhormat larik. Kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan kepulusan Yang di-Pertua, kita ada peruntukan yang tertcnui untuk mencabar keputusan tersebut, trbukalah kepada Yang Berhormat. Saya minla Yang Berhormat tariklah.

**Beberapa Ahli:** Tak hendak larik, keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Minta Yang Bcrhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolch saya teruskan?

**Beberapa Ahli:** Tarik dulu!

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat kena tarik perkataan "biadab" itu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Bolch, selepas Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan Lun Guan Eng:** Kalau saya tidak tarik balik saya tidak bolch teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Tidak boleh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah ini ruling Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Itu ruling!

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu ruling dari Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Ya. Itu ruling mengikut Peraturan Mesyuarat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini ruling salah Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat peluang untuk menarik balik perkataan itu, ya. Sila Yang Berhormat. Mintalah. Yang Berhormat kalau tarik balik pun sebagai "gentleman" tidak kalah dalam perbahasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Dari segi prinsip saya tidak salah...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya memuluskan mengikut Peraturan Mesyuarat hutan kerana dengan apa-apa....

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Ini salah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat sila tarik balik. Tarik balik!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak ada masalah. Saya harap Tuan Speaker boleh tegakkan keadilan. Saya tidak tujukan kepada sesiapa. Ini sangat tidak adil.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, saya minta sahaja itu perkataan. Lepas itu tidak ada masalah. Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan ucapan saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Di bawah protes, di bawah protes....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat tarik balik!

**Tuan Lim Guan Eng:** Di bawah protes saya akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** Tarik! Tarik!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut empat sebab.....

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia tidak tarik balik!

**Tuan Yim Chee Cheong:** (*Bangun*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, sudah cukup dah, sudah selesai, dia mengikut keputusan yang telah dibuat....

**Seorang Ahli DAP:** Sudahlah. Apa ini, mahu gaduhkah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Empat sebab. Satu, kerana ia merupakan satu campurtangan politik ke atas kebebasan dan integrity Suruhanjaya Pilihanraya dalam menjalankan tugas dan kuasa Perlembagaan untuk mengkaji semula.....

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit....

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti, saya habis dulu saya akan beri. Saya belum habis lagi.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Ini mengenai....

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila duduk! Patuhi Peraturan Mesyuarat. Sila duduk!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Ya dia tidak beri. (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Untuk mengkaji semula dan mempersempadankan kawasan pilihanraya Parlimen—satu. Dua, kerana ia bercanggah dengan prinsip seorang seundi atau "one man one vote principle, satu prinsip asas di mana-mana sistem demokrasi di dunia ini. Ketiga, kerana ia menghakis dan menceroboh prinsip parliamentary sovereignty, dengan izin, dan juga kebebasan Parlimen dengan memansuhkan perkhidmatan bertutup anggota-anggota Parlimen dengan menjadikan mereka sebahagian daripada Perkhidmatan Awam di negara kita dan ini adalah sangat bahaya kerana bukan sahaja dia merupakan satu 'coup d'etat' (*Tepuk*) kuasa Parlimen, ia menjadikan Parlimen sebagai satu jabatan kecil di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam atau

Jabatan Perdana Menteri—satu jabatan kecil. Di manakah letaknya keunggulan (*Tepuk*) supremacy Parlimen dan kalau Rang Undang-undang ini diluluskan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional bertanggungjawab melakukan pembunuhan, pembunuhan atau murder (*Tepuk*) in bright day light, dengan izin, murder of Parliamentary democracy. (*Tepuk*).

Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dia juga menunjukkan sikap tidak hormat malah menghina Parlimen oleh Kerajaan Barisan Nasional, kerana tidak sampai 24 jam Rang Undang-undang ini dibenlangkan di Dewan yang mulia ini, ia dibahaskan dengan begitu senang dan begitu tidak penting, dalam atmosphere, dalam alam atau suasana yang tidak penting sekali. Saya hendak mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa satu pindaan Perlembagaan seperti ini amat penting diteliti kerana ia akan membawa kesan yang besar kepada semua rakyat Malaysia dan untuk sesuatu Rang Undang-undang seperti ini dalam masa 24 jam—saya tidak tahu sama ada sesiapa mempunyai masa dan kemampuan untuk meneliti dan membahaskan dengan baik Rang Undang-undang ini—24 jam, ekspres. Saya hendak tanya di manakah negara...

**Tuan Yim Chee Cheong:** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak bagilah, orang tidak ada standard tidak bagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Minta duduk Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Di manakah negara yang ada membahaskan pindaan Perlembagaan dalam masa 24 jam? Saya hendak tanya. Di manakah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, dalam masa 24 jam ia dibentangkan, dibahaskan? Ini adalah satu penghinaan

bukan sahaja kepada Parlimen tetapi juga kepada Perlembagaan Malaysia kita. 24 jam, ingat, apa ini? Mi segera? Mi segerakah? Pindaan segera seperti masak mi segera!

**Seorang Ahli:** Dua minitkah, mi dua minitkah?

**Tuan Lim Guan Eng:** 24 jam, 24 jam hendak dibahaskan. Saya rasa ini menunjukkan ketelanjuran—dan saya telah cakap tadi, tetapi tidak dibenarkan "biadab"—sikap Barisan Nasional.

Saya percaya bahawa kalau semua sistem Parlimen, semua Ahli Parlimen di negara demokrasi ditanya, diberitahu bahawa ini adalah amalan Parlimen Malaysia, amalan Kerajaan Barisan Nasional, mereka akan merasa sangat sorry, feel very sorry, dengan izin, untuk sistem demokrasi Malaysia.

Saya tidak tahu mengapa pihak Kerajaan harus bersikap sebegitu tergesa-gesa, terburu-buru dalam membentangkan Rang Undang-undang ini. Mengapakah pihak Barisan Nasional membuat satu pindaan yang amat penting tanpa sebarang rundingan, bukan sahaja pindaan untuk menambah kerusi Parlimen tetapi juga yang menjejaskan kedudukan anggota-anggota Parlimen. Adakah rundingan diadakan dengan anggota-anggota Parlimen? Saya rasa mungkin Tuan Speaker sendiri pun tak tahu, bila dia baca dalam Order Paper, pindaan Perlembagaan, baru dia tahu, ia dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, barulah dia tahu....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin):** Yang Berhormat, Arau minta jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tak beri jalan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
Biadab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, dia tak beri.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa ini?

**Beberapa Ahli DAP:** Tarik balik!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya kata 'biadab'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya akur keputusan Tuan Speaker. Dia pun tadi tak tarik balik, dia kata akur keputusan Tuan Speaker. Saya pun akur keputusan Tuan Speaker.

**Beberapa Ahli DAP:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Biadab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat!

**Tuan Lau Dak Kee:** Yang Berhormat dari Arau, bodoh, sombong, biadab!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan, saya tak mahu membuang masa ke atas orang yang telah kalah dalam pilihanraya Dewan Perniagaan Melayu, dia hendak lepas geram sahaja, tak payahlah. (*Tepuk*) Lepas geram sahaja, tetapi masih tak boleh menang, apa boleh buat?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau hendak lepas geram, lepaskan geram kepada peniaga Melayu!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak teruskan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak mahu. Orang yang telah kalah, tak mahu!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Kalah dalam perjuangan lebih baik daripada diganlung!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak beri. Sila patuhi Peraturan Mesyuarat, sila duduk!

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Kota Selar, point of order.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** 36(1). Kedua-dua ini bcr-tengkar, tidak ada kena-mengena dengan Akta ini, Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Kota Setar kata kedua-duanya tak ada kena-mengena. Teruskan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Ini kisah Dewan Perniagaan, siapa kalah dan siapa menang dibawa masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ucapkan terima kasih. Kacau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya pilihanraya adalah satu badan yang telah diberikan kuasa untuk menjalankan tugas penting demi menjamin dan mengekalkan sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia. Dan satu sifat yang penting sekali ialah kebebasan dan tidak memihak kepada sesiapa atau neutrality, dengan izin, tetapi tindakan Kerajaan Barisan Nasional dengan mencadangkan pindaan ini telah merampas hak, kuasa dan sifat kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya.

Di bawah Perkara 113, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apakah buktinya?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita sekarang bahas perkara yang penting, bukan yang remeh-temeh.

Mengikut Perkara 113(2) menyatakan, dengan izin, "The Election Commission shall conduct a review on the division of the Federation and the States into constituencies and recommend such changes therein as they may think necessary...." dan selepas itu, "...they shall be at intervals of not less than eight years between the date of completion of one review and the date of commencement of the next review under this Clause."

Jelas sekali kalau kita ikut peraturan yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihanraya hanya boleh menjalankan satu kajian semula 8 tahun atau 1993 kerana kajian semula yang terakhir dijalankan, diwartakan dan diluluskan pada tahun 1985, tetapi pindaan ini, dengan izin,

preempt membenarkan kajian semula dengan lebih awal. Ini menidakkan tugas dan fungsi Suruhanjaya Pilihanraya. Lagipun, Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yim Chee Chong:** Parliament is supreme.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** ... Fasal 3 sekali lagi mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya supaya menjalankan kajian semula ini selepas Rang Undang-undang ini diluluskan dan diwartakan. Kalau inilah lujuan Kerajaan Barisan Nasional, apa gunanya Perkara 113? Apa gunanya peruntukan untuk membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan kajian semula ke atas kawasan pilihanraya ataupun bahagian negara dalam kawasan pilihanraya dan negeri, apakah gunakan perkara seperti ini? Ini merupakan bukan sahaja 'coup d'etat' kuasa Parlimen, tetapi juga perampasan, pencerobohan kuasa kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya.

Di bawah Perlembagaan, Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah badan yang tidak boleh dihamba abdikan oleh sesiapa, tetapi Kerajaan Barisan Nasional dengan kuasa majoriti 2/3, kuasa mutlak, sekali lagi menunjukkan kuasa suka bermaharajalela dengan meminda Perlembagaan dengan sesuka hati, dengan sewenang-wenangnya.

Di sini bukan sahaja kita hendak bertanya apakah asas kita menambah 12 kerusi Parlimen di 7 buah negeri? Kalau kita benarkan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan tugas mereka, adakah Barisan Nasional takut bahawa Suruhanjaya Pilihanraya akan melakukan kerja mereka dengan adil yang tidak akan memberikan faedah atau advantage, dengan izin, kepada Barisan Nasional. Oleh sebab itu, mereka mesti preempt,

membuat pengumuman dahulu bahawa ini adalah kuota seperti ini, Suruhanjaya Pilihanraya tak boleh tukar langsung. Adakah ini bermakna sekarang Kerajaan juga hendak menjadikan Suruhanjaya Pilihanraya sebagai satu jabatan cksekutif atau Kerajaan? Inijelas tujuan pindaan Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa kita kepada sebab kedua saya, iaitu prinsip 'seorang seundi' atau 'one man one vote principle' dicabuli, kerana saya hendak tahu apakah kriteria 12 kerusi Parlimen ditambah hanya kepada 7 buah negeri, apakah kriteria? Ini tidak dijelaskan di sini. Ini mcngikut selera pemimpin semasa di Barisan Nasional. Apakah kriteria? Mengapakah setengah-setengah negeri mendapat tambahan kerusi, lebih kerusi, dan mengapakah negeri lain tidak ada satu kerusi extra langsung, apakah sebabnya? Kalau kita tinjau dari segi amalan Suruhanjaya Pilihanraya yang lepas, biasanya tugas mempersempadankan kawasan pilihanraya adalah berdasarkan kepadatan penduduk sesebuah negeri. Kalau kita mengikut sekali lagi kriteria ini, angka-angka ini semua daripada Laporan Pilihanraya Umum Malaysia yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya yang baru dicelak, Perlis penduduknya pada tahun 1986 adalah 85,394. Dalam tahun 1990 telah bertambah sehingga 99,097 orang, tambahan sebanyak 13,703 orang. Ini ialah jumlah pemilih yang berdasarkan penduduk, dan di bawah Rang Undang-undang ini Perlis akan mendapat tambahan satu kerusi Parlimen.

Di sini sungguhpun saya memang tidak suka tclatah Ahli-ahli Parlimen tertentu dari Perlis, tetapi saya tidak menentang tambahan satu kerusi untuk Perlis, tetapi saya hendak tanya kalau Perlis di mana pemilihnya telah bertambah sebanyak 13,000 boleh mendapat satu kerusi lebih, mengapakah negeri-negeri lain tidak diberikan layanan yang sama? Sebagai satu comoh,

di Pulau Pinang dalam tahun 1986 jumlah pemilihnya ialah 522,194 orang, manakala pada tahun 1990 ialah 559,223 orang—tambahan sebanyak 37,029 orang, iaitu hampir-hampir tiga kali ganda daripada tambahan pemilih di negcri Perlis, tiga kali ganda tetapi satu kerusi tambahan pun tidak dapat. Kita ada dua orang Menteri dari Pulau Pinang di sini, termasuk seorang yang dikaiakan bakal Perdana Menteri Malaysia—dikatakanlah!

Saya hendak tanya apakah kriteria di mana negeri Pulau Pinang—satu daripada dua orang tidak tahu siapalah, ada dua orang Menteri—mengapakah Pulau Pinang dimana jumlah pemilihnya telah bertambah tiga kali ganda lebih daripada Perlis, mengapakah satu kerusi tambahan pun tidak diberikan? Adakah ini satu act of vengeance, balas dendam ke atas rakyat Pulau Pinang kerana hampir-hampir menumbangkan Kerajaan Negeri Barisan Nasional. Adakah ini juga telah mendapat persetujuan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang? Kalau begitu, saya rasa ini menunjukkan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang tidak guna langsung, tidak boleh jaga hak dan kepentingan rakyat Pulau Pinang. (*Tepuk*)

Saya harap Yang Bcrhormat Menteri boleh memberikan pcnjelasan yang baik dan betul, mengapakah Pulau Pinang dan juga negeri yang lain tidak diberikan layanan yang sama dan adil. Di antara negeri-negeri lain, di negeri Perak jumlah pemilihnya pada tahun 1986 ialah 954,180, tetapi pada tahun 1990 jumlah pemilih telah bertambah 1,031,380 orang—tambahan sebanyak 77,200 pemilih. Berapa kali ganda? Hampir 5 kali ganda atau 6 kali ganda.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya cuma hendak tahu daripada Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Yang Berhormat sedar bahawa dalam menentukan tambah atau tidak satu kawasan pilihanraya, bukan hanya bergantung kepada soal jumlah undi, tetapi juga ia bergantung kepada fakta-fakta lain seperti kepadatan suatu kawasan atau maju-mundurnya satu kawasan serta fakta-fakta yang lain juga, itu sudah tentu telah diambil kira oleh Suruhanjaya dalam menentukan soal-soal penambahan kerusi ini. Jadi adakah Ahli Yang Berhormat sedar?

Keduanya, saya baru membaca satu artikel dalam *Far Eastern Economic Review* bertarikh 1hb Oktober, 1992 di mana banyak komen-komen yang telah diberi oleh Ketua Pembangkang mengenai Parlimen kita. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa performance Ahli Yang Berhormat setakat ini jelas membuktikan, atau adalah satu bukti yang paling nyata, tentang apa yang dikatakan oleh penulis ini, iaitu 'The decline and disorder of the Malaysian Parliament'? (*Tepuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak baca atau tidak tahu Standing Orders: kita tidak boleh baca suralkhabar atau majalah di Dewan yang mulia ini! (*Tepuk*) Tetapi tidak apalah, saya tidak akan pursue perkara yang remeh-temeh ini. Saya akan menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi hanya hendak mengingatkan mengenai Standing Orders yang kita ada di sini. Dan ini adalah penting kerana Rang Undang-undang ini akan menghakis lagi kuasa Parlimen.

Tadi apabila saya mengeluarkan satu perkataan yang tidak dthujukan kepada sesiapa, saya diberitahu bahawa ini tidak dibenarkan. Bukankah ini satu decline

and disorder di Parlimen, apabila Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Mohamed Zahir sendiri menyatakan bahawa ini tidak menjadi apa-apa masalah. Sepanjang pengalaman Yang Berhormat sebagai seorang veteran, Ahli Parlimen bagi beberapa penggal, beranikah Yang Berhormat menyatakan bahawa adalah 'unparliamentary' untuk mengatakan perkataan 'biadab', tanpa menunjukan kepada sesiapa. Beranikah?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka perkara itu sudah selesai.

**Tuan Lim Guan Eng:** Baik, saya hormati Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ungkit perkara ini, saya hanya hendak memberikan ingatan kepada Yang Berhormat ini.

Yang kedua, kalau kita hendak mengikut kriteria kepadatan penduduk saya setuju, kita mungkin harus memberi sedikit kelonggaran. Tetapi adakah kelonggaran diberikan sehingga sebuah negeri, di mana tambahan penduduk ialah 6 kali ganda daripada sebuah negeri yang lain, tidak tambah langsung satu kerusi Parlimen pun? Apakah rasional? Apakah logik? Ini betul-betul tidak masuk akal. Ini petik sekali dan ini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri untuk memberikan jawapan yang jelas mengapa perkara yang anih ini boleh berlaku? 6 kali ganda pemilihannya, satu kerusi tambahan Parlimen pun tidak dapat—Ahli Parlimen Perak pun cabut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak memperjuangkan sedikit hak negeri Melaka. Negeri Melaka mempunyai penduduk 572,408 orang. Ini mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Buku Tahunan Perangkaan 1990 yang menyatakan bahawa jumlah penduduk di Melaka pada tahun 1989 adalah 572,408 orang, manakala untuk Perlis hanya 183,799 orang, mungkin inilah sebabnya orang



Perlis kalahlah—tidak apa. Tetapi ini menunjukkan bahawa penduduk orang Melaka.....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Point of order berapa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Point of order. Duduk! duduk dahulu. Point of order.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, saya kata point of order, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Juhar):** Kota Melaka, nanti sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk dahulu, baru saya sebut nombor.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Point of order ya, saya tanya dia, duduk sebentar!

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Arau.

**Tuan Lim Guan Eng:** Berapa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya tahu, saya cakap berapa kali, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Arau masa sudah habis, ya, point of order berapa?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** 36(6). Duduk dahulu, okay, itu yang saya hendak pun. 36(6)—sangkaan jahat kepada saya. (*Ketawa*)

**Seorang Ahli DAP:** Buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tidak, saya hendak dia tarik balik sebab ini melibatkan negeri. Negeri ini ada Raja, ada Sultan, tidak boleh disebut macam itu—sangkaan jahat.

**Ahli-ahli DAP:** Boo!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak ada sebut pun,

**Seorang Ahli DAP:** Duduklah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat ini selepas kalah, dia apa-apa pun boleh cakap. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat....

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Duduk! Tuan Yang di-Pertua, saya kata 36(6). Very good boy! Good boy! 36(6)—sangkaan jahat. Diminta dia tarik balik. Saya cadangkan supaya dia masuk sekolah sekali lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat tidak tujukan kepada Arau.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak mahu berbahas dengan orang yang kalahlah. Manakala untuk Perlis ialah 183,799....

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Menyampuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, apa yang hendak ditarik balik? Saya tidak dengar dia tujukan kepada Arau atau apa.

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(*Menyampuk*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa ini?

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
Sangkaan jahat, mengganggu perasaan!  
(*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Yang Berhormat, kita kena rihat. Masa sudah habis untuk hari ini, sambung besok, ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sambung besok, baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*